

BUNGA RAMPAI

*Bahasa
dan
Kesusasteraan*

MELAYU

di-kumpulkan oleh

ADNAN JAAFAR

BUNGA RAMPAI
BAHASA DAN KESUSASTERAAN
MELAYU

H. HASHIM
PENJUAL BUKU2 SEKOLAH
134, ARAB STREET,
SINGAPORE, 7.

di-kumpulkan
oleh
ADNAN BIN JAAFAR

楊自珍校
Selected Yang Quee Yee

Di-terbitkan oleh
PUSTAKA MELAYU
Malaysia Press Ltd., 745/747, North Bridge Rd., S'pura-7.

"Sastera bukan sa-orang dewi yang di-tugaskan Brahma untuk menghibur manusia terkutok di-dunia ini, tetapi sa-buah kandil yang menerangi pikiran, hati dan jiwa makhluk yang berbahagia."

— KASSIM AHMAD,

di-dalam memperkatakan "Aliran' Yang Terbaharu
di-dalam Persajakan Melayu".

KATA PENERBIT

Oleh sebab perkembangan bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan ia makin luas dan lancar, maka buku² berkénuan sastera Melayu dalam segala lapangan memang sangat² di-kéhendaki, terutama gaya² karangan tiap² pengarang yang patut di-pelajari oleh tiap² orang yang ingin maju dan menguasai Kesusasteraan Melayu.

Buku **BUNGA RAMPAI BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU** ini mengandungi dua belas gaya karangan erti-nya di-tulis oleh dua belas orang ahli bahasa Melayu. Tiap² karangan itu akan kita dapati bentuk, senjoh, lenggang lenggok karangan-nya mengikut chara masing² pengarang itu menulis-nya. Tambahan pula di-dalam dua belas orang pengarang itu kita dapati semua jenis angkatan ada di-sini ia itu pengarang dari Angkatan Baharu hingga pengarang yang di-katakan Angkatan Lama. Juga pengarang lepasan yang di-katakan dari Sekolah Atas hingga-lah kepada pengarang lepasan University, maka oleh itu buku ini sangat baik menjadi panduan kepada orang² yang ingin mempelajari perkembangan Kesusasteraan Melayu dengan mendalam.

Mudah-mudahan buku ini dapat perhatian dan sambutan kepada orang² yang sedang mempelajari bahasa Melayu terutama kepada penuntut² yang mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Kebangsaan di-seluruh sekolah² dalam Tanah Melayu khas-nya dan di-seluruh Malaysia 'am-nya.

— Penerbit.

Singapura,
31 Ogos, 1963.

KATA PENGANTAR

Melihat pertumbuhan dan perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu pada masa ini, maka kita penuh percaya dan yakin bahawa bahasa dan kesusasteraan Melayu akan mencapai puncak dan meredu kejayaan dan ketinggian-nya, sa-tanding dengan segala bahasa dan kesusasteraan bangsa lain yang jaya dan tinggi di-dunia ini.

Bagitu pesat-nya perkembangan dan pertumbuhan itu adalah kerana bagitu besar-nya minat dan perhatian kita yang telah kita tumpahkan kepada bahasa dan kesusasteraan kita itu. Di-sana sini, ahli² bahasa, tokoh² kesusasteraan dan peminat²-nya sentiasa mem-perkatakan segala soal² yang mengenai Bahasa dan Kesusasteraan kita itu.

Buku ini di-lahirkan untuk menampung sa-bahagian dan sa-bilangan kecil dari segala pandangan dan persoalan itu untuk di-tatap dan di-perhatikan oleh kita bersama, sa-moga dapat pula men-jadi panduan, bahan² kajian dan isi² perbincangan kita kelak.

Apa yang sangat kita rasakan sekarang ini ia-lah kita amat ke-kurangan buku² yang khusus membincang dan mem-perkatakan segala soal² yang berhubung dengan bahasa dan kesusasteraan kita, dan kerana itu pula segala hasil karya yang berupa sastera di-hasil-kan oleh bangsa kita tidak dapat di-beri penilaian dan ukoran-nya yang tertentu, maka di-biarkan bagitu sahaja tidak di-perkata dan di-beri penilaian dan pandangan serta kritik² yang membina terhadap-nya yang kelak dapat di-jadikan sa-bandingan oleh angkatan akan datang.

Kerana kekurangan buku² yang seperti ini juga, maka segala perkembangan dan pertumbuhan bahasa dan kesusasteraan kita di-Malaya ini tidak bagitu di-ketahui oleh orang² luar. Sa-moga buku ini akan menjadi usaha permulaan ka-arah tersebut dan sa-moga akan berjaya mencapai tujuan yang tersebut itu.

Sa-satu yang di-hasilkan oleh kesusasteraan ada-lah menjadi makanan rohani, jika makanan yang di-hasilkan-nya itu tidak mengandungi dzat² yang berguna kepada rohani, maka penghasilan itu ada-lah sesia sahaja. Demikian pula apabila makanan yang di-hasil-kan itu mengandungi racun, maka rohani dan jiwa masyarakat akan keracunan juga. Oleh kerana itu sa-tiap hasil yang di-lahirkan oleh kesusasteraan sa-lurus-nya mendapat bimbingan dan perhatian yang tertentu supaya sa-tiap hasil akan menjadi sa-bagai cahaya yang menyuluh ka-jalan bahagia dan tentram.

Bebberapa buah rencana yang di-muatkan di-dalam buku ini ada-lah memperkaya dan membinchangkan Bahasa dan Kesusasteraan kita dari berbagai bentuk dan segi, dari berbagai jurusan dan pandangan. Tetapi sa-binar-nya tidak-lah meliputi semua bentuk dan segi, semua jurusan dan pandangan, yang ada di-dalam bahasa dan kesusasteraan kita yang maha luas itu. Sa-moga di-dalam buku ini penggal dua-nya kelak, kita akan dapat meluaskan lagi bidang yang tersebut itu, menambahkan lagi segala bidang yang sudah ada diperkaya dan di-perbinchangkan di-dalam buku ini.

Di-samping itu saya tidak lupa menyampaikan ucapan terimakasih saya kepada mereka² yang berkénzan di-atas rencana-nya yang di-jadikan sa-bagai isi buku ini.

Bahasa Jiwa Bangsa!

— Adnan bin Jaafar.

1 Oktobër, 1961.

ISI-NYA

	Muka
Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia — Z'aba.	1
Sadikit Kajian Mengenai Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia — Ghazali Ya'acob.	8
Latar Belakang Masyarakat dalam Kesusasteraan Melayu — Syed Nasir Ismail.	20
Péranan Kesusasteraan Melayu di-atas Tanah Ayer yang Mérdeka — Harun Aminurrashid.	37
Persajakan Melayu di-Malaya Masa Jepang — Ali Haji Ahmad.	51
Perkembangan Bahasa Melayu — Mahmud Ahmad.	61
Motif ² Hindu dalam Sastera Melayu Lama — Arman Sami.	75
Puisi Baru dalam Lapangan Kesusasteraan Melayu — Usman Awang.	84
Bahasa Melayu dalam Nyanyian — Zubir Said.	106
Sadikit Tentang Perkembangan Sajak ² di-Malaya — Ahmad Radrî Farid.	124
Aliran ² yang Terbaharu di-dalam Persajakan Melayu — Kassim Ahmad.	147
Kesusasteraan Asing dalam Pertumbuhan Kesusasteraan Kebangsaan — Mustapha Kamil Yassin.	157

BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA

(Oleh: Z'aba)

Banyak orang menyangka — terutama orang² yang bukan Melayu — bahwa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu ia-lah dua bahasa yang berasingan atau berlainan sama sa-kali. Sangkaan ini nyata-lah tiada benar. Orang² Indonesia sendiri pun tetap mengaku bahwa bahasa Indonesia ada-lah berpokok kapada bahasa Melayu. Mereka telah memakai nama "Bahasa Indonesia" itu pada asal-nya (dari kira² tahun 1928) hanya-lah kerana hendak menjadikan bahasa (Melayu) itu bahasa persatuan ya'ani untok mengikat jadi satu segala suku² dan bahagian² yang ber-chera² dalam seluruh gugusan pulau² yang bagitu luas dan lebar.

Ada dua tiga sebab yang telah mendorong mereka menetapkan bahasa Melayu jadi "Bahasa Melayu" itu — pada hal di-sana tidak kurang ada bahasa² lain beberapa banyak, yang sa-tengah-nya lebih ramai orang-nya dan barangkali lebih kaya perkataan-nya dan isi persuratan-nya satu daripada sebab² itu ia-lah kerana bahasa Melayu itu telah sedia terpakai dengan luas-nya di-gugusan pulau² yang tersebut itu semenjak beberapa lama. Bahasa Melayu telah sedia terpakai di-sana sini sa-rata² kepulauan itu, istimewa di-bahagian² pantai atau persisiran-nya yang biasa berhubung

dengan pelayat¹ dagang dari luar. Keadaan demikian telah terjadi su-kurang²-nya dari semēnjak penghujung abad yang kelima belas tatkala pedagang² dan ahli² pelayaran Eropah mulai sampai ka-sana. Bahkan mungkin juga telah terjadi demikian dari semēnjak kerajaan Seri Wijaya lagi (yang bērpusat di-Palembang dari abad yang ketujuh) hingga kedatangan orang² Eropah itu pun.

Bagaimana pun nyata-lah bahawa bahasa Melayu telah lama jadi bahasa perantaraan atau "*lingua franca*" dimē-rata² kepulauan itu pada bahagian tepi laut yang selalu bērhubung dengan orang² dagang dan pelayat² perniagaan luar nēgēri. Ada pun bahasa lain² yang sēdia ada di-sana itu tidak-lah luas tērpakai-nya dimē-rata² tēmpat, hanya sēmua-nya sa-kadar mērupakan bahasa² daerah sahaja. Maka keadaan ini-lah sēbab yang tērutama telah mēndorong orang² ahli kē-bangsaan Indonesia dari mula² dahulu mēngambil bahasa Melayu jadi bahasa persatuan umum sēluroh nēgara Indonesia dan di-namakan dia "Bahasa Indonesia".

Tēntang mēngubah nama "Bahasa Melayu" itu di-ganti dengan nama "Bahasa Indonesia", ada dua tiga pēr-kara pula yang telah mēnjadi sēbab mēndorong mēreka bērbuat dēmi-kian itu. Di-autara sēbab² itu ia-lah: Pērtama, sēbab sē-luroh daerah kepulauan yang mēreka hēndak satukan itu telah di-ubah nama-nya kepada nama umum yang mēliputi sēmua-nya, ia-itu "Indonesia" (ērti-nya Pulau² India atau Kēindiaan). Nama ini ia-lah mēnurut nama yang telah di-pakaikan mula²-nya kepada sēluroh tanah lengkongan itu oleh sa-orang pēndita pēnyiasat bangsa Jērman. Kēdua, sēbab telah tērlahir pērasaan sērta kēinginan siasah hēndak mēngikat dan mēnyatukan dengan sa-bēnar²-nya ka-sēmua kepulauan "Indonesia" ini dengan jalan sēruan "satu nēgēri, satu bangsa, satu bahasa" pada umum-nya. Maka sunggoh

pun di-sana ada beberapa banyak bahasa lain lagi yang berlainan antara satu dengan satu-nya, tetapi semua-nya itu bahasa daerah sahaja, ya'ani tidak umum terpakai-nya dalam kawasan yang luas itu.

Sa-lain daripada itu pula satu perkara lagi yang telah mendorong ia-lah kerana Semënanjong Tanah Melayu dan orang Melayu di-dalam-nya yang punya bahasa Melayu itu terchërai dan terasing pada urusan politik-nya daripada kumpulan kepulauan yang telah di-bëri nama baharu itu, pada hal mereka itu (orang Melayu) dan nëgëri mereka Semënanjong Melayu ini dari sëgi ilmu bumi-nya hanya-lah suatu suku yang këchil sahaja daripada kumpulan yang lëbeh bësar dan luas yang hëndak di-ikat dan di-satukan dengan bahasa Melayu itu. Yang dëmikian ada-lah mendorong kuat-nya akan bahasa Melayu itu di-namakan "Bahasa Indonesia" di-Indonesia.

Orang Indonesia sëkarang, dan orang sëluruh dunia juga, telah tëtap-lah memakai nama "Indonesia" bagi mënnyebut sëluruh kepulauan yang luas ini yang termasuk dalam lengkongan pëmërentahan nëgara Indonesia mërdeka hari ini. Këmudian këlak mungkin juga barangkali mereka akan mënukar nama "Indonesia" itu kepada nama yang lain sapërti "Nusantara" (ërti-nya nëgara antara kepulauan) atau lain yang lëbeh munasabah. Dalam pada itu kita orang Melayu di-Malaya masëh bëlum mëm buang akan nama lama yang tërkenal bagi kumpulan pulau itu, dan kadang masëh memakai nama lama itu, ia-itu "Gugusan Pulau Melayu" atau "Kepulauan Melayu" (*The Malay Archipelago*) atau "Alan Melayu". Nama yang akhir ini sama-lah ma'ana-nya dengan nama "Malaysia" yang biasa di-sëbutkan kepada sëluruh kawasan ini oleh ahli ilmu "ethnology" dari Barat

sēmēnjak bēbērapa zaman dahulu hingga sēkarang pun. Tētapi nama "Malaysia" ini tērmasok-lah sama di-dalamnya sēluroh Sēmēnanjong Tanah Mēlayu dan sēluroh daerah kēpulauan Filipina juga.

Bagi saudara² kita di-Indonesia bahasa yang tēlah mēreka bēri nama baharu atau "Bahasa Indonesia" itu-lah di-jadikan bahasa pērsatuan untok mēngikat dan mēnyatukan sēluroh bahagian kēpulauan yang tēlah mēreka tētapkan namanya "Indonesia" sēkarang itu, ia-itu dari Sabang di-punchak utara Sumatēra hingga sampai ka-Marauke di-dalam Pulau Papua. Bahkan, itu-lah sēbab-nya pun maka bahasa itu tēlah di-namakan "Bahasa Indonesia" sapērti yang tēlah di-tērangkan tadi. Tētapi kita di-Malaya maseh kēkal mēnamakan Bahasa Mēlayu itu "Bahasa Mēlayu" juga sabagaimana orang maseh biasa mēnyēbut nama sēluroh daerah kēpulauan Indonesia itu "Gugusan Pulau² Mēlayu" (*The Malay Archipelago*) atan "Alam Mēlayu" (Malaysia).

Di-samping sēbab² yang tēlah di-sēbutkan ini ada satu pērkarā pula yang tēlah mē-nambah²kan sah-nya pērubahan nama "Bahasa Mēlayu" jadi "Bahasa Indonesia" itu di-Indonesia. Apa-kah dia? Tidak lain ia-lah bahawa bahasa Mēlayu di-Indonesia tēlah mēlalui pērubahan yang amat bēsar — lēbeh bēsar bēr-ganda² daripada pērubahan yang tēlah mēngēnai bahasa Mēlayu di-Malaya, istimewa dari sēmēnjak pērmulaan abad yang kēdua puloh ini. Bē-ratus² pērkatāan dan chara pēmbahasaan (*idiom*) baharu tēlah masok kapada-nya di-Indonesia dari bēr-bagai² bahasa daerah dalam lengkongan Indonesia sēndiri, sapērti bahasa Jawa, Sunda, Madura, Bali, Mēngkasar, Bugis, Ambun, Minangkabau, Batak, Mēndahiling dan lain² lagi, dan bē-ratus² pula pērkatāan dan *idiom* dari bahasa Bēlanda.

Tetapi sakalian ini tidak berlaku pada bahasa Melayu di-Malaya, dan bahasa Belanda tidak lagi mempengaruhi bahasa Melayu Malaya seperti Belanda keluar dari Melaka pada awal abad kesembilan belas. Hanya sekarang semenjak kita telah mulai mengikut dan meminjam pula beberapa banyak perkataan dan *idiom* terus dari Indonesia hari ini sa-bagai kalimah² dan *idiom*² baharu, maka baharu-lah bahasa Melayu Malaya kenal akan perubahan² yang telah berlaku kepada bahasa Melayu di-Indonesia itu. Ada pun sa-belum dari itu dan sa-sudah orang Belanda pergi dari Malaya, maka perkembangan bahasa Melayu di-Malaya telah berjalan terus hanya dengan perlahan² dalam lengkungan yang terbatas dan berlainan dari yang di-Indonesia — ia-itu kita di-Malaya mendapat sumbangan dan pinjaman dari pihak bahasa² yang mengelilingi kita di-Malaya ini sahaja, terutama bahasa Arab dan bahasa Inggeris, dan sedikit² dari bahasa Tamil dan bahasa China. Itu pun pertumbuhan itu tidak begitu cepat, dan buah-nya tidak begitu banyak atau lebat, seperti yang telah jadi pada bahasa Melayu di-Indonesia.

Maka oleh sebab sa-demikian besar perubahan yang telah berlaku kepada bahasa Melayu di-Indonesia itu sehingga-lah menguatkan rasa bahawa bahasa itu tidak usah di-sebut nama-nya "Bahasa Melayu" lagi di-sana, melainkan di-sebut dengan nama baharu-nya tadi sahaja, ia-itu "Bahasa Indonesia". Tetapi pada hakikat-nya yang sa-benar bahasa Indonesia itu bukan-lah suatu bahasa yang lain daripada bahasa Melayu. Bahasa Indonesia itu ia-lah bahasa Melayu juga; sa-kadarkan telah bertokok tambah dan berlainan pada beberapa banyak perkataan-nya, dan telah berubah pada beberapa tentang dalam bentuk pembahasannya hingga menjadikan orang² yang tidak mengerti akan

kedudukan itu tersangka bahawa bahasa Indonesia itu ialah bahasa yang lain, bukan bahasa Melayu lagi!

Sungguh-lah jika berlamaan lagi masa-nya berchêrai antara Malaya dengan Indonesia, tidak ber-jumpa² agak kira² lima ratus tahun lagi, maka harus-lah juga barangkali bahasa Melayu antara kedua pihak ini akan mênjadi sa-kurang²-nya lèbeh bèrlainan lagi jika tidak bèrlainan bêtul. Tètapi dalam kèadaan yang tèlah tèrbit sèkarang, ia-itu sèlalu ber-jumpa²an antara mèreka kèdua pihak, tidak putus² bèrhubung dèngan wasitah surat² khabar, majallah², buku² dan dèngar mèn-dèngar akan suara kèdua pihak dalam radio, maka tidak-lah ada kkuatir akan tèrjadi pèrasingan yang sungguh² antara bahasa Melayu dèngan bahasa Indonesia itu. Sa-balek-nya sangat mungkin kèdua pèchahan bahasa yang sèdia satu dari asal-nya itu akan kèmbali jadi satu bêtul².

Bahasa Indonesia maseh mènggunakan bè-ribu² pèrkataan Melayu yang kita pakai di-Malaya ini. Jika kita lihat kamus² Bahasa Indonesia yang bahari tèrkarang dalam dua tiga tahun yang lèpas ini sahaja, kita dapati pèrkataan² yang di-isikan di-situ dan ma'ana² yang baharu di-bèri bagi pèrkataan² itu tidak sa-bèrapa banyak bèrlainan-nya daripada yang kita pakai dan faham dalam bahasa Melayu di-Malaya dari dahulu sampai sèkarang. Dan lagi antara kèdua pihak orang Melayu di-Malaya dan orang² Indonesia di-mana² juga maseh boleh bèr-faham²an dèngan mènggunakan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia. Buku² yang kèluar dari Indoensia tidak jadi kèpayahan kepada orang² Melayu di-Malaya mèmbacha dan mèmahamkan-nya. Bagitu pula sa-balek-nya, istimewa kalau buku² dari Malaya itu dèngan tulisan Rumi. Dan lagi orang Melayu Malaya dèngan mudah boleh mèniru ehara loghat pèrtutoran bahasa Indonesia itu apabila mèreka pèrgi ka-Indonesia. Dèmikian pula

orang Indonesia yang datang ka-Malaya dengan mudah boleh meniru chara loghat pertutoran bahasa Melayu di-Malaya. Yang demikian nyata-lah "Bahasa Indonesia" itu bukan-nya suatu bahasa yang lain, dan belum lagi jadi suatu ber-ambil-an dalam hal bahasa sa-bagaimana dalam hal lain² juga. Kita sentiasa berhubung dengan mereka itu dengan ber-bagai³ jalan — dengan surat² khabar, dengan buku², dengan mendengar siaran² radio antara kedua pihak, dan dengan perjumpaan bertemu muka sendiri antara orang Melayu dengan orang Indonesia, ber-chakap² dan ber-tukar² fikiran.

Bagi penutup boleh-lah di-kata bahawa barang apa perubahan yang mengenai Indonesia ta' dapat tiada-lah akan melarat gema-nya sa-banyak sedikit ka-Malaya, baik pada perkara bahasa atau lain³ perkara yang besar tarek-menarek-nya. Demikian pula sa-balek-nya. Akhir² kesudahan-nya sakalian perhubungan yang tiada terasa ini — sakalian pertukaran tarek-menarek, beri membèri, ambil mengambil dan pinjam meminjam ini — akan membawa kepada bersatu dengan sa-benar-nya antara kedua pihak itu pada bahasa dan pada segala perkara lain² juga.

(Dari Majallah Dewan Bahasa, January, 1958).

Karangan ini telah di-masukkan jadi satu daripada "kertas kerja" dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu, ketiga, dalam bulan September, 1956.

SADIKIT KAJIAN MENGENAI BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA²

(Oleh: Girazali Ya'cob)

Tidak shak lagi seperti yang telah di-ucapkan oleh beberapa ahli bahasa bahwa asal-nya bahasa Indonesia dan bahasa Melayu itu satu. Tetapi dengan sebab peredaran masa dan berlainan tempat dan pemerintahan masing pada masa dahulu dan juga gaya telor lidah penduduk daerah di-Indonesia maka kedua bahasa itu sedikit demi sedikit sedang berpesong ka-arrah masing, sa-umpama satu pohon yang berchabang dua. Pada mula-nya ejaan dalam tulisan Rumi telah berlainan. Lepas itu timbul-lah pula perbedzaan sedikit tentang susunan kata.

Yang tinggal sa-rupa sekarang ia-lah susunan ayat. Susunan ayat itu pada pandangan penulis tetap akan sa-rupa sa-lama-nya. Dari sebab sa-rupa-nya susunan ayat ini maka fahaman kapada segala chakap daripada bahasa Indonesia itu tidak-lah payah hendak di-fahamkan oleh orang Melayu. Jika ada ayat yang tidak dapat di-fahamkan, ia-lah di-sebabkan oleh perkataan yang di-gunakan; ia-itu sedikit daripada

²Tajuk asal rencana ini ia-lah BAHASA INDONESIA DAN BAHASA MELAYU, tetapi telah di-ubahkan seperti di-atas untuk membezakan dengan rencana yang telah di-kenukakan oleh Tuan Z'aba itu.

loghat Jawa dan bahasa¹ lain di-Indonesia dan daripada bahasa Inggris atau bahasa Belanda yang sudah di-ubahkan sedikit bunyi pada hujung atau pangkal-nya. Perkataan² ini tidak mengubah susunan ayat³ bahasa Melayu dan juga ayat⁴ bahasa Indonesia. Kedua-nya susunan ini sa-rupa. Maka bagi orang⁵ Melayu hendak mengetahui apa-kah ma'ana-nya ayat⁶ bahasa Indonesia itu mereka terpaksa melihat kamus Indonesia. Sa-lépas itu dapat-lah mereka mengerti ma'ana ayat⁷ itu.

Ada-nya perbedzaan ejaan setengah⁸ perkataan⁹ Indonesia dengan perkataan Melayu itu di-sebabkan oleh pertama-nya, perbedzaan penguasa negeri¹⁰ itu pada masa dahulu iaitu Belanda di-Indonesia dan Inggris di-Malaya, dan kedua-nya, telor pada membunyikan beberapa perkataan. Maka sebab telor-nya membunyikan perkataan¹¹ itu dan atoran mengeja-nya yang mengikut bagaimana di-sebut perkataan¹² itu maka terdapat-lah kita perbedzaan yang ada sekarang, umpama-nya :

MELAYU		INDONESIA
kéraná	—	karena
rúksaká	—	raksasa
anggota	—	aggauta
Sharikat	—	Sérikat
bedza	—	beda
bértému	—	kétému
Sabtu	—	Saptu
Ithnain	—	Sénin, Sēnen
Thalatha	—	Sēlasa
Rabu	—	Rabo, Rabu
Khamis	—	Kēmis
Juma'at	—	Jumaat.

dan lain-nya.

Ada juga perkataan² yang lain sama sa-kali bunyi-nya daripada perkataan² bahasa Melayu, umpama-nya :

MELAYU		INDONESIA
Ceylon (Selan bahasa lama)	—	Sailan
China	—	Tiongkok
orang China	—	orang Tionghua
Algeria	—	Aldjazair
Siam	—	Thai
Gêtah	—	Karet

dan lain² lagi.

Pembedzaan yang tertulis di-atas ini apabila di-dalam ucapan akan di-fahamkan oleh orang² Melayu sa-bagai telor Indonesia. Ada kala-nya tidak di-fahamkan sama sa-kali oleh kebanyakan orang² Melayu, tetapi dengan sebab banyak daripada perkataan² yang di-ucapkan itu boleh di-fahamkan maka satu² perkataan yang bunyi-nya baharu di-dengar itu dapat di-agakkan ma'ana-nya, dan selalu-nya agak² ini terkëna pada tempat-nya.

Ada pula perkataan² yang sama bunyi-nya di-dalam bahasa Melayu dan Indonesia tetapi ma'ana-nya yang di-fahamkan oleh ké-dua² pihak itu bérlainan, umpama-nya :

MELAYU			
tambang	—	sewa (ferry)	
tewas	—	kalah	
bisa	—	kësakitan daripada këna sêngat.	
		INDONESIA	
tambang	—	galian	
tewas	—	tërbunoh	
bisa	—	boleh	

Di-sébabkan bérbedza ma'ana-nya yang sélalu di-fahaman oleh orang Melayu atas pèrkataan yang térsébut di atas maka térbit-lah kékéliruan di-dalam mémahaman ma'ana-nya yang sa-bènar umpama ayat di-bawah :

- (1) Usaha *pertambahan* itu mesti-lah di-galakkan supaya mélébuhkan kékayaan nègèri kita.
Orang Melayu mémahaman (a) Usaha pémungutan sewa (pèrahu)
Orang Indonesia mémahaman (b) Usaha mëlombong galian itu
- (2) Di-dalam pèrlawanan di-antara pihak polis dèngan pènjahat, dua orang polis télah *tevas*.
Orang Melayu mémahaman (a) dua orang polis télah kalah.
Orang Indonesia mémahaman (b) dua orang polis télah térbunuh.

Pèrbedzaan ma'ana ini tidak bérat jika chuma héndak mêngambil tahu tatkala mémbacha buku chèrita atau surat khabar, tètapi jika di-dalam mahkamah atau masa pèrbincangan, kékéliruan-nya harus boleh mêngubahkan sa-suatu hukuman.

Bèrkènaan dèngan mêngambil bahasa asing itu maka kita dapati rakan kita di-Indonesia lébeh mêngambil bahasa Inggèris daripada bahasa Bèlanda. Di-dalam pèngalaman pènulis, pènulis télah mènemui sa-banyak lébeh kurang 300 butir pèrkataan Inggèris (jika di-chari lébeh banyak lagi) dan sa-banyak 10 butir pèrkataan Bèlanda. Umpama-nya pèrkataan (*nouns*) Inggèris yang hujung-nya bèrbunyi *tion* atau *ion* di-gantikan dèngan *si* sapèrti :

INDONESIA

organisasi
 rehabilitasi
 likwidasi
 oposisi
 okupasi
 agresif
 instruksi

INGGERIS

— organisation
 — rehabilitation
 — liquidation
 — opposition
 — occupation
 — aggression
 — instruction

dan lain²-nya.

(Menurut pendapat Pengarang Dewan Bahasa, "Barangkali bukan dari perkataan Inggeris melainkan dari perkataan Belanda: organisatie, rehabilitatie, liquidatie, instructie, oppositie." — Penyusun).

Perkataan² itu telah di-pakai kerana tidak ada perkataan² yang sa-rupa ma'ana-nya di-dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu, jika ada sa-kali pun barangkali tidak berapa tepat ma'ana-nya seperti yang di-fahamkan oleh perkataan² itu.

Jika sa-kira-nya ahli² bahasa Melayu sangat² hendak memakai perkataan² yang sa-rupa itu, maka tidak-lah payah, kerana beribu perkataan² boleh di-dapati daripada "Oxford Dictionary" dan di-gantikan dengan *si* sahaja telah di-potong *tions* pada hujung² perkataan² yang hendak di-pakai. Tetapi perbuatan ini rasa-nya tidak ada "*originality*" pada orang² Melayu bahkan menjadi pa' turut atau tukang ekor sahaja.

Dalam hal ini apa-kah yang elok di-ikut oleh ahli² bahasa Melayu? Pada pandangan saya kita mesti-lah memperhatikan betul² apabila hendak memakai kata² dari bahasa Indonesia itu supaya kegunaan bahasa kita itu lebih luas

lagi dan meliputi ma'ana yang tertentu dan tidak mendatangkan kekeliruan. Ini chuma boleh di-tetapkan oleh orang yang membuat kamus. Bagi chontoh-nya mari-lah kita perhatikan ayat di-bawah :

Indonesia — Sa-orang perempuan telah *kétemu* satu *baji* (bunyi *bayi*) di-*pinggir* *kali*.

Ma'ana-nya — Sa-orang perempuan telah bertemu dengan sa-orang kanak yang baharu lahir di-tépi sungai.

Sekarang kita dapat *baji* (bacha bayi — P.D.B.) — erti-nya kanak yang baharu lahir.

<i>kali</i>	—	sungai
<i>pinggir</i>	—	tépi
<i>kétemu</i>	—	bértému.

Maka bagi bahasa Melayu kita ambil perkataan *baji* di-ajakan bayi dan di-ma'anakan di-dalam kamus ia-lah "kanak yang baharu lahir sa-hingga ia boleh berdiri". Maka kita dapat-lah pengertian yang manusia itu mula-nya ia bayi, kemudian budak, kemudian bujang atau dara dan lain lagi.

Pada perkataan *kali* kita tidak elok mengambil-nya dengan berma'ana *sungai* kerana kita sudah ada perkataan itu. Tetapi kita boleh pakai perkataan *kali* memberi ma'ana "*sungai yang di-buat oleh manusia*" seperti tali-ayer di-sawah atau sa-rupa ma'ana-nya di-dalam bahasa Inggeris "*canal*". Maka dapat-lah kita pula satu perkataan yang tepat ma'ana-nya dan tidak seperti perkataan "tali-ayer" yang boleh memberi ma'ana bandar yang di-buat, "*hose*" yang di-gunakan oleh ahli "*Fire Brigade*", tiup getah yang panjang atau pun paip ayer.

Pada perkataan *pinycir* dan *kētemui* kita tinggalkan begitu sahaja dan barangkali kita akan dapat mempergunakannya pada masa akan datang.

Saperti mithalan perkataan yang tersebut di atas juga kita akan dapati beberapa perkataan Indonesia yang sangat berguna bagi mengembangkan bahasa Melayu jika di-beri ma'ana yang berlainan sedikit supaya perkataan itu tidak sa-rupa ma'ana-nya dengan perkataan Melayu yang ada, umpama :

dinas — ma'ana-nya *jawatan*, tetapi kita fahamkan "jenis jawatan" (trade), maka dapat-lah kita menterjemahkan :
"Trade Unions sa-bagai Késatuan Dinas".

Bukan-nya maksud penulis hendak menukarkan semuanya ma'ana perkataan Indonesia itu, bahkan tidak. Yang di-maksudkan ia-lah chuma perkataan yang layak dan patut. Perkataan seperti *watak*, *abai*, *bunglon* itu tidak patut ditukarkan ma'ana-nya kerana di-dalam bahasa Melayu tidak ada perkataan yang sa-rupa ma'ana-nya dengan perkataan itu.

watak — ma'ana-nya perangai terbit daripada perasaan atau tabiat.
abai — memandang hina atau rendah.
bunglon — yang ber-tukar menurut keadaan di-keliling-nya.

Jika kita buat ayat maka dapat-lah kita tahu berapa untong-nya memakai perkataan itu :

INDONESIA

Saya tidak bērwatak bung-
lon.

(4 pērkataan)

Jangan mēngabaikan pēr-
buatan saya.

(4 pērkataan)

MELAYU

Saya tidak bērtabiat bēr-
tukar² mēnurut kēadaan
di-kēliling-nya.

(8 pērkataan)

Jangan mēmandang hina
pērbuatan saya.

(5 pērkataan)

Bērkēnaan dēngan soal banyak-nya pērkataan yang hēndak di-pakai bagi mēmbēri satu fahaman itu sangat-lah bērkēhēndakkan pandangan yang jauh. Sēlalu-nya bēbērapa pērkataan bahasa Inggēris mēnggunakan lēbeh dua pērkataan bahasa Mēlayu kērana hēndak mēnyamakan ma'ana-nya yang tēpat apabila mēntērmahkan-nya. Sēlalu kita dapati sa-tēlah habis kita mēntērmahkan, bahawa buku pēngētahuan itu di-dalam bahasa Mēlayu-nya lēbeh tēbal lagi daripada ia di-dalam bahasa Inggēris. Maka ini mēnyēbabkan sa-saorang itu lēbeh lama hēndak mēmbacha buku itu di-dalam bahasa Mēlayu daripada dalam bahasa Inggēris. Pendek-nya orang yang bērbahasa Inggēris lēbeh chēpat lagi mēndapat pēngētahuan itu. Ini satu sēbab yang mēlewatkan kita mēncapai tujuan kita. Maka saya bērpēndapat bahawa jika boleh bagi tiap² satu pērkataan bahasa Inggēris itu ada pērkataan sa-umpama-nya di-dalam bahasa Mēlayu supaya jika buku sa-suatu pēngētahuan bahasa Inggēris itu ada umpama-nya 400 muka maka sa-elok²-nya buku itu di-dalam bahasa Mēlayu ada sa-banyak 400 muka juga atau kurang lagi.

Maka dēngan sēbab alasan pērēnggan di-atas, pēnulis pandang mustahak mēmendekkan bēbērapa pērkataan bahasa Mēlayu supaya sēnang ia di-sēbut dan ringkas mēnulis-nya dan juga mēngurangkan kēkēliruan, umpama-nya :

INGGERIS	INDONESIA	MELAYU	PATUJ DI-PUNDEK-KAN
citizen	warga-negara	warga-negara	warga, kewargaan
demonstration	demonstrasi	tunjuk pèrusaan	tunjuk, tumpurasaan
student (University)	mahasiswa	mahasiswa	masiswa
Secretary	sekretari	Sekretaria	Sètusia
Committee	Panitia	Jawatankuasa (Panitia)	Jawasa, atau Jakmusa
responsibility	responsibilitet, tanggung-jawab	tanggung-jawab	tènjawab
announcer	juru-hebah	juru-hebah	jurhebah
dan lain' perkataan yang memakai perkataan juru.			
staff	kaki-tangan	kaki-tangan	kitangan
Hospital	rumah-sakit	rumah-sakit	sèpital

Bagi hendak memendekkan dan meringkaskan perkataan itu maka terpaksa saya menegaskan mustahak-nya menetapkan susunan bahasa (*grammar*). Banyak perkataan yang telah di-bentuk itu telah melanggar susunan yang biasa dipakai, dan separeh daripada sebab-nya ia-lah kerana chuma hendak mengikut chara orang Indonesia bertutor kata. Sungguh pun boleh di-sifatkan perkataan itu sa-bagai "idioms" atau "idiomatic expressions" akan tetapi jika dengan tidak bersusun-nya perkataan itu dari sekarang maka harus di-masa akan datang si-saorang itu akan menghabiskan masa-nya bagi hendak mengingatkan peri-bahasa yang "exceptions" itu sa-umpama sa-orang pelajar China hendak mengetahui tiap tulisan "kanji" bagi tiap perkataan, malahan masa yang ter-sia itu boleh di-gunakan untok memberi pengetahuan yang baharu. Chontoh daripada perkataan yang tidak mengikut susunan itu ia-lah sa-bagai di-bawah ini:

pendapat: sa-patut-nya *pendapatan* (daripada tambahan *pen* dan *an* pada perkataan *dapat*) bahkan "pendapat" herma'ana benda atau orang yang mendapatkan seperti "pengupah" — orang yang mengupah.

Pendapat layak di-ertikan "News Agency" seperti Antara, Reuter dan lain lagi.

rumah sakit: sa-benar-nya memberi ma'ana rumah yang hampir hendak roboh sa-umpama *bulan sakit* ma'ana-nya bulan yang gerhana dan tidak terang seperti biasa. Bahkan rumah sakit lebih baik di-gantikan dengan *Sépital* kerana perkataan ini lebih banyak orang yang makai-nya.

Sungguh pun pada mula²-nya ini satu soalan kecil, tetapi jika di-biarkan dari sekarang maka akan bertambahlah banyak perkataan yang tidak mengikut susunan maka ini akan mempesakai kekeliruan. Maka kekeliruan di-dalam bahasa akan mempesakai kekeliruan di-dalam perintah memerintah kerana perhubungan perintah itu di-dalam bahasa, bahkan akan berjangkit kepada kekeliruan di-dalam tadbir negeri. Jika tidak boleh menyebabkan apa³ kejadian yang "serious" akan juga menghabiskan masa dengan tanya menanya. Bahkan bukti⁴-nya telah berlaku pada menterjemahkan satu "document" yang penting baharu⁵ ini. Lagi bukti⁶-nya tulisan yang tidak mengikut susunan bahasa itu ada masa⁷-nya dipersenda⁸kan. Umpama⁹-nya dalam satu pejabat ada tertulis ber¹⁰-terang¹¹ "TOLONG JANGAN BERLUDAH" yang patut¹²-nya mesti "Jangan-lah Berludah". Maka terdapat kelakar¹³ membaca sendiri amaran¹⁴ itu sebagai "Tolong latok jangan lulah".

Apa¹⁵-kah peranan bahasa yang kita hadapi sekarang? Bukan¹⁶-nya hajat penulis hendak mengajar itek berenang, bahkan memberi pandangan¹⁷-nya sendiri, apa¹⁸-kah haluan¹⁹-nya yang patut di²⁰-turut kerana hendak mengkayakan dan meninggikan mutu²¹-nya bahasa Melayu itu. Langkah yang pertama ia²²-lah mengakui satu susunan bahasa baharu yang termasuk susunan ejaan, susunan perkataan, dan susunan ayat, dan yang dapat memberi keterangan yang tepat daripada sabarang hujah, ia²³-itu bukan²⁴-nya sebab ia sudah di²⁵-anut oleh Pejabat Pelajaran dari dahulu umpama²⁶-nya atau pun ia digunakan oleh rakan²⁷ kita di-Indonesia, bahkan tiap²⁸ satu perkataan itu mesti²⁹-lah di³⁰-kaji dan di³¹-tapis dahulu supaya yang baik sahaja di³²-ambil tidak di³³-kira ia daripada Malaya atau Indonesia.

Séparoh daripada maksud pēnulis itu télah di-térangkan dahulu. Maka bagi hēndak mēlaksanakan chita² ini mēsti-lah ada ahli² bahasa yang chēkap dan pakar dalam hal itu, yang mējalankan siasat "*research*", yang mēng"*initiate*" bukan-nya yang mēngekor, yang akan mēnganut dan mēnggubal pērkataan² itu pada waktu dahulu. Pendek-nya ahli² bahasa yang di-tugaskan akan pērkara² itu mēsti-lah dapat mēmandang kēgunaan bahasa itu di-dalam sēgala lapangan dan pēngētahuan. Sunggoh pun nampak-nya sēnang tētapi pada pandangan pēnulis pēkerjaan-nya amat-lah bērat jika hēndak mēnchapai kējayaan.

Rencana ini telah di-pindahkan dari Majalah Bahasa Dewan Bahasa, jilid II, bilangan 131, keluaran bulan March, 1958. Pembuat yang di-korakkan oleh Saudara Ghazali Ya'cob ini, bukan-lah sa-bagai satu pērintis yang muktamad.

LATAR BELAKANG MASHARAKAT DALAM KESUSASTERAAN MELAYU

(Oleh: Syed Nasir bin Ismail)

Kesusasteraan Melayu sa-sungguh-nya amat banyak menggambarkan hal ahwal yang berkėnaan dėngan masharakat Melayu. Doripada hasil kėsusasteraan Melayu yang tėrchipta dari sa-zaman ka-sazaman itu dapat kita kėtahui bėtapa dan bagaimana aliran chorak yang mėrupakan dasar masharakat bangsa kita dalam bėrbagai sėgi di-sapanjang edaran zaman itu. Adab tėrtib, adat isti'adat, chara bėrfikir dan chara bėkėrja dalam kėhidupan sa-hari, chara pėmėrentahan, atoran kėkėluargaan, kėpėrchayaan ugama, bėrbagai sifat orang Melayu, budi bahasa dan sa-bagai-nya, sėgala-nya itu ada tėrgambar dan dapat di-kėtahui dari kė-kėsusasteraan Melayu.

Pėrkėmbangan hasil kėsusasteraan Melayu boleh-lah di-bahagikan kapada dua tingkatan yang nyata: tingkatan yang pėrtama-nya tėlah tėrsebar di-sapanjang zaman purba, zaman sa-bėlum orang Melayu mėngėnal huruf atau mėmpėlajari ilmu tulis mėnulis, dan tingkatan yang kėdua-nya ia-lah dari sėmėnjak zaman orang Melayu tėlah mėmpėlajari ilmu tulis-mėnulis dan dapat mėndahirkan sėgala maksud kata hati mėreka mėnėrusi lukisan.

Sungguh pun pada tingkatan yang pertama itu perkembangan hasil' sastera Melayu hanya menyalori pertutoran tetapi dengan tidak shak lagi bahawa di-dalam berbagai jenis gubahan bahasa atau kata' tua yang bernilai sastera dan biasa di-gunakan mereka di-dalam penghidupan hari' adalah banyak menggambarkan dengan jelas-nya kesimpulan pendapat' atau buah fikiran yang merupakan latar belakang masyarakat orang Melayu di-sapanjang zaman perkembangan sastera jenis ini. Gubahan' bahasa yang saya maksudkan itu ia-lah dari berbagai jenis susunan kata' yang dinamakan bidalan, pepatah, peri-bahasa, perbilang, tamtil, ibarat, perumpamaan, kiasan; bukan sahaja jenis' ini bahkan di-dalam bentuk kata' jampi serapah atau mentera pawang' demikian juga jenis' pantun, seloka dan sa-bagai-nya ada belaka menggambarkan latar belakang masyarakat orang Melayu zaman bahari mengenai susunan keluargaan, chara' berpemerintahan, kepercayaan ugama, adat istiadat dan sa-bagai-nya.

CHARA BERMASHARAKAT

Berbagai kata' tua dalam berbagai bentuk-nya yang telah di-pesakai dari zaman berzaman seperti: "Hati gajah sama di-lajah, hati kuman sama di-chichah", "Hidup sandar menyandar, bagai aur dengan tebing", "Bukit sama didaki, lurah sama di-turuni", "Chubit paha kanan, paha kiri sakit juga", dan beberapa banyak lagi kata' tua sa-umpama ini adalah merupakan suatu gambaran chorak masyarakat nenek moyang pada zaman bahari yang merupakan dasar' *collective* dalam kehidupan, ya'ani masyarakat yang berdasarkan gotong-royong, dengan berpegang pada asas: bahawa tiap satu kerja atau usaha adalah sa-bagai kewajiban bersama, dan apa' hak milik untuk keperluan bersama.

Dasar pergaulan hidup chara bérgotong-royong saperti yang tørsébut di-atas itu jélas mēnggambarkan kapada kita bahawa masharakat nenek moyang pada zaman purba télah tørsusun dēngan chara bérkéluarga dan bérkampong: maka di-dalam masharakat yang dēmikian itu-lah tērchipta-nya kata² tua dalam bēntok gubahan² bahasa saperti yang tørsébut di-atas itu, untok di-gunakan mēreka dalam pergaulan hidup hari². Di-dalam masharakat yang sa-dēmikian itu kērap-lah mēnggunakan gubahan² bahasa tērutama sa-kali yang bérbēntok "bidalan" dan "pērbilangan" untok mēnyēlēsakan sa-suatu kēsimpulan atau pērsēlisehan yang bērlaku di-dalam masharakat itu.

Gubahan² bahasa dalam kata² tua itu bukan sahaja mēnggambarkan aliran bēntok masharakat Mēlayu zaman purba sa-jati, bahkan ada-lah mērupakan sa-bagai lambang kēbijaksanaan masharakat nenek moyang pada zaman itu: dan kērana tiap² satu-nya itu ada mēngandongi kata² hikmat, maka nilai-nya maseh di-sanjong tinggi oleh masharakat orang Mēlayu hingga ka-hari ini, tērutama sa-kali di-kampong² yang maseh tébal lagi mēngikuti chorak masharakat asli itu.

Dalam bēntok masharakat chara bérkéluarga itu tērdapat pula aliran² yang mērupakan simpulan atau pērhubungan yang rapat antara orang² yang bērsaudara. Sa-patah kata "bērbau bachang" dapat kita kētahui bahawa ada pērhubungan pērsaudaraan yang jauh bēbērapa pupu di-antara orang yang mēnyēbut pērkataan itu dēngan sa-orang lain yang di-maksudkan-nya: ini mēnggambarkan bahawa dalam masharakat orang Mēlayu zaman dahulu, bahkan di-satēngah² tēmpat hingga ka-hari ini, hubungan pērsaudaraan tiga atau ēmpat pupu itu maseh di-anggap mēreka sa-bagai bērsaudara

hampir jua, apa-tah lagi jika hubungan itu dengan perantara-an adek beradek atau sa-pupu, sa-jahat' sa-orang saudara itu tidak di-singkirkan sama sa-kali; hal ini dapat di-buktikan dengan beberapa kata' tua seperti: "Sa-busok' daging di-basoh, di-kinchah, akhir-nya di-makan juga", demikianlah dalam masyarakat orang Melayu, hubungan persaudaraan itu tidak dapat di-putuskan sama sa-kali meski pun setelah berlaku perkelahan atau perbalahan; ada beberapa kata' tua nyata menggambarkan kebenaran perkara itu, antara-nya: "Charek' bulu ayam lama' berchantum juga"; demikian juga "Ayer di-chinchang tidak akan putus", dan "Ayer sama ayer sampah ka-tépi juga".

CHARA' BERPEMERENTAHAN

Daripada gubahan' bahasa yang di-perchayai telah tersusun mulai dari semenjak orang Melayu mulai mengenal hidup berkampong, terutama-nya yang berbentuk "perbilang", banyak boleh di-dapati maksud kata' yang merupakan sa-bagai undang' atau panduan bagi warga masyarakat itu dalam pergaulan hidup mereka hari', umpama-nya dalam perkara yang berkaitan dengan pemerintahan atau perlembangan negeri, ia-itu dalam mengator pertalian yang ber-tingkat' daripada raja membawa kapada ra'ayat, maka ada tersusun dalam satu gubahan bahasa-nya yang tertentu mithal-nya perbilang menurut masyarakat lengkongan Adat Perpatih berbunyi:—

"Raja ber'alam,
 Penghulu berluak,
 Lembaga berlengkongan,
 Buapak (ibu bapa) beranak buah,
 Anak buah dudok ber-suku."

Kata perbilangan "Bertangga naik berjengjang turun" ada-lah menggambarkan keadaan masyarakat yang tersusun menurut tingkatan masing'.

Ada beberapa perbilangan yang merupakan betapa tegoh-nya masyarakat orang Melayu, terutama yang di-dalam lengkongan Adat Perpatih, dalam perkara memegang adat, ia-itu di-antara-nya kata' perbilangan "Hidup di-kandung adat mati di-kandung tanah", "Di-anjak layu di-anggor mati".

Sungguh pun sa-demikian kukoh-nya masyarakat berpegang kepada adat tetapi ada kala-nya ketetapan adat itu boleh di-rombak atau di-singkirkan jika dengan persetujuan ramai ia-itu menepati kata perbilangan "Hilang adat tegal muafakat".

Kata' tua yang berbunyi "Kerja Raja di-junjong, kerja sendiri di-kelek" demikian juga "Pantang Melayu Mendehaka", ada-lah merupakan kesan masyarakat yang berchorak kebangsawanan. Dalam pada itu pula ada juga kata' yang bertentangan dengan tujuan tersebut itu, umpama-nya kata' yang berbunyi "Raja adil raja di-sembah, raja dzalim raja di-sanggah."

ADAT DALAM MASHARAKAT

Saperti yang tersebut di-atas bahawa masyarakat orang Melayu istimewa-nya pada zaman dahulu ada-lah amat kukoh berpegang pada adat dan di-dalam kata' perbilangan dan pepatah menegaskan adat itu ada-lah penoh dengan susunan kata' yang tinggi nilai sastera-nya, mithal-nya bagi menggambarkan betapa kukoh dan tetap-nya perdirian adat itu di-sebutkan:

Tidak kuning dek kunyit
Tidak lekang dek panas
Tidak lapok dek hujan.

Di-sabalek itu di-tégaskan pula kělēbehan muafakat dēngan kata² :

Adat di-atas tumbuh-nya
Muafakat di-atas buat-nya.

Dalam lapangan kata² pērbilangan adat maka dapat kita tinjau bahawa masharakat orang Mēlayu dari sa-mēnjak zaman purba lagi tēlah mēngamalkan lunas² demokrasi, buktinya nyata dapat di-pērhatikan tutkala masharakat hēndak mēlantek kētua atau pēnghulu, tidak sa-kali² boleh di-lantek atau di-pileh oleh sa-orang dua sahaja bahkan hēndak-lah dēngan kēbulatan suara. Kata² yang bērkēnaan dēngan pērkara ini bērbunyi :—

Bulat lengkongan mēnjadi lēmbaga.
Bulat lēmbaga mēnjadi undang.
Bulat undang mēnjadikan kēadilan.

Daripada kata² yang tērsēbut di-bawah ini dapat pula kita tinjau sa-jauh mana kuasa-nya pēnghulu itu di-sisi masharakat.—

Boleh mēngहितamkan dan mēmutehkan.
Boleh mēmanjang dan mēmendekkan.
Boleh mēngēsah dan mēmbatalkan.

Bagaimana pun kuasa² yang bēr-tingkat² itu di-adakan pula had² yang tērtentu dēngan kata² :—

Kata bĕrchari pada lĕmbaga,
Sah batal kapada undang,
Hidup mati kapada kĕadilan.

Sa-suatu tindakan atau pĕrentah yang hĕndak di-jadikan oleh pĕnghulu hĕndak-lah mĕlalui tingkatan yang tĕrtĕntu ya'ani dĕngan mĕlalui lĕmbaga sahaja, hal ini tĕrgambar dĕngan kata²:—

Alam bĕrjijak kapada Luak,
Undang bĕrjijak kapada lengkongan.

Tanggung-jawab sa-saorang "ibu bapa" (buapak) ya'ani kĕtua dari sa-suatu suku dalam urusan mĕnyĕlĕsaikan pĕrbalahan anak buah-nya tĕrnyata dĕngan kata²:—

Yang kusut di-sĕlĕsaikan,
Yang kĕroh di-jĕrnehkan.

Bĕtapa sunggoh dan rapi-nya jagaan dan pĕmĕliharian yang di-kĕhĕndaki kapada orang² bĕsar untok mĕnjaga kĕsĕlamatan Raja dan kĕrabat Diraja ada tĕrgambar dalam kata²:—

Jika bĕrdiri tidak tĕrsĕrundah,
Jika bĕrlenggang tidak tĕrsĕbat,
Jika mĕlangkah tidak tĕrsangkut,
Jika ia bĕrkata tidak tĕrdadek (sĕlang):

Ka-laut jadikan apong,
Ka-bukit jadikan tongkat,
Ka-darat jadikan suloh,
Di-kampong jadikan tĕpong tawar sĕdingin.

CIHARA BÉKERJA DALAM PENGHIDUPAN HARI'

Ada bēbērapa banyak kata' tua bērnilai sastēra yang jēlas mēnggambarkan bahawa masharakat orang Mēlayu zaman dahulu itu mēnghēndaki sa-saorang itu bēr-sungguh' dalam pēkēriaan untok mēnchari rēzēki. Kata' "Dudok mē-raut ranjau, tēgak mēninjau jērat", ada-lah mērupakan kē-tēkunan bēkēria, ta' ada waktu yang tērbuang.

Kata' "Bē-rakit' ka-hulu, bē-rēnang' ka-tēpian — bēr-sakit' dahulu, bēr-sēnang' kēmudian", "Kalau ta' di-pēchah ruyong di-mana akan dapat sagu-nya", "Sa-hari sa-lēmbat bēnang, lama sa-hēlai kain", "Mandi biar basah, bērda'awat biar hitam", dan bēbērapa banyak lagi kata' tua yang sa-umpama ini, ada-lah mērupakan ka-azaman dan ka-sungguh-an dalam usaha' mēnchari nafkah hidup.

Sifat' dalam masharakat orang Mēlayu zaman dahulu amat bēr-hati' sa-bēlum mēnjalkan sa-suatu kēria ada-lah tērgambar dēngan kata' "Fikir sa-bēlum bērbuat", "Sēsai dahulu pēndapatan, sēsai kēmudian tiada bērguna", "Sēsai di-hujung jalan balek ka-pangkal jalan", "Malu bērtanya sēsai jalan'.

Kata' bērikut ini, mēnggambarkan pula pērka bēr-hemat' dan jimat chērmat yang di-kēhēndaki dalam masha-rakat lama itu, "Ingat sēmēntara bēlum kēna, jimat sēmēn-tara bēlum habis", "Jika mēnampi jangan tumpah podi-nya".

Mēmbuat pēkēriaan dēngan sabar dan usaha ada-lah tērgambar dēngan kata' "Hēndak kaya bērdikit-dikit, hēndak bērtuah bērtabor urai, hēndak bērani bērlawan ramai", "Ta' kan sērek luka di-makan tajak, esok luka ka-bēndang juga".

Dalam kata² yang di-gunakan dalam "pantang larang" ada bebberapa banyak yang menggambarakan sifat² kita tidak menyukai sa-saorang itu dudok dengan tiada membuat apa² kerja, satu daripada-nya berbunyi: "Jangan dudok bertopang dagu, nanti rezeki ta' datang".

KÉHALUSAN BUDI DAN SOPAN SANTUN

Masharakat orang Melayu dari seménjak berzaman lagi sentiasa menghargai budi dan menjaga kehalusan bahasa dan sopan santun. Penghargaan budi di-sisi masharakat orang Melayu ada tergambar di-dalam pantun² Melayu, dan pantun² ini di-ketahui oleh am hatta kanak² yang berumor lima atau enam tahun. Perhatikan-lah nilai penghargaan masharakat Melayu di-dalam pantun² di-bawah ini:—

Pisang emas di-bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti;
Hutang emas boleh di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati.

Pulau Pandan jauh ka-tengah,
Gunong Daik berchabang tiga;
Hanchor badan di-kandung tanah,
Budi yang baik di-kenang juga.

Mati undan terkena panah,
Panah sakti Maharaja Dewa;
Adat badan di-kandung tanah,
Adat budi di-kenang jua.

Bēbērapa kata' bērkias sapērti "ada ubi ada batas" yang di-maksudkan "Ada budi ada balas" itu ada-lah mēnggambarkan hasrat sa-saorang itu hēndak mēmbalas budi orang yang bērbudi kapada-nya, sa-kurang'-nya dēngan pēngērtian "Orang bērbudi awak bērbahasa" ya'ani dēngan mēnguchapkan tērimakaseh.

Kēhalusan bahasa dan sopan santun ada-lah pakaian sa-mula jadi dalam masharakat orang Mēlayu: pēri-bahasa "Bahasa mēnunjokkan bangsa, usul mēnunjokkan asal", dan sa-bagai-nya ada-lah nyata mēnggambarkan kēhalusan budi orang Mēlayu. Dalam masharakat orang Mēlayu zaman bahari bahkan hingga ka-hari ini, tērutama-nya di-kampong' gērak-gēri dan tutor kata sa-saorang itu ada-lah di-jadikan sa-bagai satu ukoran, bukan sahaja bagi mēngētahui bētapa budi pēkērti-nya, bahkan juga bagi mēngētahui jahat atau baik dan mulia atau hina titisan kēturunan-nya.

Satu daripada kata' pantang-larang Mēlayu bērbunyi: "Anak dara jangan mēnyanyi di-dapor, nanti tidak di-pinang orang"; ini nyata-lah bērmaksud mēngingatkan supaya sa-saorang gadis sēntiasa mēnjaga kēsopanan, kalau pun ingin mēnyanyi biar-lah tēntu pada tēmpat dan waktu-nya.

KEPERCHAYAAN UGAMA

Daripada bērbagai jēnis mēntēra atau jampi sērapah tok' pawang dan homoh yang bērasal dari zaman bērzaman itu, dan kēbanyakan-nya mēngandongi gubahan' bahasa yang bērnilai sastēra, ada-lah mēnggambarkan faham kēpērchayaan masharakat orang Mēlayu zaman dahulu, dan dapat di-duga bētapa rēndah-nya tamaddun mēreka yang amat kuat mēmpērchayai barang yang ghaib, sapērti sēmangat atau roh.

démikian juga puaka pênunggu dan sa-bagai-nya, hingga mēreka pērchaya bahwa tiap² suatu-nya dalam dunia ini ada pênunggu-nya, dan tiap² suatu itu harus di-hormati.

Di-bawah ini di-tērangkan sa-bahagian daripada kata² bērirama yang di-gunakan oleh tok pawang kērana mēmbēri hormat kapada kayu:—

“Batang bērnama Raja Bēndiri,
Urat bērnama Raja Bērsila,
Dahan bērnama Suwa Mēlampai,
Daun bērnama Si-Layang-layang,
Puchok bērnama Putēri Mēninjau.”

Satu mēntēra tok pawang lagi bērbunyi:—

“Hai! Jin Tanah,
Jēmbalang Tanah,
Jin Bumi,
Jēmbalang Bumi,
Sang Pērba di-kulit bumi,
Sang Bima di-dalam bumi,
Hai! Jin Hitam sēlēnggang bumi,
Jin Hitam sakapuan bumi,
Jin sa-gēmpa alam bērētak sēndi.”

²⁶ Di-sapanjang edaran zaman purba dēngan masok-nya ajaran² agama Hindu dan kēmudian-nya agama Islam pula mēngambil tēmpat mēnggantikan dan mēnyingkirkan agama Hindu itu maka aliran kēpērchayaan dan chara bērfikir masyarakat Mēlayu tēlah di-pēngarohi juga oleh ajaran² agama itu; dalam mēntēra tok pawang bukan sadikit ada-nya susunan kata² yang tēbal bērchorak ajaran Hindu tērutama-nya

pujaan' tentang dewa, dewi dan pahlawan' yang tersébut di-
dalam kesusastèraan' purba Hindu saperti Ramayana dan
Mahabharata. Di-bawah ini di-bèri satu contoh dari sa-
bahagian mèntera dalam wayang kulit yang membèri pan-
dangan tinggi kapada pahlawan' dalam kitab Hindu Rama-
yana itu: —

“Puak' dewa rosak,
Ia-itu Maharaja Rawana,
Dan nenek Maharaja Sèri Rama,
Yang dudok bètapa di-pantai Bali,
Di-dalam nэгэри Lakarkatyin,
Siapa yang émpunya énding, énding suak, énding
jahrum,
Siapa yang mènjadi nenek,
Ia-itu To' Maha Risi Kala yang bèrmatakan api,
Yang dudok bètapa di-dalam wat tujuh Kèdi
Brahma,
Bèr-sama' dèngan bèrhala émpat puluh huluba-
lang-nya,
Bèrnama Ratu Pangnira,
Dan Ratu Bandu Rawati, Sèrta Indra Jit. Raja
udara bongsu sakti dewa kèmbangan,
Kèrana-mu-lah dudok mènunggu baris' Laksa-
mata,
Jangan manusia langkah,
Jikalau lalat langau sa-kali pun mèlangkah baris-
an itu nèschaya muntahkan darah.”

Untuk mènduga bètapa dalam-nya kèsan pèngaruh kè-
susastèraan yang bèrasal dari Hindu itu mèrèsap ka-dalam
jiwa masharakat Mèlayu dapat di-bukti dèngan dua gèlaran
yang di-gunakan dalam jawatan kèrajaan Mèlayu Mèlaka

ia-itu Laksamana bagi panglima Angkatan Laut dan Sèri Rama bagi panglima Angkatan Bèrgajah, bahkan gèlaran Laksamana bagi panglima Angkatan Laut itu masih kekal di-pakai hingga ka-hari ini.

Bagi mèninjau kèsan² pèngaruh ajaran Islam dalam masharakat Mèlayu dèngan mènèrusi jampi sèrapah tok² pawang atau bomoh² itu, rasa-nya tidak-lah bèrapa sukar, kèrana dapat di-pèrhatikan bahawa dalam tiap² sa-buah jampi atau sèrapah tok pawang itu atau bomoh² itu boleh di-katakan di-mulai dèngan lafaz. "Bismillahir-rahmanir-rahim" atau "Assalamu 'alikum ya....." dan di-sudahi dèngan lafaz: "Dèngan bèrkat kalimah La ilaha illallah, Muham-madur Rasulallah."

Pènèrimaan masharakat Mèlayu mèngeñai kèsusastèran yang bèrasal dari Islam itu nyata tèrlèbeh dalam kèsannya jika di-bandingkan dèngan kèsan pèngaruh kèsusastèran Hindu. Nama² dan kèbèranian pahlawan² Islam sapèrti Amir Hamzah dan Muammad Ali Hanafiah bukan sahaja mènjadi sèbutan bahkan mènjadi sa-bagai chontoh dan ikutan. Istimewa bagi kègagahan Saiyidina Ali, hingga di-dalam jampi² untok mènyszeru kègagahan nama Baginda Ali ada di-gunakan. Oleh dèmikian kèpèrchayaan masharakat Mèlayu dari hasil² sastèra Islam, sama-ada yang di-sampai-kan dèngan jalan chèrita mulut atau pun yang bèrtulis, hingga tèrmasuk juga kèpèrchayaan yang boleh di-katakan ganjil dan tidak munasabah kapada akal di-tèrima oleh masharakat Mèlayu sa-bagai pèrkara bènar. Satu daripada chontohnya ia-lah kèpèrchayaan orang Mèlayu mèngekatakan sèbabnya buah jangzus atau gajus atau di-sèbut juga "jambu monyet" itu biji-nya di-luar oleh kuat tèmpek baginda Ali, mènyszerabkan tèrsèmbul kèluar biji-nya hingga ka-hari ini.

DARI HASIL SASTERA MELAYU YANG BERTULIS

Huraian² berkėnaan dėngan latar bėlakang masharakat dalam kėsusastėraan Mėlayu jėnis yang tiada bėrtulis itu tadi tėlah mėngambil masa yang agak lanjut, oleh itu tiada-lah saya bėrkėsempatan hėndak mėmbėri huraian yang lanjut pula bėrkėnaan dėngan latar bėlakang masharakat dalam kėsusastėraan Mėlayu jėnis yang bėrtulis, kėrana kėsuntohan masa mėnurut sa-bagaimana yang di-hadkan sa-lama 45 minit ini. Bagaimana pun saya bėrpėndapat bahawa mėngkaji pėrkara² yang *tėrsirat* itu tėrlėbeh sukar dan lėbeh mėnarek pėrhatian daripada mėngkaji pėrkara² yang *tėrsurat*.

Dalam pada itu pun biar-lah saya chuba juga mėmbėri huraian sa-chara sa-pintas lalu bėrkėnaan dėngan gambaran² masharakat yang dapat kita pėrhatikan daripada hasil² kėsusastėraan Mėlayu jėnis yang bėrtulis itu, tėtapi sa-bėlum saya mėmbėri huraian dalam pėrkara ini pėrlu-lah di-tėgaskan bahawa amat banyak hasil² kėsusastėraan kita dari jėnis yang bėrtulis tėlah hilang di-sapanjang edaran zaman, hilang dalam bėrbagai pėristiwa yang bėrlaku dalam aliran sėjarah bangsa dan nėgara kita, dėmikian juga bėbėrapa pėristiwa yang mėnyėdehkan. Hasil² kėsusastėraan lama jėnis bėrtulis dari zaman Hindu dėmikian juga zaman mula pėrkėmbangan Islam amat sadikit yang dapat kita pėsakai, sėdang hasil² kėsusastėraan zaman Mėlaku dan Aceh juga sukar hėndak di-dapat, kalau ada pun tėrsimpan di-nėgėri² luar: bėtapa sėdeh-nya jika kita fikėrkan bė-ratus² jėnis hasil² kėsusastėraan lama Mėlayu tėlah musnah dalam pėristiwa kapal "Fame" yang mėmbawa bėrbagai khazanah lama Mėlayu ka-England pada 2 February, 1924 itu, dan bėbėrapa banyak lagi buku² Mėlayu yang tėlah hilang di-sapanjang masa yang kėmudian, hingga hasil² kėsusastėraan yang mėmbawa kapada masa Pėrang Dunia Yang Kėdua pun tiada dapat di-kumpulkan dėngan lėngkap.

Oleh kerana perkara² seperti saya sebutkan itu maka nyata-lah amat sukar bagi kita hendak mengetahui dengan sa-penoh-nya bagaimana aliran chorak gambaran masyarakat bangsa kita dari sa-zaman ka-sazaman menerusi hasil² kesusasteraan yang bertulis itu. Bagaimana pun dalam waktu yang sa-singkat ini saya chuba juga menghuraikan sa-chara ringkas dan sa-mata² sa-bagai panduan bagaimana sedikit sa-banyak-nya gambaran masyarakat yang boleh kita perhatikan pada zaman² yang tertentu menerusi buku² seperti buku "Sejarah Melayu", dan buku² dari ciptaan Munshi Abdullah.

Berkemungkinan dengan buku "Sejarah Melayu" itu dapat dikatakan hampir keseluruhan-nya menggambarkan chorak masyarakat yang amat tebal berchorak kebangsawanan, boleh jadi juga perkara ini di-sebabkan oleh pengarang atau penyusun-nya ia-lah sa-orang yang berjawatan Bendahara dan sangat rapat perhubungan-nya dengan raja. Jalan cherita dalam "Sejarah Melayu" itu kebanyakan-nya ia-lah meriwayatkan hal raja dan orang besar² raja. Segala titah raja ada-lah di-ta'ati oleh orang besar², dan apa² suruh arah orang besar² itu di-turut belaka oleh ra'ayat.

Dapat di-perhatikan bahawa orang besar² raja itu masing² ada mempunyai anak-buah dan kaum kerabat, kerana itu di-dapat sa-saorang orang besar itu ada mempunyai kampung sendiri seperti Kampung Bendahara, Kampung Laksmama dan sa-bagai-nya. Daripada keadaan seperti ini tergambar-lah kepada kita tingkatan² masyarakat mulai dari raja dan kerabat diraja, orang besar² dan keluarga serta anak²-buah mereka, dan ra'ayat jelata.

Jika di-tinjau zaman keagungan zaman kerajaan Melaka meningkat ka-puncak-nya ya'ani pada zaman Bendahara

Seri Maharaja maka nyata tergambar bahawa ra'ayat hidup dengan chara yang berpuas hati dan boleh di-katakan keadaan negeri itu dalam aman. Perkara ini ada tergambar dalam tulisan seperti berikut:—

"Ada pun zaman itu negeri Melaka terlalu sa-kali ramai-nya, segala datang pun berkampong; maka dari Ayer Leleh datang ka-Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dan Kampong Keling datang ka-Kuala Penajuh itu pun tiada berputusan; jika orang Melaka datang ka-Juata tiada membawa api lagi, barang di-mana berhenti di-sana ada-lah rumah orang; dari sa-belah sini hingga datang ka-Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu ra'ayat Melaka sembilan belas laksana banyak yang di-dalam negeri juga."

Demikian sedikit gambaran berkenaan dengan keadaan masyarakat Melayu zaman keagongan kerajaan Melayu Melaka seperti yang dapat di-perhatikan dari buku "Sejarah Melayu" itu. Dalam buku² chiptaan Munshi Abdullah pula terutama-nya dalam "Hikayat Abdullah" dan "Kisah Pelayaran Abdullah" boleh kita dapati dengan lebih jelas betapa corak masyarakat Melayu pada zaman Munshi Abdullah itu. Tetapi dalam ke-dua² chiptaan Munshi Abdullah itu sungguh banyak boleh di-dapati perkara² yang merupakan kemundoran orang Melayu sa-panjang yang dilihat-nya pada masa itu, umpama-nya dalam Kisah Pelayaran Abdullah itu di-terangkan-nya beberapa banyak kanak² di-sapanjang jalan berbuat barang kehendak-nya dengan tiada sa-suatu pelajaran dan pekerjaan, peri kekotoran dalam kampong² dan di-keliling rumah², perbuatan aniaya raja yang dahulu² sebab mengambil anak bini orang, perkelahan sama sendiri berpuncha dari sebab yang kecil², peri kedzaliman yang di-lakukan oleh orang² raja dan sa-bagai-nya.

Dalam Hikayat Abdullah pula di-dapati berbagai pemandangan yang boleh di-ertikan sa-bagai huraian yang membukakan kèchachatan dan kèburokan orang Melayu, sambil itu di-julang dan di-puji-nya pula chara hidup bangsa Barat dengan berpandukan terutama sa-kali kapada sifat Raffles dan sa-orang bërdua lagi pègawai tinggi bangsa Ingèris. Dari buah chiptaan Munshi Abdullah ini bolehlah di-anggap bahawa beliau ia-lah sa-orang pèlorop kèsusastèraan baharu yang mèmperkènkalkan Melayu kapada Barat dan di-sabalek-nya mèmperkènkalkan bangsa Barat kapada orang Melayu: tètapi kèsan pènèrimaan dalam kènal-mèngènal itu ada-lah bèrlainan, kèrona bagi orang Melayu kèsan pèngènalán yang di-bèntangkan oleh Munshi Abdullah itu ia-lah mèndorongkan mèreka mènganggap bahawa bangsa Barat itu tèrlèbeh sèmpurna peradapan-nya daripada mèreka, dan pèrkara ini mènèrbitkan rëndah diri sèrta mèmandang hormat dan mulia akan orang Barat. Di-sabalek itu pula daripada huraian Munshi Abdullah itu, bangsa Barat dapat mèngènal banyak sifat orang Melayu yang amat bèsar kègunaan-nya di-sisi kèpèntingan muslihat mèreka.

Rincian ini telah di-ucapkan dalam sidang umum sèstera anjuran Persatuan Punaritut College Islam di-Kelang, pada 2 September, 1959. Di-publikasikan untuk buku ini dari Majalah bucaran Dewan Bahasa, bulan Oktober, 1959.

PERANAN KESUSASTERAAN MELAYU DI-ATAS TANAH-AYER-NYA YANG MERDEKA

(Oleh: Harun Aminurrashid)

Mengikuti sejarah, bahasa Melayu kita telah hidup semenjak sa-ribu tahun lebih, sa-bagaimana bukti-nya di-dapati dari batu bersurat di-Palembang yang bertarikh Tahun Masehi 863 dan 864. Dalam masa kerajaan Seri Wijaya, besar pemerintahan-nya mengikuti ahli penyiasat bangsa Belanda, Dr. Esser, mengatakan pada sa-ribu tahun lebih dahulu bangsa Melayu telah memakai bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan dan bahasa perdagangan yang luas merata Alam Melayu.

Ketika FIGAFETTA, sa-orang bangsa Italy yang mengikuti pengembaraan dengan Magellan mengelilingi dunia dalam Tahun Masehi 1519-1522, ia telah dapat mengumpulkan daftar perkataan Melayu yang di-jadikan bahasa perdagangan, ia mendapati bahasa itu telah di-pergunakan di-Tidore, Brunei, dan Pulau Meluku. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan di-seluruh Alam Melayu manakala bangsa Barat menjajah-nya. Dengan bahasa Melayu mereka memerintah, ia sa-bagai bahasa perhubungan yang penting.

Kita sēmula tahu sēkarang, manakala nēgara Indonesia mēnjadi nēgara mērdēka mulai dari 17 August, 1945, dari tarikh itu juga bahasa Mēlayu tērus bērdaulat mēnjadi bahasa rasmi nēgara itu, hanya nama bahasa itu sahaja di-ubah saperti yang di-sēbut sēkarang "Bahasa Indonesia".

Saya masēh ingat kētika saya mēnghadhiri Kongres Bahasa Indonesia di-Medan pada bulan October, 1954, di-antara rumusan kēputusan Kongres itu, mēngakui dēngan jēlas ada-lah bahasa Indonesia itu bērasal dari bahasa Mēlayu. Maka dēngan ini tērang yang bahasa Mēlayu hari ini ada-lah bahasa yang sangat pēnting di-sēluroh Alam Mēlayu, apalagi sēkarang kita kētahui yang bahasa Mēlayu di-Tanah Mēlayu ini tēlah di-daulatkan sa-mula mēnjadi Bahasa Kēbangsaan.

Saya masēh ingat kētika saya mēnghadhiri Kongres Mēlayu bēnar² akan mēndapat kēdudokan yang sēsuai mēnjadi bahasa rasmi nēgara, apalagi kalau di-tinjau dari pēngakuan² pēmērentah sēkarang, mēngatakan bahasa Mēlayu dalam masa sa-puluh tahun* akan datang akan mēnjadi bahasa kēbangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal kapada Tanah Mēlayu yang mērdēka. Dēngan ini sahaja dapat-lah kita pēngangan bahawa bahasa Mēlayu akan mēngambil pēranan pēnting pada masa akan datang.

Sunggōh pun bagitu, iēntu kita ta² dapat mēnērimita dēngan hanya janji² atau pēngakuan² yang tidak di-laksanakan dēngan bukti, atau kita sēmula hanya mē-nunggu² kētika

²"Sa-puluh tahun" saperti mana yang di-katakan oleh penulis rēmehana ini sa-lah di-kita dari tarikh Pērsökutuan Tanah Mēlayu mēncapai kāmēndakuat-nya.

nanti kira-kira sepuluh tahun baharu akan muncul atau dengan tiba-tiba bahasa kita berdaulat seratus peratus di atas Tanah-Ayer-nya kalau tidak dari sekarang di-kerjakan untuk melaksanakan kerja besar itu. Mari kita lihat negara tetangga kita Indonesia yang telah merdeka selama 12 tahun* itu. Pada hal Indonesia telah mengisytiharkan bahasa Indonesia menjadi bahasa rasmi dan terus semua warga negara bekerja mendukung kedaulatan itu sedangkan itu pun masih belum sempurna juga lagi. Pada hal segala ahli bahasa, peminat bahasa bekerjasama melengkapkan bahasa-nya dengan serentak, dan semua sekolah-nya, dari sekolah rendah hingga ke-sekolah tinggi-nya, menjadikan bahasa Indonesia ia-lah bahasa pengantar, semua maha guru-nya tidak di-kira apa bangsa di-kenakan aturan mesti melayakkan diri-nya di-dalam bahasa Indonesia selama tiga tahun dan kalau ta' layak dalam tiga tahun maha guru itu mesti berhenti dari mengajar. Kita dapati sekarang semua maha guru itu bekerja keras melayakkan diri-nya mesti pandai dalam bahasa Indonesia. Sungguh pun begitu bahasa Indonesia masih lagi mengalami kekurangan yang berkehendakkan tenaga besar dalam lapangan pembangunan bahasa dan kesusasteraan-nya menuju kepada gerbang menjadi bahasa sa-jagat.

Dengan melihat kerja saudara kita di-Indonesia bergiat memajukan bahasa dan kesusasteraan-nya dengan begitu hebat, terkénang saya kepada bahasa kita yang di-katakan nanti kira-kira sepuluh tahun lagi baharu dapat di-daulatkan penuh menggantikan bahasa Inggeris.

*Masa yang di-maksudkan oleh penulis rencana ini ia-lah sampai saat ini kerana rencana-nya ini di-tuliskan nya.

Biar-lah saya berkata ada kemungkinan tercapai kalau sa-kira-nya pihak² yang mengendalikan pemerintahan benar² menuju pembangunan bahasa Melayu di-sagènap lapangan, mengisi segala yang kurang, membaiki segala yang salah, menegakkan segala yang runtoh dan jelas-nya di-mana² sahaja dari sekarang mesti menggunakan bahasa Melayu sa-dapat²-nya, dari gedong pemerintahan hingga ka-sudut² kampung bahasa Melayu mesti di-utamakan dengan tidak berkchuali kepada apa bangsa pun yang mendiami negeri ini dari sekarang juga.

Mengapa saya membabit soal bahasa Melayu sa-bagitu jauh, pada hal dalam ruangan ini saya hendak memperkatakan peranan penting kesusasteraan Melayu ketika Tanah-Ayer kita merdeka? Saya berpendapat dalam soal kemajuan kesusasteraan Melayu ada-lah bergantung dengan kemajuan pembangunan bahasa Melayu. Sa-kira-nya bahasa Melayu benar² telah di-gerakkan menuju singgahsana-nya dalam masa sa-puluh tahun, bererti dari sekarang penggalakan menggunakan bahasa Melayu di-gerakkan dengan tenaga raksaksa seluruh ra'ayat terutama dari bangsa Melayu sendiri dari semua peringkat, saya perhaya soal perkembangan kesusasteraan Melayu akan dapat sama berkembang asal-kan beberapa soal yang saya sebutkan di-bawah ini dapat di-laksanakan dengan sempurna.

SOAL KEBEBASAN MENULIS YANG SA-LUAS²-NYA

Satu syarat yang penting ia-lah kebebasan menulis ia-itu kebebasan mengeluarkan fikiran² yang sihat hendak-lah di-beri oleh pemerintah sa-luas²-nya, tiada sekatan² yang dapat menguasai, bangsa dan negara-nya. Semua negara² yang merdeka tidak menyekat perkembangan fikiran ra'ayat-nya,

sëbab itu saya bërharap nëgara kita yang akan mërdeka akan mënjadi sa-buah nëgara yang bënar² demokrasi yang mënghormati këbebasan press yang mënghemukakan likiran ra'ayat. Dëngan ada-nya këbebasan press ini, tëntu sahaja kësusastëraan kita akan dapat bërkhëmbang dan para pëngarang, pë-nulis dan pënërbit akan tidak ragu² bërkhëchimpong dalam lapangan ini dëngan sa-luas²-nya.

Saya tëringat këtika saya mëlawat Indonesia pada tahun 1954, dan saya tëläh dapat pëlueg mëliah pameran buku² Indonesia: yang mënarek hati saya ia-lah pënërangan dari pihak yang mënghadakan pameran itu mënghatakan hingga këtika itu tidak kurang dari lima bëlās ribu jënis buku² tëläh di-tërbitkan dalam bahasa Indonesia dari sëmua lapangan, oleh itu saya përchaya tëntu pada hari ini tëläh lëbeh 20 ribu jënis tëläh di-usahakan oleh pëngarang² kësusastëraan Indonesia baik yang di-tërjemahkan atau yang di-karang oleh mërëka sëndiri. Sëbab² kējayaan yang tërchapai oleh mërëka, kërana këbebasan mënulis di-nëgara tëtangga kita itu tidak tërkhongkong sapërti mana di-zaman pënjajahan Bë-landa. Sëmëntëlahan pula bahasa Indonesia bënar² mënjadi bahasa rasmi di-nëgara itu.

Sa-kali lagi saya bërkata, këbebasan press hëndak-lah di-hormati kalau ingin kësusastëraan dalam bahasa Mëlayu lëkas maju. Kalau tiada këbebasan dalam lapangan ini sudah tëntu këmajuan kësusastëraan Mëlayu tidak mungkin tërchapai, dan chita² ingin mëliah bahasa Mëlayu lëkas bër-këmbang dan kësusastëraan Mëlayu mënchurah tërbit hanya tinggal dalam kënangan sahaja. Sëbab jiwa pëngarang yang tërkhongkong itu tidak akan dapat mënërbitkan hasil² yang gëmilang, sëbab itu-lah saya mënghambil përhatian yang utama tëtang këbebasan mënulis ini mënjadi përhatian kapada pë-mimpin² yang mënnyëlënggarakan nëgara mërdeka këlak.

KESUSASTERAAN PEMBANGUNAN

Memang dalam kesusasteraan Melayu sangat berkurangan dalam semua lapangan. Maka kita tentu ta' dapat mēnumpa hanya kēkurangan buku' pēlajaran, atau dalam lapangan buku' pēngētahuan yang boleh di-katakan ta' ada, atau dalam lapangan buku' chērita yang hērmutu yang di-kēhēndaki sangat untok mēnjadi pēmbachaan ra'ayat jēlata. Sēbab itu bagaimana-kah dapat sa-rēntak di-usahakan sēmu yang kurang ini? Jawab-nya mudah, ia-itu tiap' pēngarang di-galakkan mēnulis sēgala kēbolehan yang ada kapada mēreka, pihak pēmērentah yang mēmpunyai alat chukup saperti Pējabat Karang-mēngarang-nya dan Dewan Bahasa-nya hēndak-lah mēnērima buku' atau karangan yang di-chiptakan oleh pēngarang' kita bagi mēnērbitkan-nya sērtā mēmbēri bayaran yang mēmuaskan. Bagitu juga pēnērbit' ra'ayat juga di-galakkan mēnērbitkan hasil' kesusasteraan Melayu, mana' yang patut di-ambil oleh pēmērentah di-jadikan buku' pēlajaran atau di-sebarkan sama mēlalui kutub-khanah yang saya kētahui ada dimē-rata' kampung, sēkolah' atau di-asrama' tēntēra dan polis.

Pihak pēmērentah sa-patut-nya sēlalu mēngēmukakan harapan pēnulis dēngan tawaran' buku' yang di-kēhēndaki dēngan bayaran' yang tinggi, saperti kata-lah buku' untok pēlajaran sēkolah mēnēngah kalau ada di-antara buku itu yang tērpilih hēndak-lah bēnar' pēngarang buku itu dapat bayaran yang sangat' mēmuaskan. Dēngan ini mēnjadi galakkan kapada tiap' pēngarang bērusaha di-lapangan itu.

Sa-bagai galakkan chontoh yang baik, saya dapati pihak pēnērbit' di-Indonesia sēnang mēndapat kērtas dari pēmērentah kalau mēnērbitkan kesusasteraan yang bērupa pēmbangunan saperti buku' pēlajaran dan pēngētahuan, dēngan chara ini juga pēnērbit' dapat mēnjual dēngan harga murah

yang menyenangkan ra'ayat membeli-nya, contoh ini patut di-tiru oleh negara kita. Novel yang tinggi mutu-nya dan berpadanan menjadi bacaan kepada penuntut pelajaran tinggi, hendaklah di-sambut oleh pemerintah sebagaimana yang di-jalankan di-negara merdeka seluruh-nya. Pendek-nya untuk kesusasteraan pembangunan ini yang di-khendaki sangat ia-lah mesti pihak pemerintah dan penerbit benar menghargakan karangan dengan sa-wajar-nya, bukan sa-bagai hari ini sangat rendah penghargaan-nya.

PARA SASTERAWAN DENGAN PELUANG KA-LUAR NEGERI

Supaya ahli sasterawan kita banyak mendapat pengalaman, sudah sa-layak-nya bagi pihak pemerintah memberi peluang sa-luas-nya kepada angkatan sasterawan melawat ka-luar negeri baik dengan jalan derma pelajaran atau dibawa ketika ada di-antara menteri atau rombongan yang melawat ka-luar negeri supaya ikut sama seperti mana dilakukan oleh bangsa yang telah merdeka. Kerana ahli sasterawan itu-lah yang akan dapat membawa balek segala pengalaman pemandangan luar negeri itu untuk di-hidangkan kepada ra'ayat seluruh-nya. Maka dengan jalan ini satu tingkatan yang amat mustahak untuk pembangunan kesusasteraan kita, dan mengenalkan kepada bangsa asing yang kita juga ada mempunyai ahli sastera dan dapat berhubung dengan ahli sastera bangsa di-luar negeri dengan jalan rasmi.

MATA PELAJARAN DAN POLIMIK SASTERA

Untuk perkembangan kemajuan kesusasteraan kita, bukan sahaja di-harap dari orang lepasan sekolah tinggi, saya dapati di-antara ahli sastera dunia banyak di-antaranya terbit dari orang-ramai yang ta' pernah menempoh sekolah tinggi.

Negara kita di-zaman penjajahan, telah di-adakan satu peratoran tidak menghormati kepandaian sa-saorang yang terbit dari pengalaman-nya, tetapi menjunjung tinggi kepada orang yang memegang "Diploma", sa-hingga kadang-kali ada di-antara pengarang kita sekarang banyak yang terbit dari sekolah "atap" tidak mendapat penggalakan dari pemerintah. Untuk bukti-nya, kalau ada di-antara pengarang kita yang chuba mengarang buku pelajaran atau buku sekolah, dengan serta merta di-katakan orang itu ta' ada kelayakan sa-bagai jaminan, kadang terus-terang di-katakan karangan orang itu ta' dapat di-terima menjadi mata pelajaran kerana ta' ada "Diploma" B. A. atau M. A. atau sa-bagainya.

Saya berpendapat chara bagini hendaklah di-hapuskan, kita semua mengetahui kebolehan mengarang itu bukan bergantung kepada kebolehan, orang itu yang memang ada bakat menjadi sa-orang pengarang. Sebab itu pada masa negara kita merdeka, "adat" ini kalau boleh di-katakan adat di-zaman penjajahan itu hendaklah dengan serta merta di-hapuskan dan beri-lah galakkan kepada siapa sahaja yang ingin maju dalam lapangan kesusasteraan Melayu.

Untuk menambah banyak atau untuk menambahkan bilangan ahli sastera kita, beri-lah pendidekan kepada bakat baharu yang ingin maju dalam lapangan ini, terutama mata pelajaran di-sekolah ia-itu di-sekolah menengah bahagian kesusasteraan ini di-perluaskan dan di-tinggikan. Sa-lain daripada itu polimik sastera hendaklah di-adakan oleh

¹ Ia-itu pengertian yang di-bankan kepada Sekolah Melayu pada masa itu.

badan² sastëra pada tiap² nëgëri. Dëngan chara ini saya përchaya tidak bërapa lama nëgara kita akan mëmponyai kalau tidak bëribu tëtëpi bëratus² ahli sastëra yang mëndokong kësusastëraan bangsa-nya ia-itu kësusastëraan Mëlayu.

Dalam soal badan² sastëra yang tëläh timbul di-zaman pënjajahan yang tujuan-nya bërjuang sama mënchapai këmërdekaan mëlalui kësusastëraan, sudah sa-patut-nya manakala nëgara kita mënjadi nëgara mërdeka, hëndak-lah badan² ini mëndapat sokongan dari pëmërentah, khas-nya di-bëri bantuan² subsidi supaya badan² përgëraan sastëra itu dapat bënar² maju dalam mëngëmbangkan këwajiban-nya mëndokong këmajuan kësusastëraan Mëlayu yang mësti di-përhebatkan pëjuangan-nya di-zaman mërdeka.

DI-PERJUANGKAN HARGA ATAU NILAI SASTËRA

Dalam soal ini biar-lah saya bërchakap bërtërus-tërang. Sa-lama ini pëngarang² kita ta² dapat pënghargaan di-atas jasa² yang di-kërkakan-nya mëlalui kësusastëraan Mëlayu. Sëbab-nya jëlās kërana sa-lama ini hanya bahasa dan kësusastëraan Inggëris sahaja di-pandang tinggi dan bërnilai di-nëgara kita ini. ukoran² ini di-bëri oleh pihak² yang bërkuasa itu ada-lah këbanyakan-nya tërbit dari didëkan sëkolah² Inggëris, sa-hingga di-antara mërëka ada yang mëmandang rëndah akan bahasa-nya sëndiri.

Saya përchaya jalan fikiran orang² yang mëmandang rëndah akan bahasa-nya sëndiri di-zaman pëjajahan itu akan mulai lënyap manakala datang-nya këmërdekaan, dan sudah jëlās dari sa-masa ka-samasa jalan fikiran di-nëgara kita akan

memandang tinggi kesusasteraan Melayu. Tetapi bagaimana caranya supaya lekas tercapai mengubah cara berfikir yang ta' sihat itu, ia-lah pihak pemerintah dan penerbit mesti-lah bekerjasama untuk menggalakkan hasil kesusasteraan Melayu, hadiah besar hendak-lah di-adakan bagi peraduan kesusasteraan di-seluruh lapangan. Sa-lain dari itu harga karangan mahu-lah di-bayar dengan sa-patut-nya. Sa-panjang masa yang telah lalu, biasa-nya karangan yang diterbitkan oleh penerbit itu kebanyakan-nya dengan sukarela atau perhuma, harga buku karangan hanya di-bayar dengan nilai yang rendah, pada hal kita ketahui untuk menchiptakan karangan atau buku itu bukan satu kerja mudah, tiap pengarang terpaksa mengorbankan masa dan fikiran-nya, tiba-bila karangan atau buku itu tiba di-tangan penerbit, mereka menilaikan sa-bagai biasa dengan tiada ada apa pertimbangan, semua-nya di-pukul rata, dan pembayaran-nya juga, ada banyak bakat pengarang yang boleh jadi pengarang bangsa yang baik telah patah di-tengah jalan, mereka undur sebah tenaga-nya yang bersungguh itu tiada dapat nilai dari penerbit.

Yang aneh-nya pernah terjadi ketika buku itu diterbitkan dengan mendapat sambutan yang baik, dan penerbit itu mendapat untung yang memuaskan, tetapi jasa pengarang sa-bagai penchipta itu di-pandang sepi tidak di-ingatkan, apa lagi kalau buku itu telah di-beli dengan murah hak menchiptak-nya. Saya berpendapat ketika negara kita telah merdeka kelak hak pengarang itu jangan-lah di-bolot oleh penerbit sahaja, dan pihak penerbit sangat di-khendaki membayar tiap kali di-cetak buku yang baik itu kepada pengarang-nya itu sa-bagaimana yang di-buat oleh negara yang maju kesusasteraan-nya itu.

Dengan jalan ini ada pengharapan buah ciptaan mereka itu menjadi satu galakkan yang besar untuk kemajuan kesusasteraan kita, erti-nya tiap pengarang dapat menggantungkan pengharapan-nya dalam lapangan karang-mengarang, dan dengan cara ini juga pengharapan kita mengharapkan tumbuh pengarang besar dari negara kita melalui kesusasteraan Melayu akan tercapai.

MENUJU TULISAN RUMI

Indonesia yang penduduk-nya sa-ramai hampir 80 juta itu telah merasmikan ada-lah tulisan rasmi-nya ia-lah RUMI. Di-Tanah Melayu ini bahasa Melayu telah berkembang mengikut jalan dua tulisan, ia-itu tulisan JAWI dan tulisan RUMI. Kalau kita melihat dari segi yang praktik, sudah jelas bahasa Melayu dapat maju hanya dengan jalan tulisan Rumi. Sebab dengan jalan tulisan Rumi itu bukan sahaja perkembangan kesusasteraan kita hanya tersebar di-antara kita penduduk Tanah Melayu yang sa-ramai hampir tujuh juta, tetapi ada harapan tersebar kepada penduduk Alam Melayu. Kerana bahasa Melayu dan Indonesia itu ada-lah satu, hanya ejaan-nya sahaja sedikit berbedza. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah mengambil ketetapan: bahasa Melayu dengan sa-cara rasmi memakai tulisan Rumi dan tulisan Jawi berjalan seperti biasa.

Tentang tulisan Rumi memang telah menjadi perbahathan hebat di-antara kita di-sini, sa-hingga pihak penerbit Melayu banyak yang takut mengubah langkah menerbitkan dalam tulisan Rumi, mereka terus dengan tulisan Jawi segala penerbitan-nya. Tetapi kalau di-lihat perkembangan tulisan Rumi yang hebat hari ini, terutama kemahuan angkatan baharu, dapat-kah di-bendong kemajuan yang datang ini?

Saya berpandangan pihak penerbit dan pihak yang sangat "fanatik" kepada tulisan Jawi hendaklah bertolak ansor, ia-itu biarkanlah kemajuan tulisan Rumi berjalan menjadi tulisan kebangsaan kita dan kemajuan kesusasteraan Melayu biarlah melalui tulisan Rumi. Tetapi kalau sa-kira-nya kita berdegil hanya menggunakan tulisan Jawi sahaja, salah kita sendiri membiarkan peluang keemasan yang sepatutnya kita menikmati-nya, kita serahkan ka-tangan asing dan dengan ini terlepas-lah lagi satu pasaran ka-tangan penerbit asing dan dengan ini sudah terang para sasterawan yang ta' mahu di-kongkong, dan ingin tulisan-nya atau chip-taan-nya tersebar luas akan lari ka-tangan asing, siapa-kah yang rugi?

Bagi pihak pengarang angkatan baharu, saya percaya tentang soal tulisan ini mereka kebanyakan telah memilih tulisan Rumi, tetapi apa boleh buat pada penerbit-nya yang lagi berdegil menerbitkan dalam tulisan Jawi, tetapi seperti mana yang saya hayangkan di-atas itu, kerjasama dari pengarang yang ingin kesusasteraan Melayu maju melalui tulisan Rumi itu akan terlepas dari tangan penerbit yang fanatik dengan tulisan Jawi sahaja, dan saya berpendapat juga sekarang bukan masa-nya kita bertahan dengan satu fanatik yang merugikan, yang sa-baik-nya kita mesti maju mengikut kehendak masa, ia-itu ketegasan saya, bahasa Melayu mesti memakai tulisan Rumi menjadi tulisan rasmi akan melihat perkembangan dalam kesusasteraan Melayu lebih cepat dan ada harapan baik nasib pengarang Melayu dari masa yang sudah yang hanya terlengkong dalam tulisan Jawi.

Soal ini juga saya percaya penerbit kita akan lekas mengubah langkah jangan ketinggalan merebut pasaran yang lagi terbuka dalam lapangan kesusasteraan Melayu.

Dalam keputusan Kongres Bahasa dan Përsuratan Mëlayu Këtiga pada tahun lëpas* tëläh mënëtapkan supaya ejaan Rumi Mëlayu dan Indonesia itu dëngan sa-chëpat mungkin di-samakan. Tugas ini tëläh di-bëri kapada Lëmbaga Tëtap Kongres itu untok mëlaksanakan këputusan Kongres itu. Memang kalau di-tinjau dari sëgi përasaan ejaan Mëlayu — Indonesia ini amat pënting di-sëgëra. Kërana dëngan përsamaan ejaan ini dëngan sëndiri-nya SATU KEMAJUAN dalam lapangan kësusastëraan Mëlayu akan sëgëra mëningkat chëpat dan luas tidak sapërti hari ini tër-sëkat oleh batasan ejaan yang sadikit itu. Kalau bahasa itu di-mana² juga, umpama di-United Kìngdom, Amerika, Australia, Canada dan di-sërata pëlusok dunia ini sa-jënis sahaja ejaan-nya, mëngapa bahasa Mëlayu dan Indonesia itu bërlainan? Pada hal yang mënjadikan bërlainan itu kërana daftulu-nya Indonesia di-jajah oleh Bëlanda lalu mëmakai sistëm ejaan Bëlanda dan Tanah Mëlayu di-jajah oleh Ing-gëris lalu mëmakai sistëm ejaan Inggëris. Dari itu di-kala Tanah Mëlayu dan Indonesia tëläh mërdeka mëngapa-kah bahasa yang satu jënis përtutoran-nya itu mësti lagi ada përbedzaan ejaan-nya? Bukan-kah ini boleh di-satukan oleh pëndokong² bahasa Mëlayu dan Indonesia yang tujuan pënyatuan ejaan ini mënuru këmajuan kësusastëraan Mëlayu.

Saya bërharap pihak pëmërentah Tanah Mëlayu yang kalau bënar² bërdaulat tëntu sahaja ingin mëlilat kësusastëraan-nya bër-këmbang dan maju ka-sëluroh Alam Mëlayu dan ka-sëluroh dunia, sëbab itu satu dari langkah yang mësti di-chëputkan ia-lah mënnyatukan ejaan Mëlayu — Indonesia,

*Kongres Bahasa dan Përsuratan Mëlayu Këtiga tëläh di-adakan dalam tahun 1956 di-Johor Baharu.

dan dengan langkah ini juga, kērunsingan pihak kita tēntang kēkurangan buku² Mēlayu tērutama dalam buku² pēngētahuan dapat bantuan dari Indonesia.

KESUSASTERAAN MELAYU MENUJU KA-LUAR

Sa-tēlah saya mēmbēri pandangan yang panjang lebar soal² bagaimana patut di-gērakkan oleh sa-gēnap tēnaga untok mēndorong supaya kēsusastēraan Mēlayu di-masa mērdeka bēnar² mēnuju kēmajuan yang kita sama² harapkan, di-sini saya bawa satu soal lain yang bēlum saya katakan di-atas itu. Tērkēnal dan tērkēmbang-nya kēsusastēraan satu² bangsa, bukan haya bērgēlar di-sakēliling masharakat bangsa-nya itu sahaja, tētapi di-kēhēndaki juga mēnjadi pērhatian kapada bangsa² lain yang bērlainan bahasa itu. Itu-lah jalan mēnjadikan supaya ada di-antara kēsusastēraan kita bērtanding dēngan kēsusastēraan sa-jagat, sapērti mana kēsusastēraan Inggēris, Bēlanda, China, Jēpun, Russia, India dan Arab, sa-hingga kita kēnal sēkarang bēbērapa pujangga asing itu sapērti William Shakespeare, Rabindranath Tagore, Tolstoi, Lim Yu Tang, Umar Khayam, dan bē-ratus² nama lagi, bagitu juga sēkarang kita tēlah kēnal bērpuloh nama pēngarang Indonesia sēbab kēsusastēraan dari sana tēlah banyak mēngalir ka-nēgara kita sapērti Hamka, Alishahbana, A. Muis, Anantator, Khairil Anwar, Amir Hamzah, Adi Negoro, Rusli dan lain², maka sudah jēlas pērjuangan para pēngarang kita juga sudah tēntu hēndak mēnuju mēnjadi pēngarang yang tērkēnal ka-luar nēgēri.

Mēlaksanakan tugas bēsar ini tērpulang bukan sahaja kapada para pēngarang itu sēndiri bērhēmpas pulas mēnchari jalan kēluar dēngan mēnulis mēmakai bahasa asing sa-hingga tidak datang asli-nya dari bahasa Mēlayu, soal ini saya bērpēndapat mahu-lah pihak pēnērbit² dan pihak pē-

mērentah mēnggalakkan dēngan mēntērmahkan karangan¹ dalam kēsusastēraan Mēlayu yang bērmutu dari buah-tangan pēngarang kita, atau buku novel mithal-nya bērkēnaan chē-rita di-sakitar bangsa kita yang baik di-karang oleh pēngarang kita sēndiri hēndak-lah di-usahakan di-salin ka-dalam bahasa asing untok di-pērkēnalkan ka-luar nēgēri saperti mana yang tērjadi kapada kēsusastēraan asing yang saya sēbutkan di-atas itu.

Saya pērehaya dēngan galakkan kēsusastēraan Mēlayu di-siarkan luas dalam bahasa² asing. ini satu jalan yang sangat mēnarek kapada pēngarang² kēsusastēraan Mēlayu bēr-lumba² hēndak maju, dan masing² akan mēnchuba sa-bērapa daya mēninggikan taraf chiptaan masing² yang dapat di-katēngahkan untok mēnjadi kēsusastēraan sa-jagat.

Sa-kian pēndapat saya tēntang pēranan kēsusastēraan Mēlayu di-atas Tanah-Ayer-nya sa-lēpas mēnērima kēmērdakaan pada 31 August, 1957, dan tiap² kita yang chintakan nēgara, bangsa dan bahasa-nya hēndak-lah tērus mēnyērahkan dērma bakti-nya apa sahaja dēngan tidak mēngēnal jēmu dan mundur. Chogan pērjuangan bahasa kita "Bahasa Jiwa Bangsa" hidupkan tērus mēnērus, ada-nya.

Rēchana ini telah di-tuliskan oleh Sdra. Harun Aminurrashid untuk Chendōra Mata Mērdaka yang di-keluarkan oleh Pērsatuan Bahasa Mēlayu Maktap Pēngunaan Sultan Idris, Tanjong Malim untok mēnyambut Kēmērdakaan Pērsēkutuan Tanah Mēlayu.

Rēchana ini di-pētak dari Chendōra Mata itu kēreno di-dapati banyak pērkara¹ yang di-kēmukakan oleh pēnulis-nya ini etak untok mēnjadi pērhatian dan kajian kita bērsama.

Dicāh kērena rēchana-nya ini di-tuliskan-nya sa-masa nūgara kita masih bālum mērdaka lagi, maka banyak-lah pērkara¹ yang di-kēmukakan itu walāh pun mēngalami pērubahan sēkarang ini ita-itu sa-tēlah mērdakai, umpama-nya tēntang bētapa pēriu-nya "Tulisan Rumi" untok pērkēmembangan bahasa dan kēsusastēraan Mēlayu. Balāh di-katakan kēmua buku¹ yang di-keluarkan sēkarang ini mēnggunakan tulisan rumi. Dēmikian juga tēntang soal pēryata ejaan Mēlayu — Indonesia itu, kē-dua¹ pēmērentah — Pērsēkutuan Tanah Mēlayu dan Indonesia — sēkarang ini sēdang bērusaha kōras ka-arah pēnyatuan ejaan itu.

PERSAJAKAN MELAYU DI-MALAYA

MASA JEPUN

(Ali Haji Ahmad)

Pem̄erintahan Jepun di-Tanah Melayu hanya-lah lēbeh kurang tiga tahun sa-tēngah sahaja dan masa tiga tahun sa-tēngah tidak-lah dapat di-katakan suatu masa yang panjang dari sēgi sējarah. Namun p̄rlaluan masa itu mēmbuat p̄rubahan² dan p̄rkembangan² yang p̄nting juga dalam p̄rlanjutan usia sējarah — di-antara-nya ia-lah sējarah p̄rsajakan Melayu.

Tiada banyak — sama-ada dari sēgi jumlah mahu pun dari sēgi kēmajuan — yang dapat di-harapkan dari masa yang singkat itu. Dan memang-lah sa-bēnar-nya tiada banyak yang tēlah tērchapai. Lēbeh kurang tiga puluh buah sajak sahaja yang tērsiar.

Sarba-sērbi tērsekat dan tērkongkong oleh kēadaan masa p̄rang dan oleh kuasa fasis Jepun. Kēbebasan p̄nyataan fikiran dan p̄rasaan boleh di-katakan tiada sama sa-kali. Sēgala sa-suatu mēsti-lah sa-aliran dan sēsuai dēngan kēhēndak² Jepun sa-aliran dan sēsuai dēngan chita², dasar dan tindak tandok Jepun. Alat² p̄nyebaran fikiran dan p̄rasaan amat tērbatas. Hanya ada sa-buah sahaja surat-khabar hari-

an, Bērita Malai¹⁾; sa-buah majallah dua-mingguan, Fajar Asia²⁾; dan sa-buah majallah bulanan, Sēmangat Asia³⁾. Ini-lah sahaja pēnērbitan yang dapat di-pandang pēnting di-masa itu.

Sama-ada sa-chara langsung atau tidak dan sama-ada sa-chara kētat atau tidak maka ka-sēmua pēnērbitan tērsēbut tadi di-awasi oleh pēmērentah tēntēra Jēpun yang mēnguasai Malaya, dan di-jadikan alat propaganda mēreka. Oleh yang dēmikian maka, sama-ada di-sukai atau tidak, hasil⁴⁾ kēsusus-tēraan Mēlayu di-masa itu tidak-lah dapat lēpas daripada hakikat ini. Mithal-nya, Samad Ismail mēnulis chērita⁵⁾ pendek yang mēng-agong⁶⁾kan kēhidupan bērtani dan nēlayan, sēsuai dēngan dasar dan kēhēndak Jēpun supaya anak nē-gēri bēr-sunggo⁷⁾h mēmpērbanyak barang makanan di-masa pērang itu. Pērhatikan-lah dua tajok chērita pendek ini: (1) Sa-orang Pēngail — Dia-lah raja walau pun tidak ada istana dan taman. Ia miskin tētapi kaya pada sērba sērbi-nya.⁴⁾ (2) Ubi Kayu — Hidup di-ladang lēbeh ma'amor daripada hidup di-pēkan.⁵⁾ Ada-kah nēlayan itu raja ka-atas nasib-nya sēndiri? Apa bēnar ia kaya? Ada-kah pētani itu ma'amor? Dalam hal sajak⁸⁾ pun dēmikian juga. Pērhatikan-lah sa-rangkap dari sajak "Kapada Kaum Tani"⁶⁾ ini:

-
- 1) Sa-buah surat khābār harian di-tērbitkan oleh pihak Malai Sibun Sya di-Singapura. Kē-dua⁹⁾ pēngarang-nya ia lah Haji Abdul Rahim Kaji dan Ishak Haji Muhammad.
 - 2) Majallah dua-mingguan di-tērbitkan oleh Pējabat Pūmbangunan Mēlayu Baru (Insai Malai Konsentan Sya) dan di-chetak di-Aj-Ahmadiyah Press dan kē kemudian di-tēmpat pēchetakan Malai Sibun Sya juga. Kētuo pēngarang-nya ia-lah Zaimat Abidin Ahmad, bēkas pēngēmudi Parti Islam di-Medan. Kalau saya tidak silap, ia sēkarang pā-lah anggota parlemen Indonesia dari golongan salah sa-buah parti politik Islam.
 - 3) Sa-buah majallah bulanan di-tērbitkan oleh pihak Malai Sibun Sya juga dan di-kētudi oleh Ishak Haji Muhammad juga.
 - 4) Tērbit di-dalam Sēmangat Asia, bētarikh February, 1944.
 - 5) Tērbit di-dalam Sēmangat Asia juga, bētarikh March, 1944.
 - 6) Oleh Taharudin Ahmad, tērbit di-dalam Sēmangat Asia, bētarikh April, 1943.

Ta'kan sēsia tulang di-banting
bukan pērchuma pēloh mēngalir
usaha tuan ta' dapat di-banding
tērhadap bangsa dan tanah ayer.

Sa-chara ka-sēlurohan-nya, sajak⁷⁾ di-masa Jēpun ada-lah bērsēmangat kēbangsaan dan kēmērdekaan. Untok mēlulusi saringan pēmērentah tēntēra Jēpun maka sēmangat itu di-salutkan dēngan kata² “dalam lengkongan Asia Timor Raya”, suatu konsep yang di-buat oleh Jēpun sēndiri yang lēbeh kurang bērupa “*commonwealth*” dēngan Jēpun sa-bagai pē-lopōr dan pēmimpin-nya, dan mēngandongi nēgēri² Jēpun, Korea, Manchuria, China, Formosa, Vietnam, Laos, Cambodia, Siam, Malaya, Indonesia, Burma dan India (tērmasok Pakistan). Pērhatikan-lah sajak “Di-Tēlapak Ibu”⁷⁾ ini:

Ibu, bukakan rongga kalbu bonda
luangkan tēmpat bisikan anakanda
yang tētap bērgēlora dalam sukma
rasa ta' kuasa mēnahan lama.

Maseh tērbayang ibu tērikat
di-rantai di-bēlēnggu oleh si-Barat
hēndak mēmbebaskan dah tērniat
Tapi, apakan daya tiada sēmpat.

Kēdatangan pērkaşa surohan Tuhan
ibu tērlēpas dari gēnggaman
beta mēlompat-lah mara ka-hadapan
dēngan tujuan hēndak bērkorban.

7) Qien Teharuddin Ahmad juga, tērci di-dalam: Sēmangat Asia bērtarikh April, 1943.

Di-tēlapak ibu gērangan shorga
tapi hairan putēra umpama beta
maseh ada yang lengah dan lupa
bahawa bondakan maseh bēlum bērdaya.

Dah datang masa-nya wahai putēra
mēngabdī mēnjunjong titah bonda
supaya dia jangan kēchewa
mēnunggu kita sa-tiap masa.

Kalau ta' kita bērusaha
ibu pērtiwi ta' akan jaya
dalam lengkongan Asia Raya
mēnuju kēma'amoran bērsama.

Inti-sari sēmangat kēbangsaan dan kēmērdekaan itu ialah tēhadap tanah-ayer sēndiri. Namun ini tidak-lah pula bērerti bahawa sēmangat itu sēmpit dan tērbatas. Sa-balek-nya tērnnyata bēnar "outlook" luas mēliputi Asia khas-nya dan dunia 'am-nya. Dēngan lain² pērkataan, dalam sajak² di-masa Jēpun itu tērdapat-lah pēmandangan ka-sējagatan (*universal outlook*). Pērhentikan-lah sajak "Kapada Anak-ku"⁸⁾ ini:

Maseh pērang sēkarang, anak-ku
maseh gēmuroh garuda angkasa
mēriam mēndēntum bēr-talu²
mēnēntukan nasib sēgala bangsa.

Do'akan anak-ku, sēmoga tiada
pērchuma bērpindah nyawa pahlawan
sēmoga tiada pērchuma
sēgala darah yang jadi korban.

8) Oleh H. R., tērbit di-dalam Sēmangat Asia, bērtarikh April, 1943.

Untok kita
Untok Asia
Untok dunia
Untok manusia!

Sēmoga
kalau engkau 'lah bēsar nanti
dunia sudah aman sētosa
tidak ada pēpērangan lagi
hidup bahagia sēgala bangsa.

Sēmoga
tiada lagi bēlēnggu Barat
mēngikat kaki dan tangan Timor
tiada lagi orang mēlarat
sungguh dunia pēnoh ma'amor.

Do'akan anak-ku, sēmoga dari
badan yang hanchor mēnjadi tanah,
tumbuh-lah bahagia laksana bunga
bēr-sēri' mēnyērbakkan wangi.

Untok kita
untok Asia
untok dunia
untok manusia

Sēmangat kēbangsaan dan kēmērdekaan memang-lah bērasal daripada sēmangat chintakan tanah ayer. Jadi memang sudah tēntu sajak⁹¹ di-masa Jēpun itu punya sēmangat chinta tanah ayer. Pērhatikan-lah sajak "Tanah Ayer-ku"⁹¹ ini:

⁹¹ Oleh B. S. (Tebiratirapat), terbit di-calam Sēmangat Asia juga, bērtarikh Juno, 1943.

Di-mana bakau tégak bérdiri
di-mana pasir puteh béréséri
di-mana nélayan mēnanggong lagu
itu-lah dia pantai nēgéri-ku.

Di-mana gunong mēnyapu awan
di-mana pēnoh hijau²an
di-sana-lah tumboh damar dan rotan
tēmpat bapa-ku mēnchari pēnghidupan.

Di-mana sungai turun mēngalir
di-mana ngarai dudok tērnganga
itu-lah nēgéri-ku tanah pērsisir
pusaka ayah bērsērta bonda.

Di-mana padi lēmah tērgurai
di-tiup bayu bagai tērlena
itu-lah dia tanah-ku pērmai
tēnang ēmas intan pērmata.

Di-mana ayer tērjun mēlunchor
di-mana bērserak ayer mēmanchor
di-situ-lah tēmpat-ku mēnggubah lagu
lagu hati gēlombang rindu.

Ka-sana oh jiwa 'lah tērpaut
ka-sana-lah tērchurah suara hati
akan ku tunggu sa-hingga maut
tanda-ku hēndak bērbuat bakti.

Pada sa-bahagian bēsar masa Jēpun itu Malaya dan Sumatēra ada-lah di-bawah pērtadbiran yang satu dan sama. Kalau saya tidak silap, di-bawah pērtadbiran tēntēra darat Jēpun, manakala Pulau Jawa dan lain² di-bawah tēntēra laut pula. Maka sudah sa-wajar-nya-lah hubungan antara kawasan² ini. Pēnyajak² dari Sumatēra khas-nya mēnyajak

di-majallah Sēmangat Asia. Di-antara-nya tērdapat-lah Hamka. Bagi orang² ini dan rakan² sa-jawat-nya di-Malaya tanah-ayer mēreka ia-lah sēluroh kēpulauan Nusantara ini dan bukan-lah sabahagian² sahaja. Dēngan lain² pērkataan fahaman tanah-ayer mēreka ia-lah bērupa "Nusantaraism". Dēngarkan-lah sadikit (sa-rangkap) sajak "Di-Atas Runtohan Mēlaka Lama"¹⁰⁾

Kota Mēlaka tinggal-lah sayang
beta na' balek ka-Pulau Pērcha
walau luas watan tērbēntang
Danau Mēninjau tērkēnang jua.....

Bagi pēnyajak ini tanah-ayer-nya luas tērbēntang, tērmasok kota Mēlaka dan sēluroh kawasan *empire*-nya di-zaman kēgēmilangan-nya. Jadi, sadikit sa-banyak-nya, pērsajakan di-masa Jēpun ini ada-lah mērupakan satu kēsatuan (*unit*) proses sējarah kēsusastēraan bagi Malaya dan Sumatēra khas-nya dan Indonesia 'am-nya.

Chara mēnyajak, tērutama pada bēntok luar-nya, di-masa Jēpun ini tidak banyak bērbedza dēngan chara sa-bēlum pērang. Pērangkapan, pēraiman (*rhyming*), pērtimbangan baris² dan lain² ada-lah tērsangat mirip kapada chara sa-bēlum pēchah pērang.

Kērēmajaan pēnyajak², suatu sifat umum pada pēnyajak² zaman sa-bēlum pērang itu, ada-lah mērupakan sifat umum bagi sajak² zaman Jēpun ini. Sēlalu-nya sajak² itu bērsuasana romantik dan mēlangkolik (rawan atau hiba). Lihatlah sajak "Ka-Taman Asia"¹¹⁾ ini:

10) Oleh Hamka, terbit di-dalam Sēmangat Asia, bērtanikh Septumbar, 1943.

11) Oleh Taharuddin Ahmad, terbit di-dalam Sēmangat Asia, bērtanikh June, 1943.

Jauh ka-sana mata mēmandang
hanya lautan luas tērbentang
riak bēralun ombak gēlombang
sileh bērganti jēlang-mēnjelang.

Suria tērbēnam mēninggalkan kēsān
langit kuning ka-merah'an
kēlana tērmēnong bērhāti rawān
mēmandang burong tērbang sa-kawan.

Ombak mēmēchah mēmukul tēpian
mēyintakkan beta dalam rēnongan
bayu bērhēmbus mēnyampaikan pēsān
pulang-lah tuan mēnjengok taman.

Di-mana kēmbang bēraneka warna
harus sa-mērbak wangi bau-nya
di-mana tērserak kēlopak sakura
itu-lah Taman Asia Rēmaja.

Ka-sana haluan beta tujukan
hasrat mēnyunting kēmbang pilehan
kēmbang chiptaan sēgala angkatan
muda rēmaja jangan kētinggalan.

Dēngarkan-lah lagi sa-buah sajak. "Singgalang Yama"¹²⁾

Gagah pērkasa engkau Singgalang
sa-padan nian dēngan nama-mu
punchak-mu pērmai tinggi mēnjulang
mata mēmandang tiada jēmu.

12) Olen Zuhara, tērbit di-dalam Sēmanget Asia, bērtanikh June, 1943.

Kalau hari rēmbang pētang
sa-makin jaya ēngkau ku-tatap
tumboh-mu di-palut sinar gēmilang
punchak-mu bērtudong awan bērarak.

Gunong Singgalang, sa-mērak dusun-ku
pērmata ka-indahan tanah ayer-ku
ēngkau tētap akan ku-chinta
biar jasad sampai mērana.

Sa-kira-nya hamba pēnyembah wati
dikau ku-puja wahai gunong-ku
tapi hamba putēri Islami
pujian-ku tēruntok bagi Tuhan-ku.

Dan pēmandangan dalam sajak² itu umum-nya idealis-
tik, tidak bētul³ tēpat kapada alam nyata yang banyak kē-
jелеkan dari kēpalsuan. Apa kongkongan dan pēngawasan
pēmērentah Jēpun mēmbuat pēnyajak⁴ tidak bērani mēlahir-
kan sa-suatu dari hasil pēmandangan yang realistik, atau...
.....?

Rincihana "Pensajakan Melayu di Malaya Masa Jepun" oleh Ali Haji Ahmad ini telah di-petik dari majalah bulan Dewan Bahasa, jilid IV, bilang-
an 1, keluaran bulan Januari, 1960

PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

(Oleh: Mahmud Ahmad)

Ada pun perkembangan bahasa Melayu ia-lah suatu hal yang terlengkong dalam perjalanan sejarah bahasa Melayu, dan sejarah itu biasa-nya di-bahagikan orang kepada beberapa bahagian mengikuti keadaan zaman. Demikian juga hal-nya bahasa Melayu.

Walau pun orang belum pernah membahagikan zaman bahasa Melayu dengan tegas, tetapi menurut hemat saya pembahagian bahasa Melayu itu menurut keadaan-nya mulai zaman purbakala hingga sekarang dan akan datang boleh di-bahagikan kepada empat bahagian. Bahasa Melayu Lama, Bahasa Melayu Baharu, Bahasa Melayu Modern dan Bahasa Melayu Merdeka.

BAHASA MELAYU LAMA

Bahasa Melayu Lama dengan ringkas boleh di-katakan permulaan kembang-nya kira-kira T. M. 680. Bukti yang menunjukkan perkembangan bahasa Melayu bermula di-sakitar tarikh ini memang tidak banyak dapat di-selideki, tetapi ada, ia-itu menurut peninggalan prasasti yang bertulis pada batu bersurat memakai bahasa Melayu dalam daerah yang su-benar-nya daerah Melayu, ia-itu, (1) Batu bersurat di-

Kota Kapur, Bangka Barat, tarikh-nya T. M. 686. (2) Batu bĕrsurat di-Karang Brahi, lĕtak-nya di-antara Jambi dĕngan Sungai Musi, jauh ka-hulu-nya, bĕrtarikh kira² T. M. 686 juga. (3) Batu bĕrsurat Kĕdukan Bukit, tarikh-nya T. M. 683 dan Talang Tuwo, tarikh T. M. 684. Kĕ-dua²-nya di-dapati dalam wilayah Palembang dan bahasa-nya ia-lah bahasa Mĕlayu Lama yang bĕrchampor dĕngan bahasa Sanskrit.

Mĕngingat kapada kĕmajuan dan pĕngaruh bahasa Sanskrit pada zaman itu tidak-lah boleh di-katakan Bahasa Mĕlayu Lama itu tidak lĕngkap, mĕlainkan tĕlah mĕnjadi suatu kĕbiasaan, bahawa bahasa yang bĕrsifat ilmu pĕngĕtahuan dan tinggi mutu-nya memang sĕlalu di-gĕmari orang dan di-champorkan dalam bahasa yang di-punyai sĕndiri. Sama-lah dĕngan kĕadaan kita sĕkarang mĕn-champorkan bahasa Arab dan Inggĕris dalam bĕr-bagai² urusan pĕkĕrjaan dan ilmu pĕngĕtahuan dalam bahasa Mĕlayu.

Prof. Dr. A. Teeuw dalam buku-nya **POKOK DAN TOKOH DALAM KESUSASTERAAN INDONESIA BARU**, chetakan kĕdua 1953, antara lain mĕnyatakan bĕrkĕnaan dĕngan pĕrkĕmbangan bahasa Mĕlayu Lama itu dĕmikian: —

“Dan oleh kĕrana itu dapat di-katakan tidak-lah mĕng-hairankan, bahawa 1.250 tahun yang lalu di-situ pun (daerah Palembang — P.) tĕlah di-pakai sa-macham bahasa Mĕlayu, tĕtapi masih banyak lagi yang dapat di-sĕbutkan tĕntang hal itu: prasasti² itu mĕngandung tarikh dari masa pĕrmulaan zaman kĕmā²amoran kĕrajaan Sĕri Wijaya yang bĕsar, yang sa-lama bĕr-abad..... bukan sahaja di-Pulau Andalas (Sumatĕra — P.) dan di-Daratan Mĕlaka (Sĕmĕnanjong Tanah Mĕlayu — P.) tĕtapi pun juga di-sĕluruh Asia Tĕnggara pada waktu samasa²..... Sĕri Wijaya tĕristimesa sa-kali

la-lah suatu kĕrajaan dagang yang sa-bahagian bĕsar mĕm-pĕroleh pĕngaroh-nya dari angkatan pĕrkapalan-nya yang bĕrniaga di-sĕluroh Asia Tĕnggara. Saudagar¹ itu..... mĕmbawa bahasa mĕreka sa-bagai barang yang amat pĕn-ting, bĕr-sama² dĕngan dagangan-nya. Sudah pada masa itu bahasa Mĕlayu jodi bahasa dagang..... Tĕtapi piagam³ (batu bĕrsurat — P.) itu mĕngandung pĕlajaran bagi kita, bahawa bahasa itu bukan hanya bahasa pĕrdagangan sahaja, ia-itu bahasa Mĕlayu pasar dalam dua ĕrti,..... bahasa rasmi dan bahasa kĕsusastĕraan”.

Prasasti⁴ yang tĕrtulis pada piagam Talang Tuwo bĕr-bunyi dĕmikian:—

“diasanakala diantara marga laj temu mirah ya ahara dĕngan ayer dĕminumnya sewanyaknya wuatnya luoma parlak manchak muwah ya menghidupi pasu prakara marhulum tuwi werddhi ya jangan ya nikenai sewanyaknya yang pidana swapnawigna.”

Ērti-nya kira⁵ dĕmikian:—

“Apabila mĕreka lapar di-tĕmpat pĕrhĕntian atau di-lĕngah⁶ pĕrjalanan hĕndak-lah mĕreka mĕndapat makanan dan ayer minuman. Mudah⁷an sĕgala pĕrhumaan dan la-dang yang mĕreka buat akan mĕmbĕri hasil yang banyak. Mudah⁸an sĕlamat sĕgala macham tĕrnak dan sakalian hamba sahaya mĕreka itu. Mudah⁹an mĕreka jangan di-timpa oleh marabahaya atau seksa oleh pĕnyakit ta¹⁰ dapat tidor”.

Di-Pulau Jawa tĕrdapat batu bĕrsurat di-Candasuli. Kĕdu, arah ka-timor Gunong Sundara yang mĕmukai bahasa yang amat bĕrdĕkatan dĕngan bahasa Mĕlayu Lama yang tĕrpakai dalam surat¹¹an di-Pulau Andalas. Tarikh batu itu

T. M. 832. Tuan de Casparis mengatakan ta' mungkin tulisan di-batu itu suatu pengaruh dari Séri Wijaya. Tetapi walau macham mana pun ternyata-lah juga, bahawa pada awal Kurun Masehi IX bahasa Melayu Lama itu telah tersebar di-tengah Pulau Jawa sa-bagai bahasa Kebudayaan.

Ahli ilmu pengetahuan bangsa China yang biasa mengembara ber-tahun lama-nya di-Séri Wijaya dan lain bandar kerana menyalin ilmu pengetahuan dari bahasa Sanskrit ka-dalam bahasa China ada-lah menggunakan bahasa anak-negeri (bahasa Melayu Latta) sa-bagai bahasa pengantar-nya, dan bahasa itu di-sebut-nya bahasa KW'UN LUN. Istilah ini di-pakai juga bagi bahasa anak-negeri di-Madagaskar, Burma dan Kemboja. Ini suatu bukti, bahawa bahasa Melayu Lama itu ada-lah di-pakai pada tempat itu atau dengan lain perkataan pengaruh bahasa Melayu Lama itu telah sampai ka-luar, jauh dari kawasan Melayu sendiri.

Walhasil sejak Kurun Masehi VII dan kurun berikutnya tidak shak lagi bahawa bahasa Melayu Lama telah menjadi bahasa rasmi, bahasa kebudayaan dan bahasa ilmu pengetahuan dalam sekolah tinggi agama Buddha di-Séri Wijaya sa-bagaimana di-cheritakan oleh I Tsing sa-orang China yang mempelajari falsafah agama Buddha dalam sekolah tinggi di-Séri Wijaya itu.

Kemudian pada batu bersurat yang bertarikh T. M. 1356 (jauh antara masa-nya dengan batu bersurat yang tersebut tadi) terdapat beberapa rangkap shu'er yang di-selangi karangan nathar (prosa) dalam bahasa Melayu Lama, ia-itu berkenaan dengan perintah raja. Ada pun bahasa Melayunya ia-lah seperti bahasa Melayu Kurun Masehi VII juga, hanya ada sedikit perbedzaan-nya, seperti di-nyatakan di-bawah ini:—

BAHASA MELAYU
K. M. VII

marbuat
ni parbuat

BAHASA MELAYU
I. M. 1356

bërbuat
di parbuatkan

Daripada contoh yang sedikit di atas ini terang kepada kita, sungguh pun jauh antara masa-nya, tetapi keadaan bahasa itu hampir sa-rupa, bahkan dengan bahasa kita sekarang pun boleh di-katakan tidak sangat jauh bedza-nya.

Di-Kuala Bërang, Térëngganu telah di-dapati sa-buah batu bërsurat bërtarikh kira-kira T. M. 1327. Tulisan-nya memakai huruf Arab bahasa Mëlayu Lama. Sa-bahagian daripada prasasti batu bërsurat itu bërunyi dëmikian:—

BARIS

1. Rasul Allah dëngan yang orang..... bagi mërèka
.....
2. ada pada Dewata Mulia Raya bërri hamba mënëgohkan ugama Islam,
3. dëngan bënar bichara dërma mëraksa bagi sakalian hamba Dewata Mulia Raya
4. di-bënuaku ini pënëntua ugama Rasul Allah Sal-la'alahu 'alaihi wa sallam Raja
5. Mandalika yang bënar bichara sa-bëlah Dewata Mulia Raya di-dalam
6. bëhumi. Pënëntua itu lardhu pada sakalian Raja Manda —
7. lika Islam mënurut sëtital Dewata Raya dëngan bënar
8. bichara bërhajikan bënuaku pënëntua itu maka titah Sëri Paduka

9. Tuhan mēndudokkan tamra ini di-bēnua Tērēngganu adipērtama ada
10. Juma'at di-bulan Rējab di-tahun Sarathan disasana-kala
11. Baginda Rasul Allah tēlah lalu tujoh ratus dua.....*

Ērti pērkataan² yang agak lain daripada pērkataan kita sēkarang ini ia-lah:—

BARIS:

1.	—	—	—
2.	Dewata Mulia Raya	—	Tuhan, Allah Ta'ala,
3.	dārma mēraksa	—	pēratoran, undang'.
4.	bēnua	—	nēgēri.
5.	pēnēntua	—	pēnēntu,
6.	bēhumi	—	bumi, alam, dunia.
7.	—	—	—
8.	bērbajikan	—	kēbajikan
9.	Tuhan	—	Raja,
	tamra	—	batu bērsurat, piagam,
	adipērtama	—	pērmulaan-nya,
10.	Tahun Sarathan	—	Tahun Kētam, mēngikut
	disasanakala	—	hitongan orang Hindu,
		—	pada tatkala,
11.	—	—	—

*Batu bērsurat yang di-jumpai di-Tērēngganu ini menunjōkan suatu tarikh yang tertua daripada tarikh² yang di-ketahui bōrkaitan dōngan mula' pōr kembangan ugama Islam kōsa sēsueh nēgōri di-Tanah Mēlayu ini.

Batu ini sēkarang ada tērumpōn di National Museum, Kuala Lumpur. Kō-empat' pihak batu itu sampō-nya bertulis bēlōka. Salinan yang di-buat oleh Mahmud Ahmad di-atas ini ialah tulisan pada salah satu daripada pihak batu itu.

Tujuan' tulisan itu adā-lah sē-bagai suatu pōrntah mēngumumkan bōbō- rōda sōerat undang' yang bōrkandōng di-dalam sēmbilan' atau sē-puluh bāhāgian. (Sila bōkha: Sējarah Kōsustōraan Mēlayu I, oleh A. Samad Ahmad)

Mēmurut dōlōm buku Sējarah Kōsustōraan Mēlayu I oleh A. Samad Ahmad, tarikh batu bērsurat itu adā-lah kira' pada bulan February atau March Tahun Mawāhi 1303 iā-itu dōngan mēmbuat bāndōngan dōngan tarikh yang adā tertua pada suatu pihak batu itu iā-itu "dōlōm bulan Rējab dōlōm tahun Mawāhi 722".

Daripada tulisan Arab dan isi prasasti itu ternyata, bahwa batu bersurat itu di-buat pada masa orang Melayu daerah Terengganu sekarang ini telah menerima ajaran agama Islam. Ini-lah batu bersurat yang awal sa-kali menceritakan hal agama Islam di-Semenanjung Tanah Melayu ini. Tetapi lain daripada prasasti ini ta' ada cerita yang menjelaskan, bahwa orang Melayu daerah Terengganu lebih dahulu menerima ajaran agama Islam daripada orang Melayu Melaka.

Kemudian lagi telah di-dapati batu nisan tua di-Acheh bertarih T. M. 1380. Menurut keterangan Tuan Stutterheim bahwa tulisan pada batu bersurat itu mengandung suatu contoh sha'er Melayu Lama terjadi daripada delapan rangkap⁴.

Bahawa sa-sungguh-nya semua hal yang telah dinyatakan di-atas ini ta' dapat tiada itu-lah asal mula-nya bahasa Melayu yang kita jumpai dengan keadaan yang lebih jelas dalam K. M. XV dan XVI.

⁴Sha'er yang terdapat di-batu nisan di-Minya Tujeh Acheh ini adalah sa-bagai sha'er yang tertua sa-kali dalam bahasa Melayu. Tulisan pada nisan itu menurut yang di-ertikan oleh Dr. Stutterheim demikian bunyi-nya:—

"Hijrah nabi Muhammad yang prosida, tujuh ratus asta puluhawasa, haji dan dosa wara sukra, raja iman warde rahmat-Allah, putra barubasa mpu hak Kedah Pasai ma, Turuk tesih tanah samuha, ilahi ya rabbi tuhan samuha taruh dalam swarga tuneh." (daripada Perintis Jastore).

Huruf-nya ialah kurang begini:

"Se-telah hijrah Nabi, Kekasch, yang telah wafat, tujuh ratus delapan puluh satu tahun, bulan Dzulhijjah 14, hari Juma'at, Raja iman Warde (Rahmat Allah bagi Baginda) dari suku Barubasa (di-Gujrat), mempunyai hak atas Kedah dan Pasai minarek di-laut dan darat sa-mesta, ya Allah, ya Tuhan sa-mesta, taruhilah Baginda dalam swarga Tuhan."

Dalam tulisan pada batu nisan ini terdapat percampuran bahasa Arab bersama dengan bahasa Melayu menunjukkan pengaruh Arab.

Ménurut kêtêrangan ahli' pēnyiasat bahasa, harus-lah Hikayat Sēri Rama tēlah ada di-dalam bahasa Mēlayu sa-bēlum tērdiri-nya bandar Mēlaka. Sunggoh pun ahli' pēnyiasat bahasa bērsēliseh pēndapat: sa-tēngah mēngatakan Hikayat Sēri Rama dalam bahasa Mēlayu lēbeh tua daripada bandar Mēlaka dan sa-tēngah-nya pula mēngatakan Hikayat Sēri Rama itu di-salin ka-dalam bahasa Mēlayu di-bandar Mēlaka, tētapi tērnnyata-lah, bahawa Hikayat Sēri Rama itu tērmasok salah satu pērsuratan Mēlayu yang tērtua. Dalam naskhah-nya tulisan Juwi, ya'ani tēlah di-tulis pada zaman Islam di-Mēlaka tētapi tiada tērdapat sa-patah pun pērkataan Allah di-dalam-nya. Hal ini ada-lah satu dalil mēnun-jokkan, bahawa naskhah asal-nya ta' dapat tiada tēlah di-tulis dalam bahasa Mēlayu sa-bēlum orang mēmēlok ugama Islam.

BAHASA MELAYU BAHARU

Bahasa Mēlayu Baharu di-mulai pada T. M. 1400, ia-itu bērikutan dēngan datang-nya ugama Islam ka-Mēlaka. Sa-tēlah ugama Islam mēnjadi ugama rasmi bagi kērajaan Mēlaka, maka mula-lah dia pakai huruf Arab mēnjadi huruf Mēlayu dan di-tambah dēngan huruf 'cha', 'nga', 'pa', 'ga', 'nya', ia-itu bagi mēnuliskan bunyi bahasa Mēlayu. Kitab' pēlajaran ugama dan hikayat' yang bērasal dari bahasa Arab, Farsi dan India mula di-tērjemahkan ka-dalam bahasa Mēlayu, mithal-nya hikayat Muhammad Hanafiah, hikayat Amir Hamzah dan lain' lagi.

Ada pun bahasa Mēlayu Lama hanya di-masoki oleh bahasa Sanskrit sahaja, tētapi bahasa Mēlayu Baharu adalah di-masoki pula oleh bahasa' Arab, Farsi dan India Tamil. Dēngan pēr-lahan' tokoh bahasa Mēlayu Baharu tēlah di-pēngarohi bēnar oleh kaedah bahasa' Arab dan Farsi itu.

Gaya bahasa Farsi dan jalan bahasa Arab telah mempengaruhi bahasa Melayu Baharu. Gaya karangan Farsi itu berlanjutan masa-nya, sa-lama empat kurun (T. M. 1400 — 1800). Contoh karangan dan kesusasteraan Melayu baharu itu dapat diperlihatkan dalam Sejarah Melayu karangan Tun Seri Lanang (T. M. 1612), Hikayat Hang Tuah, Hikayat Raja Pasai, kitab Siratul Mustaqim (T. M. 1628) dan beberapa banyak lagi cerita terjemahan dari bahasa Farsi dan Arab. Cerita zaman Hindu juga terus menjadi kesukaan orang Melayu dan terus pula di-salin ka-dalam bahasa Melayu yang berchorak baharu dan memakai huruf Arab itu. Mithal-nya cerita Lang Lang Buana, hikayat Indera Jaya Pati, hikayat Raja Kuripan, hikayat Mesa Taman Panji Kesuma, Cerita Cekal Wanang Pati, hikayat Perbu Jaya, hikayat Panji Semerang dan lain-lain, ia-itu hampir semua-nya cerita Panji dari Jawa berasal dari zaman Majapahit Tahun Masehi 1294*.

Beribu naskah cerita Melayu yang berbentuk Hindu, Farsi, Arab dan lain-lain telah dapat di-kumpulkan oleh Raffles dan akhir-nya telah terbakar semua-nya dalam kapal "Fame" di-laut dekat Bangkahulu ketika Raffles hendak membawanya balik ka-Eropah pada T. M. 1824. Hal itu adalah satu kerugian besar bagi kesusasteraan Melayu Lama, ia-itu sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi dalam hikayat-nya.

Satu pukulan hebat yang pertama sa-kali pada orang Melayu dan kesusasteraan Melayu ia-lah jatuh-nya kota Melaka ka-tangan orang Portugis pada T. M. 1511. Dalam pada itu pun bahasa Melayu baharu terus menjalar pada sa-genap daerah kepulauan Melayu. Sifat-nya dahulu men-

*Cerita Panji ini telah terbit pada zaman keagungan kerajaan Majapahit yang bermula pada T. M. 1294 dan berakhir sa-lama lebih dua ratus tahun. Keterangan lanjut mengenai Cerita Panji ini, baca lah, Sejarah Kesusasteraan Melayu I, oleh A. Samad Ahmad.

jadi bahasa perantara dalam perdagangan, bahkan menjadi bahasa rasmi masih berjalan terus hingga beberapa lama-nya. Orang Eropah ia-itu Portugis, Belanda dan Inggeris datang berniaga di-kepulauan Melayu ada-lah memakai bahasa Melayu sa-bagai bahasa perantara. Demikian juga pengembang¹ agama Islam dan Christian memakai bahasa Melayu sa-bagai alat yang utama bagi mendiayahkan ajaran² mereka sama-ada dengan lisan atau tulisan. Akhir-nya manakala orang³ Belanda dan Inggeris berkuasa memerintah di-kepulauan Melayu, maka bahasa Melayu masih memegang peranan yang penting, menjadi bahasa perantara dan bahasa rasmi dalam pentadbiran dan perundangan. Sifat⁴ bahasa Melayu yang mudah di-pelajari bagi pertuturan dalam hubungan masyarakat dan dapat dimasuki oleh bahasa⁵ asing sa-hingga menjadi sa-bati betul dengan pembawaan-nya telah menjadikan bahasa Melayu itu layak di-pakai dalam segala urusan sama-ada yang lama atau yang baharu. Pendek-nya bahasa Melayu dengan mudah dapat menyesuaikan keadaan-nya dengan perubahan zaman. Istimewa bahasa Melayu itu telah banyak mendapat sumbangan tenaga dan jiwa dari bahasa⁶ Sanskrit, Farsi, Arab dan lain⁷. Jadi sifat⁸ hidup dan segar memang telah sedia ada dalam bahasa Melayu. Hanya istilah⁹ mengenai ilmu pengetahuan baharu memang tidak banyak dapat dalam bahasa Melayu. Tetapi apa jenis istilah pun boleh dimasukkan ka-dalam bahasa Melayu dengan tidak ada apa¹⁰ cacat-nya dalam bentuk dan jalan bahasa Melayu.

Dalam perkembangan bahasa Melayu baharu bukan sahaja nampak maju-nya pada bentuk¹¹ karangan prosa, bahkan dalam bentuk¹² karangan yang berangkap atau puisi ternyata sangat maju pula, ia-itu mula¹³ kita dapati bentuk¹⁴ pantun dengan dua tiga macham gaya-nya, ia-itu ada yang bererti perumpamaan, sindiran, kiasan dan ibarat. Kemu-

dian di-tiru pula karangan² bĕrangkap bĕrbĕntok sha'cr, gurindam, sĕloka, sonnet, lyric dan lain². Hanya dalam pĕr-kembangan bahasa Mĕlayu bĕntok baharu itu tidak di-jumpai karangan² khas mĕngĕnai ilmu pĕngĕtahuan, kaedah jalan bahasa Mĕlayu sama-ada bĕrbĕntok Sanskrit atau Arab. Tĕtapi mĕmandang kapada tĕrbit bahasa yang di-pakai sĕ-mĕnjak T. M. 680 hingga ka-zaman Tun Sĕri Lanang (T. M. 1612) ta² dapat tiada ada kaedah yang tĕrtĕntu dalam pĕ-makaian bahasa Mĕlayu mĕngĕnai karangan² prosa dan sajak.

Tĕntang chara mĕngarang chĕrita atau hikayat tĕlah tĕrnyata sangat di-pĕngarohi oleh gaya Farsi atau Arab lama.

BAHASA MELAYU MODĒN

Pĕsuratan Mĕlayu Modĕn tĕlah di-mulai pada awal K. M. XIX dan yang mĕnjadi pĕrintis-nya ia-lah Abdullah bin Abdul Kadir Munshi sa-orang anak Mĕlaka champoran Arab dan India (hidup T. M. 1796-1854). Sa-kira-nya mĕm-bacha Hikayat Abdullah (1840), Kesah Pĕlayaran Abdullah dan lain² karangan-nya, ta² dapat tiada dĕngan jĕlas dapat mĕmbedzakan chara² karangan-nya dĕngan karangan² yang lĕbeh dahulu daripada-nya. Ia tĕlah mĕmakai karangan chara modĕn, ia-itu mĕmakai bab dan fasal, Ulasan² dan nasehat²-nya sangat bĕrharga. Tĕtapi dĕngan ulasan²-nya itu juga kadang² orang jadi tĕrsinggong. Tĕtapi apa boleh buat, dia mĕmpĕrkatakan apa yang di-lihat dĕngan mata-nya sĕndiri. Dalam pada itu Abdullah mĕrasa mĕnyĕsal sĕbab ta² dapat mĕnyusunkan sa-buah buku fasal ilmu bahasa Mĕlayu dan kamus Mĕlayu.

Kĕmudian sadikit daripada karangan Abdullah, datang-lah karangan sa-orang alim Mĕlayu ia-itu Raja Ali bin Raja Ahmad. Karangan-nya banyak mĕngĕnai kesah² pĕmĕren-tahan raja² Riau dan Johor dan juga mĕngĕnai bahasa

Melayu, ia-itu kitab Pēngētahuan Bahasa atau kamus Melayu (ta' tamat). Dia tēlah chuba mēngarangkan tata-bahasa Melayu mēngikut kaedah nahu Arab, tētapi ta' jaya. Karangan-nya tērlalu kēaraban, sēbab dia tērpēlajar bahasa Arab sahaja.

Anak Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, ia-itu Muhammad Ibrahim Munshi sa-orang yang tērpēlajar Inggēris tēlah mēngikut jējak bapa-nya dalam usaha pērsuratan Melayu. Ia mēngarangkan Pēmimpin Johor (T. M. 1877) sa-bagai pēngētahuan bahasa, Hikayat Pēlayaran Muhammad Ibrahim Munshi (T. M. 1874) sa-bagai Kesah Pēlayaran Abdullah karangan bapa-nya. Tokoh bahasa-nya boleh di-katakan ta' ada lain-nya daripada bapa-nya.

Pada awal K. M. XX karangan bahasa Melayu Modēn sa-makin jēlas kēlihatan. Bēntok² karangan chara Barat tēlah mulai muncul sēbab orang² yang pandai bahasa Inggēris tēlah mula mēntērmahkan karangan² bahasa Inggēris ka-dalam bahasa Melayu. Istimewa sa-tēlah orang Melayu pandai bērsurat-khabar (akhibar Jawi Pēranakan T. M. 1876), maka pērkhabaran² luar sēmua-nya di-tērmahkan daripada pērkhabaran bahasa Inggēris (tērmahan dari surat-khabar Inggēris).

Dua aliran pērkhembangan bahasa Melayu masa itu, ia-itu sa-pihak chēndērong kapada aliran bahasa Inggēris (orang² yang bērpēlojaran Inggēris) dan yang sa-pihak lagi banyak kēaraban (orang² yang bērpēlojaran ugama dan Arab dēngan faham baharu-nya).

Ringkas-nya kēmajuan pēnērbitan surat-khabar, majalah² dalam bahasa Melayu tēlah mēnyēbabkan orang Melayu chēpat bērubah dalam aliran fikirān dan aliran bahasa. Dua kali Pērang Dunia mēlētus dan dua kali pula kēhidupan

manusia tumboli di-atas runtohan pēnghidupan lama itu. Orang Mēlayu dēngan sēgala hal-nya tidak tērkēchuali dalam hal itu dan itu-lah pokok² pērubahan hidup yang pēsai pada orang Mēlayu hari ini. Chara bērfikir mēreka tēlah bērubah, ia-itu mahu chēpat, mahu ringkas dan jēlas. Dēmikian juga soal² bahasa, ta' ada lagi masa untok mēnyusun ayat yang panjang² dan bērputar bēlit; ta' ada lagi masa untok mēm-bacha chērita² yang pēnoh dēngan pujok rayu dan tēnggēlam dalam khayal atau angan²; ta' ada lagi masa hēndak mēm-bacha sha'er atau madah sēloka dēngan irama yang lēmah gēmalai bērhari bērmalam. Sēmua-nya tidak di-kēhēndaki lagi oleh kēadaan hidup dan pērasaan manusia di-zaman atom ini.

Pada masa 20 tahun dahulu orang tēlah mula mēning-galkan mukaddimah² yang panjang² dalam karangan² dan mēninggalkan juga sēgala pērdū² pērkataan supērti: Sa-bērmula, Shahadan, Hatta, Arakian, Kalakian dan lain². Karangan yang tērus mēnuju kapada isi ini di-sēbut mēreka karangan: "Singkap daun nampak buah". Orang angkatan baluru sēkarang mēnyingkap pun mēreka ta' mahu lagi, mē-lainkan mahu mēmētik tērus, tēgas-nya bahasa itu ta' lain daripada pēnjēlasan fikiran yang sērta mērtā dapat di-tangkap oleh pandangan mata dan pēndēngaran tēlinga.

BAHASA MELAYU MERDEKA

Umat Mēlayu sēkarang tēlah bērusaha hagi mēnchapai kēmērdakaan bangsa dan nēgara³, dan bahasa Mēlayu pun tēngah bērjuang pada mēnuju ka-arrah itu. Bagaimana-kah

²Rechnang "Pērkēmbangan: Bahasa Mēlayu" ini tēlah di-tulis oleh Mahmud Ahmad tidak burupu lama sa-belum Tanah Mēlayu mēnchapai kēmērdakaan-nya.

gambaran Bahasa Melayu Merdeka itu? Bagi diri saya sendiri tidak-lah terlalu mudah menjelaskannya, tetapi bolehlah rasanya diberikan garisan² kasar-nya ia-itu seperti dinyatakan di-bawah ini:—

- (a) Menjadikan bahasa Melayu sa-benar²-nya Bahasa Rasmi di-Tanah Melayu ini dan bahasa Melayu itu-lah sahaja yang menjadi Bahasa Persatuan.
- (b) Menchari tokoh² baharu dalam kemajuan bahasa Melayu dengan berdasarkan bahasa Melayu Lama.
- (c) Membentuk jalan bahasa dan ejaan baharu yang sa-baik²-nya tiada bertaklid buta tuli kepada pendapat² asing.
- (d) Mempertayakan bahasa Melayu dengan memakai segala istilah antara bangsa yang umum.
- (e) Mengembalikan sa-mula taraf bahasa Melayu menjadi bahasa perdagangan, bahasa ilmu pengetahuan seperti yang telah dialami-nya dahulu pada zaman kerajaan Seri Wijaya.

Ada pun kehebatan bahasa Melayu zaman purbakala hanya di-sebarkan dengan perantaraan kapal² layar atau rakit² Kon-Tiki sahaja, tetapi hari ini dan masa yang akan datang ta² dapat tiada bahasa Melayu akan tersebar sa-mula di-tempat tumpah darah-nya di-seluruh Tenggara Asia sampai ka-Pulau Madagaskar dengan melalui segala kemajuan teknik dunia.

Rencana ini telah di-petik dari "Taman Bahasa", bilangan (2), tahun 1957, di-terbitkan oleh Ikatan Persekutuan Melayu, Melaka.

MOTIF¹ HINDU

DALAM SASTERA MELAYU LAMA

(Oleh: Arman Sani)

Menurut Zubir Osman di-dalam buku-nya Kesusasteraan Lama Indonesia, bahawa Sastera Melayu Lama dapat di-bahagikan kepada empat peringkat.

- Pertama : Kesusasteraan yang berhubung dengan agama. Umpama-nya: Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Amir Hamzah, dan lain².
- Kedua : Perpustakaan yang bersifat kebangsaan. Umpama-nya: Hikayat Raja³ Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Setia Bugis dan dan Melayu, dan Hikayat Hang Tuah.
- Ketiga : Kesusasteraan yang berasal daripada kesusasteraan asing. Bahagian ini pula dapat di-bahagikan kepada tiga peringkat kecil: (a) yang di-pengaruh oleh Hindu, (b) yang di-pengaruh oleh Arab Farsi, dan (c) yang di-pengaruh oleh cerita⁴ Jawa Asli.
- Kelima : Kesusasteraan yang berasal daripada kesusasteraan Islam. Umpama-nya: Hikayat

Nabi Sulaiman, Hikayat Lukmanul Hakim, Chërita Ibrahim dan Adam, Chërita Tiga Orang Nabi Yang Tak Mati² dan lain² lagi.

Bagaimana pun pembahagian Zubir Osman ini tidak-lah begitu tepat jua. Kërana di-dalam pembahagian pertama itu akan tèrdatap jua pèngaruh² bahagian yang lain tørsulam di-dalam-nya. Dan di-dalam sastëra yang bër-sifat kèbangsaan tèrdatap pula motif atau chorak Hindu. Dëmikian-lah sa-tërus-nya.

Mèngapa champor-adok pèngaruh asing ini tèrdatap di-dalam sastëra Mèlayu? Jawapan kapada soalan ini tidak begitu sulit.

Sa-bëlum kërajaan Islam Mëlaka bërdiri tëgoh, sastëra Mèlayu hanya bër-kembang dan biak di-kulangan ra'ayat sastëra lisan sahaja. Pada zaman itu pawang-lah yang mèngambil pèranan pènting sa-bagai pèngembang sastëra lama itu. Mèreka bër-chërita bër-dasarkan pèngëtahuan mèreka yang di-dapati-nya mèlalui lisan jua. Untok di-sësuaikan dèngan kèhèndak dan kèadaan pèndèngar-nya maka di-lakukan-lah bèbèrapa pindaan dan tambahan, mènurut pèngëtahuan dan pèngalaman pawang (si-pèn-chërita) itu sèndiri.

Akhir-nya, dèngan tidak di-sèdari pèngaruh² asing telah bër-champor-adok di-dalam sastëra Mèlayu. Kèadaan ini telah hër-lanjutan sa-hingga sastëra² lisan itu di-bukukan. Oleh yang dëmikian tidak-lah dapat hèndak di-hairankan mèngapa pèngaruh² asing itu bër-champor-adok dan hingga pada masa ini pembahagian mèngènai hasil sastëra itu sangat sukar hèndak di-usahakan.

Di-dalam Sèjarah Mèlayu karangan Tun Sèri Lanang — yang chërita-nya dapat kita katakan bër-chorak kèbangsaan itu, ada bèbèrapa kesah yang sukar hèndak di-tërima oleh

akal yang waras. Umpama-nya kesah Raja Suran masok ka-dalam laut dan berkahwin dengan puteri Raja Aftabu'l Ardh. Përi Sang Sapurba sampai ka-Bukit Sëguntang dan bebërapa kesah lagi yang sukar hëndak di-pëlajari.

Antara chorak atau motif yang paling banyak sa-kali terdapat di-dalam sastëra Mëlayu lama ia-lah Motif Hindu, Motif Arab-Farsi dan Motif Animisma atau di-sëbut Motif Tëmpatan.

Biar-lah pada kali ini saya chuba mënghuraikan sërba sadikit mëngënai Motif Hindu sahaja. Bagaimana-kah yang di-katakan Motif Hindu itu? Supaya lëbeh mudah maka saya bahagikan mënurut bahagian²-nya.

PERTAPAAAN

Di-dalam sastëra yang bërasal daripada Hindu, umpama-nya, Ramayanë; dan Mahabharata atau pëchahan²-nya (umpama-nya Hikayat Sang Boma), boleh di-katakan tidak khali daripada mënitek-bëratkan kesah² yang mëngënai përtapaan. Mithal-nya di-dalam Hikayat Sang Boma (chetakan Balai Pustaka), pada muka surat 295, antara lain bërkata :

".....Alkesah maka tërsëbut-lah përkataan Raden Gatutkacha Pëngeran Purbajaya, bërtapa tërlalu këras. Ada pun akan Raden Gatutkacha itu bërtapa bërsungsang, sudah di-bëlit oleh akar ambulu....."

Dëmikian hebat dan ganjil-nya mëreka bërtapa.

Sa-bënar-nya soal përtapaan yang sudah sa-bati dëngan këpërchayaan Hindu ini, kita akan tëmui jua di-dalam sastëra Mëlayu yang bukan bërasal daripada Hindu. Umpama-nya di-dalam Hikayat Hang Tuah.

Sa-waktu Hang Tuah mēngiringkan Sultan Mansor Shah ka-Tanah Jawa, ia mēndapat kejayaan bēsar mēnēntang pērajurit yang kēbanyakan-nya "orang pērtapaan" bēlaka. Bukan itu sahaja, malah Hang Tuah sēndiri kētika ia maseh muda rēmaja pērnah juga bērguru kapada sa-orang guru yang bērtapa di-Gunong Ledang.

Pērsamaan kesah ini jēlas-lah kapada kita bahawa Motif Hindu itu tēlah mērēsap dan sa-bati sa-kali ka-dalam sas-tēra Mēlayu lama.

PELAKU UTAMA YANG CILANTEK

Pēlaku utama di-dalam chērita Hindu, umpama-nya di-dalam Ramayana dan Mahabharata ia-lah putēra raja yang tiada tolok banding tēntang baik paras-nya. Dēmikian jua putēri yang mēnjadi pasangan-nya. Sa-balek-nya "orang jahat" di-dalam chērita itu, bukan sahaja buas dan ganas, tētapi mēmpunyai sifat yang mēnakutkan sa-siapa sahaja yang mēlihat-nya.

Di-dalam Hikayat Sēri Rama (naskhah asal-nya ia-lah Ramayana), di-chēritakan bahawa Sēri Rama itu tērlalu chantek dēmikian jua pasangan-nya Sita Dewi. Tētapi Maharaja Rawana yang tidak pērnah bērhēnti mēmbērikan tēntangan-nya kapada Sēri Rama itu, ia-lah sa-ekor raksaksa yang mēnjēlekkkan pēmbacha, baik tēntang rupa mahu pun kēlakuan-nya.

Dēmikian jua di-dalam Hikayat Sang Boma. Raden Samba mēndapat pasangan-nya yang sangat istimewa — Dewi Januati. Mēreka tēlah mēndapat tēntangan yang hebat daripada Sang Bomantara — raksaksa yang mēngērunkan manusia biasa, apa lagi gadis jēlita sapērti Januati.

Bagaimana pun perjuangan² di-antara pelaku utama dengan orang jahat itu berkésudahan dengan kēménangan yang mēnyenangkan pērasaan pēmbacha. Hero dan heroin-nya di-tēmukan sa-mula di-dalam suasana kasih mēstra yang mēngkhayalkan.

Motif ini amat mēnarek hati pēngarang² Mēlayu lama. Hampir sēmula chērita² Mēlayu lama mēnjadikan motif ini sa-bagai nyawa di-dalam chērita-nya. Di-dalam Hikayat Awang Sulong Merah Muda, di-kesahkan pēri kēchantekan Awang Sulong yang luar biasa itu. Dēmikian jua pasangan²nya.

Di-dalam Hikayat Hang Tuah, di-chēritakan pula Hang Tuah itu amat chantek dan di-gilai oleh gadis² jēlita, tērmasuk-lah Tun Teja anak Bēndahara Pahang.

Kēbiasaan mēnulis dengan mēnggunakan motif ini kadang² masih lagi tērdapat di-dalam karangan² atau hasil² sastēra Mēlayu baru pada zaman pērmulaan dan di-dalam filem² Mēlayu. Chuma pēmuda dan pēmudi chantek itu bukan-lah tērdiri daripada putēra dan putēri. Mēreka hanya manusia biasa.

Si-pēmuda, biasa-nya, ia-lah sa-orang yang bērwatak tinggi dan bērsifat sa-bagai pēnēgak kēadilan. Ia tēlah di-pasangkan dengan sa-orang gadis yang mēnjadi sērিকandi Tanah Ayer. Kēmudian pasangan ini tēlah mēndapat gangguan daripada sa-orang tua yang tidak sēdarkan diri. Orang tua ini mēnchuba hēndak mērampas gadis itu dengan mēnggunakan pēngaruh pangkat dan wang ringgit.

Bagaimana pun tujuan pēngarang lama dan pēngarang baharu ini tētap bērbedza, malah dapat di-katakan sa-bagai hitam dengan putih. Pēngarang lama yang di-pēngarohi

oleh Motif Hindu itu bérhasrat héndak ménimbulkan kasta² — tetapi pèngarang² baharu pula bértujuan héndak mēlēnyapkan kasta² itu. Wang ringgit dan pangkat dapat di-tewaskan oleh kēadilan dan kēpērimanusiaan.

SENJATA AJAIB

Di-dalam sastēra Hindu, sēnjata ajaib itu biasa-nya ialah panah. Panah sakti ini jika di-panahkan kapada tiang yang bērjajur — hingga ēmpat puloh batang sa-kali pun, akan kena kēsēmua-nya. Jika di-panahkan ka-udara pula, bukan sahaja ia akan mēmbinasakan bē-ribu² musuh di-angkasa, tetapi dapat jua mēnērbitkan pētir, hujan ribut dan bēbērapa kējadian lain yang sukar héndak di-tērima oleh akal.

Di-dalam Hikayat Indēra Bangsawan, di-chēritakan Indēra Bangsawan tēlah di-lahirkan kēmbat dēngan Shahpēri. Sa-waktu lahir-nya, Shahpēri tēlah mēmbawa bēr-sama²-nya panah sakti. Dēngan panah ini-lah Shahpēri tēlah bērjaya mēmbunoh sa-ekor garoda dan mēnyēlamatkan sa-orang putēri raja yang akhir-nya mēnjadi istēri-nya.

Di-dalam Hikayat Hang Tuah pula di-sēbutkan pēri hal kēris Taming Sari. Konon-nya di-dalam pērtikaman di-antara Hang Jēbat dēngan Hang Tuah, kapada kēris Taming Sari ini-lah masing² mēnggantongkan nasib-nya. Hang Tuah tidak akan bērjaya mēmbunoh Hang Jēbat, sa-lagi kēris Taming Sari masēh bēlum dapat ka-tangan-nya.

... Hingga sēkarang pun masēh ada jua orang² Mēlayu yang pērchaya kapada kēsaktian² sēnjata. Mithal-nya sa-waktu héndak mēmbēli kēris, mēreka mēnggunakan ukoran masing² dalam mēnilai tuah atau malang-nya kēris itu.

PENJELMAAN

Soal pñjëlmaan bukan-lah soal yang asing di-dalam hikayat² yang bñrasal daripada Hindu. Di-dalam Hikayat Sang Boma, ada di-chñritakan bahawa Bñtara Mahawisnu dan Bñtara Brahma mñmuja Bunga Nagasari di-atas Gunong Tñnunan, akhir-nya bunga itu tñlah mñjëlma mñjadi Dewa Dñrma Dewa dan Dewi Dñrma Dewi.

Di-dalam chñrita Sñri Rama di-sñbutkan chñrita dua orang surohan Maharaja Rawana mñjëlma mñjadi kijang ãmas dan kijang perak, sa-bagai helah hñndak mñlarikan Sita Dewi.

Motif pñjëlmaan ini jua sñlalu di-sñbut² dan di-sulamkan di-dalam hikayat² Mñlayu lama. Umpama-nya di-dalam Hikayat Hang Tuah, ada di-chñritakan bahawa sa-waktu Raja Mñlaka di-Majapahit, pñrajurit² Majapahit tñlah di-tawarkan hadiah oleh Bñtara Majapahit untok mñmbunoh Hang Tuah. Di-dalam pñrjuangan yang sengit ini, kesah pñjëlmaan tñlah mñmainkan pñranan yang pñnting. Hang Tuah tñlah mñjëlma mñjadi kuching apakala pñrajurit Majapahit mñjëlma mñjadi tikus.

Di-dalam Hikayat Awang Sulong Merah Muda jua di-sñbutkan bahawa Awang Sulong pñrnah mñjëlma mñjadi budak hutan yang mñnumpang di-kapal tuan putñri daripada Tanah Jawa. Di-dalam Hikayat Indñra Bangsawan pula, Indñra Bangsawan tñlah mñjëlma mñjadi budak hutan jua dan mñnyñlamatkan tuan putñri daripada di-rampas oleh sa-ekor Burgis.

PAKAIAN SAKTI

Di-dalam chërita² Hindu lama, soal pakaian dan kenaik-an sakti ini, sudah mënjadi përkara biasa. Mithal-nya Sang Boma dëngan Wimana-nya itu boleh tërbang ka-mana sahaja ia suka.

Dëmikian jua putëri² dan bidadari² mërëka, masing² mëmponyai baju yang di-namakan baju layang. Apabila mërëka mëngeanakan baju ini, maka dëngan sënanng dapat-lah mërëka tërbang ka-mana² sahaja dëngan bebas-nya.

Dalam Hikayat Malim Dëman, kesah baju layang ini tëläh mëngeambil bahagian pënting jua bagi mënghidupan sëluruh chërita itu. Sa-orang dari putëri kayangan tujuh bëradek yang mandi di-kolam yang bërhampiran dëngan rumah Nenek Këbayan, tëläh këhilangan baju layang-nya dan akhir-nya ia mënnyërah diri kapada Malim Deman, tëtëpi akhir-nya tërbang ka-kayangan sa-mula, apakala baju layang yang di-sorok oleh Malim Deman itu tëläh di-jumpai-nya.

Di-dalam Hikayat Awang Sulong Merah Muda jua dëmikian. Awang Sulong sëndiri ada mëmponyai sa-hëlai baju tampal sa-ribu yang amat sakti. Tampal-nya bukan tampal kërana koyak, tëtëpi tampal kërana azimat. Apakala baju itu di-kënakan ka-tuboh-nya maka bërubah-lah warna muka-nya, sa-hingga ia tiada dapat di-tëntang oleh sa-siapa jua pun. Malah dapat pula ia mëngealahkan bëribu² orang mu-soh dëngan mënimbulkan huru hara dan mënjadikan ribut taufan yang sangat dahshat.

DUNIA KHAYAL

Pada kēsēlurohan-nya, chērita² Hindu lama ini ada-lah mēnggambarkan dunia khayal sa-mata. Ia tidak bērjējak di-bumi nyata. Pēnjēlmaan, pēnērbangan, hikmat² dan sērba aneka lagi yang tidak dapat di-tērima oleh fikiran yang waras.

Hampir sēluruh chērita² Mēlayu lama tidak lari daripada motif ini. Dandan Sētia mithal-nya pēnoh mēnchēritakan kesah² pērjuangan yang tidak dapat di-tērima oleh akal. Dandan Sētia yang tēlah di-makan oleh buaya hingga bēbērapa lama tētapi masēh hidup dan di-jumpai oleh Nenek Kēbayan di-tēpi pantai. Bukan-kah ini satu khayalan sa-mata?

PENGEMBARAAN

Sēri Rama pērnah di-halau oleh ayah-nya kērana hasutan ibu tiri yang tēlah di-pēngaruhi oleh sa-orang pērēmpuan pēngusoh yang tamak. Ia tēlah mēngēmbara ka-sēluruh rimba raya dēngan mēnēmpoh bēr-macham² rintangan dan chubaa. Di-sini-lah Sēri Rama tēlah mēnunjokkan kētabah-an dan kēbēranian yang luar biasa. Dēmikian jua kesah Pēndawa Lima di-dalam Mahabharata.

Di-dalam Hikayat Indēra Bangsawan dan Chēndawan Puteh, masing² mēngēmukakan hero-nya yang tēlah mēnunjokkan kēmashhoran masing² mēlalui pēngēmbaraan yang dahshat.

Dēmikian-lah sērba ringkas mēngēnai Motif Hindu di-dalam sastēra lama. Motif² itu mērupakan plot² yang pēnting di-dalam pēngolahan chērita² atau hikayat² lama itu.

(dari Majallah Dewan Bahasa, August, 1961).

PUISI BARU DALAM LAPANGAN KESUSASTERAAN MELAYU³

(Oleh: Osman Awang — "Tingkat Warrant")

Dengan sebab kekurangan pengetahuan dan lebih-nya kekurangan bahan² penyediaan, maka terdapat-lah banyak kelemahan² dan kekurangan² dalam "Kertas Kerja" ini.

Puisi Melayu lama terdiri dari beberapa bentuk yang di-sebut pantun, sha'er gurindam dan lain³ lagi.

Untuk "Kertas Kerja" ini saya ambil pantun sa-bagai landasan perjalanan ka-daerah Puisi Baru, kerana saya rasa pantun-lah yang menjadi teras Puisi Melayu lama dalam kesusasteraan Melayu.

Puisi² Melayu lain seperti sha'er dan gurindam tadi tidak-lah sa-kuat pantun, baik dalam bentuk mahu pun di-dalam isi-nya, baik dalam pengaruh-nya mahu pun dalam kegemaran orang² Melayu pada umum-nya. Apalagi kalau ditinjau agak jauh, ternyata sha'er bukan-lah Puisi asli Melayu.

³Rencana "Puisi Baru Dalam Lapangan Kesusasteraan Melayu" ini telah dipetik dari "Kertas Kerja" dalam Kongres Bahasa Dan Persuratan Melayu Ketiga dalam bulan September, 1955 yang di tulis oleh Saudara Osman Awang. Kertas Kerja itu bertajuk "Bahasa Melayu Dalam Lapangan Kesusasteraan Bahagian Puisi Baru".

Sějak bila-kah pantun sudah lahir agak sukar untok di-sěbutkan. Mungkin juga ia lahir běrsama kělahiran bahasa Mělayu. Dan jika dēmikian těrnnyata bėnar umor pantun sudah sa-dēmikian lama sa-hingga ia sudah měnjadi bagitu hidup, měngalir běrsama di-darah dan bėrdiam kėkal di-daging bangsa Mělayu sěluroh-nya.

“Dari sėgi sějara, bahasa Mělayu tėlaha bėrusia lėbeh sa-ribu tahun lama-nya, bahasa yang sějak zaman purbakala di-kėnal dan di-gunakan sa-bagai lingua franca (bahasa pėr-antaraan) di-sěluroh Gugusan Pulau¹ Mělayu.” Dēmikian pėrnah saya bacha karangan saudara Asraf, sa-orang pėminat bahasa di-kalangan Angkatan pėnulis Baru Malaya (Mastika Oktobėr, 1953). Kėtėrangan ini běrsamaan pula dėngan kėtėrangan Professor Dr. A. Teow dalam buku-nya “Pokok dan Tokoh” :

“Bagi kita, sějara bahasa Mělayu itu sudah bėrmula sēmėnjak kira² tahun 680 Masehi. Dalam zaman itu tėr-dapat bėbėrapa prasasti¹, yang tėtėra dalam bahasa Mělayu-kuno”.

Pada umum-nya pantun tėrdiri dari ěmpat buah kalimat sa-baris dan tėrjadi dari ěmpat baris. Baris pėrtama dan baris kėdua tidak ada hubongan-nya dėngan baris kėtiga dan kėěmpat, tėtapi měngandung pėrsamaan kata bėrsajak.

Umpama-nya :

Pisang ěmas di-bawa bėlayar
masak sa-biji di-atas pėti
hutang ěmas boleh di-bayar
hutang budi di-bawa mati.

1) Sila bacha rėnchana; Pėrikėmbangan Bahasa Mělayu, oleh Mahmud Ahmad, di-dalam buku ini.

dan sa-buah lagi:

Dari mana punai mēlayang
dari kayu turun ka-padi
dari mana datang-nya sayang
dari mata tērus ka-hati.

Isi atau maksud pantun itu tērdapat dalam kēdua baris tērakhir. Dan dalam pantun banyak-lah tērdapat pērasaan, fikiran, rēsam dan tabiat orang² Mēlayu. Mēlalui nama² alam kēliling-nya, sawah padi, gunung ganang, bukit bukau, lēmbah ranah, pohon², daun², malah haiwan², mēreka mēnyatakan sēgala rasa hati-nya, sēgala fikiran dan sa-bagai-nya.

Tētapi sa-bēlum pantun, orang Mēlayu mēnggunakan puisi dalam bēntok tēka-tēki, ia-itu hanya mēngatakan pērkataan² yang bunyi-nya hampir² sama dēngan yang di-maksudkan, tētapi tidak di-ucapkan.

Dalam buku "Pērintis Sastēra" kēluaran J. B. Wolters, Djakarta, karangan Dr. Hooykaas yang di-tērjemahkan ka-bahasa Indonesia oleh Raihool Amar gēlar Dato' Bēsar ada di-sēbutkan:

"Mēngatakan hal yang dēmikian itu sa-chara langsung tidak-lah bagitu sēnang buat kita, dan oleh sēbab itu barangkali hal itu dēngan bēr-main² di-pantun, di-suroh tēka, di-sarankan — tapi tidak di-ucapkan....."

Di-sēbutkan-nya pula chontoh² bahasa tēka-tēki itu. Umpama-nya:

Siakap, sēnohong, gēlama, ikan duri

dan orang yang di-tujukan dēngan ucapan ini akan mēngē-tahui bahawa maksud-nya:

bērchakap bobong, lama³ mēnchuri.

Kētēranan buku tērsēbut dapat di-bēnarkan jika kita tēlah mēngētahui sifat dan tabiat orang² Mēlayu yang pada umum-nya lēbeh suka mēnggunakan kiasan, tēka-tēki dan kata bērlapis dalam mēnyatakan maksud-nya daripada mēnyatakan dēngan bērtērus-tērang. Tambahan pula dalam sa-suatu hal mēngēnai pērasaan sa-saorang. Dalam chara mēlamar (mēminang) sa-orang gadis pun dapat kita dēngar pihak wakil anak muda mēngiaskan gadis yang di-maksud-nya sapērti bunga sa-kuntum dan kēdatangan-nya itu adalah dēngan maksud ingin mēmētek-nya, dan sa-bagai-nya.

Dan mēnurut buku itu lagi, "Bahasa tēka-tēki ini pun sudah di-anggap tērlalu tēpat uchapan-nya, dan dēngan jalan mēmpērluas-nya sampai mēnjadi pantun, di-charikan dēngan mēnambah kata²-nya. Jadi-lah kurang kēras bunyi-nya sa-hingga mēnjadi sa-bagai pērmainan kata²; di-sēbutkan-lah:

Sudah gaharu chēndana pula — tētak tēmu di-dalam puan
Sudah tahu bērtanya pala — hēndak bērchumbu gēra-
ngan tuan?"

Hanya pantun itu tidak dapat mēnjangkau lēbeh dari kēadaan alam kēhidupan kēliling orang² Mēlayu. Sēgala pērbandingan-nya tidak lēbeh dari apa yang di-sakitar hidup orang² Mēlayu. Pada umum-nya isi pantun itu tērbatas pada kaseh sayang, rindu dēndam, sumpah sētia, nasehat, nasib dan tērkadang tērikat pada tahyul atau kēpērchayaan² kuno. Jampi mēntēra dukun dan pawang banyak tērdiri dari pantun.

Dan kērana pantun itu puisi lama yang lahir dan hidup sērta bērkēmbang dalam masharakat Mēlayu lama, maka tēntu-lah ia bērbedza dalam bēntok dan isi dēngan sajak

(puisi baru) yang lahir dalam masyarakat Melayu sekarang. Kedatangan sajak ka-dalam puisi Melayu ada-lah kedatangan kekayaan dalam lapangan kesusasteraan Melayu. Tentu-lah kurang tepat kalau ada orang menganggap bahawa kedatangan sajak ada-lah membunuh pantun.

Pantun puisi lama. Sajak puisi baru.

Pantun ia-lah buah sastra ra'ayat. Dalam-nya terdapat-lah pandangan hidup ra'ayat, kepercayaan-nya dan sukuduka-nya. Dan kalau pantun masih tetap subur di-kampung², di-desa² sekarang ini, maka itu ada-lah kerana keadaan hidup, pandangan hidup, kepercayaan, tahyul, budi dan lain² sa-bagai-nya yang terdapat dalam masyarakat Melayu lama itu masih tetap menjadi keadaan hidup, pandangan hidup, kepercayaan, tahyul, budi-bahasa, berpakat bersukampong di-kampung² atau di-desa² sekarang ini. Falsafah "pisang sa-sikat sayur sa-belanga, tanda sa-pakat makan bersama" masih tetap menjadi amalan mereka.

Tetapi di-kebanyakan kota² besar sekarang cahaya pantun sudah dapat di-katakan malap, kalau ada hanya sa-kali² dan sa-waktu² sahaja.

Hal ini dapat di-jelaskan bagini: Di-kampung² dan di-desa² pantun masih subur hidup-nya, masih di-nyanyikan dan masih di-pakai oleh anak² muda dan gadis remaja, kerana masyarakat-nya masih sa-akan² masyarakat Melayu lama yang kalau pun sudah berubah tidak-lah sa-jauh perubahan masyarakat kota. Masyarakat di-kampung atau desa masih masyarakat gotong-royong, baik dalam mengerjakan sawah, baik dalam hal nikah kahwin, baik dalam hal mendirikan rumah dan lain² lagi. Malah masyarakat kampung atau desa masih ada pawang dan dukun dan yang

demikian masih ada tawar jampi, masih ada membuang anchak, masih dengan peribahasa "biar mati anak, jangan mati adat".

Sa-balek-nya di-kota pula keadaan⁷ bagini sudah agak asing. Sifat⁷ persua-orangan lebih banyak terdapat daripada sifat gotong-royong, kepercayaan kepada tabib atau doktor lebih banyak daripada kepercayaan kepada pawang dan dukun, falsafah "siapa lu siapa gua" lebih banyak di-amalkan daripada "pisang sa-sikat sayur sa-belanga, tanda sa-pakat makan bersama".

Semua ini ia-lah kerana pengaruh kebudayaan asing. Kebudayaan asing ini di-sebabkan oleh pergaulan hidup sehari-hari, yang berpuncha dari soal⁷ politik, ekonomi dan sosial.

Hal ini juga telah di-jelaskan oleh tuan Sutan Takdir Alisjahbana dalam buku-nya "Puisi Lama" keluaran Pustaka Ra'ayat Djakarta :

"Puisi lama berbedza dengan puisi baru. Perbedzaan antara kedua-nya itu yang sangat besar-nya itu, hanya dapat kita insafkan apabila kedua-nya itu kita bandingkan berhubung dengan kebudayaan yang melengkongi-nya masing² dan dengan masyarakat tempat kebudayaan itu masing² tumbuh.

"Puisi lama ia-lah sa-bahagian daripada kebudayaan lama yang di-pancharkan oleh masyarakat lama....."

Dan tegas-lah pula kalau puisi baru itu ia-lah sa-bahagian daripada kebudayaan baru yang di-pancharkan oleh masyarakat baru. Dan dalam masyarakat baru seperti di-kota⁷ menjalar-lah puisi baru (sajak umpama-nya) yang berbedza

dengan puisi lama (pantun mithal-nya); berbedza dalam bentuk dan isi. Dan perbedzaan ini di-jelaskan juga dalam buku "Puisi Lama" tersebut: tentang pilihan kata¹, tentang susunan kalimat, tentang jalan irama, tentang fikiran dan perasaan yang terjelma di-dalam-nya, pendek-nya tentang isi dan bentuk-nya.

Yang nyata kemajuan dan perkembangan puisi di-pengaruh oleh kemajuan masyarakat dan perkembangan fikiran dan pandangan hidup masyarakat. Dan penyajak ada-lah sa-bahagian daripada anggota masyarakat itu. Maka sudah pasti-lah hasil chiptaan-nya di-pengaruh oleh alam dan keadaan keliling-nya, kerana "Jiwa penyair di-bentuk oleh masyarakat di-tempat dan di-zaman-nya" seperti yang dituliskan oleh tuan Sutan Takdir Alisjahbana.

Puisi baru di-Malaya mulai terkenal di-zaman penduduk Jepun yang sa-bahagian besar-nya ada-lah di-pengaruh oleh sajak² hasil chiptaan Pujangga Baru Indonesia yang meski pun sa-belum itu (zaman sa-belum perang) telah ada sajak² yang di-tulis oleh penyajak Melayu Malaya yang dapat kita sebutkan sa-bagai bibit² puisi baru.

Akan lebih baik saya mengutip tinjauan saudara Astraf yang menulis dalam majallah 'Penuntut' lidah rasmi Gabungan Penuntut Melayu Semenanjong (keluaran September, 1950):

".....Dalam zaman Jepun kita mulai mengenal nama Masuri S.N. Chalun pujangga Melayu yang menjadi pelopor dalam dunia persajakan Melayu Angkatan Baru hari ini. Dalam zaman Jepun kita membaca banyak dari sajak² Masuri S. N. dalam surat-khabar "Berita Malai" dan majallah "Semangat Asia". Sa-bagaimana juga sajak² dari pe-

nulis² Melayu lain-nya yang sĕmua-nya mĕsti mĕlalui pĕna-
pisan Jĕpun, maka sajak² Masuri tĕrpaksa mĕmbawa rĕntak
"Kĕma'amoran Bĕrsama Asia Timor Raya". Kongkongan
kuku bĕsi Jĕpun mĕmaks² sĕgala bibit sĕni di-jadikan alat
saranan bagi tĕntĕra "Dai Nippon". Sĕni sastĕra turut mĕn-
jadi pĕrkakas. Tĕtapi tidak sĕmua sajak² Masuri mĕn-
jadi saranan Asia Timor. Kĕsĕmpatan dapat di-gunakan
oleh Masuri untok mĕnggubah sajak² yang mĕnyĕrukan rasa
chinta Tanah Ayer sa-bagaimana tĕrdapat dalam salah satu
sajak-nya :

NYIOR MELAMBAI

Untok Tanah Ayer hidup mati-ku
tiada lain tujuan ku-ambil
jika tĕrusik tumpah darah-ku
tidak ku-nanti bĕrjuang sambil

Darah merah mĕngalir panas
bĕlah dada di-tembak pĕlor
kami pĕmuda sĕnyum mĕrkah
kĕrana bakti nyata tĕrchuchor

Kami pĕmuda rela mĕndĕrma
walau jiwa habis tĕrkorban
asal nusa kĕkal bahgia
aman ma'amor sa-panjang zaman

Hanya ini-lah bakti kami
angkatan baru pĕnchipta watan
Tanah Ayer ibu pĕrtiwi
akan ku-kawal bĕrmati-matian.

"Sēmangat kēbangsaan sērta rasa untok mēmbela Nusa Ibunda di-kobarkan oleh Masuri dalam sajak-nya itu. Sajak² saperti itu dapat lēpas dari pēnapisan Jēpun kērana rasa kēbangsaan pada waktu itu ada-lah di-pandang oleh Jēpun sa-bagai suatu cabang dari rasa 'Kēma'amoran Bērsama Asia Timor Raya' ".⁶

Sa-bēnar-nya propaganda¹ Jēpun tērhadap 'Kēma'amoran Bērsama' sērta sēmangat mēmusohi dan mēnentang pēnjajahan itu sa-banyak sadikit mēmbērikan kēsēdaran juga kapada ra'ayat.

Apa-kah sa-bēnar-nya erti 'Kēma'amoran Bērsama' itu?

Bagi ra'ayat sēlogan 'Kēma'amoran Bērsama' itu it-lah mēmbērikan harta bēnda-nya, bahkan jiwa raga-nya untok "saudara² tua" itu. Anak² dewa dari nēgara matahari tērbit itu boleh makan nasi, manakala ra'ayat boleh makan ubi sahaja. Ini-lah erti sēlogan 'Kēma'amoran Bērsama' itu. Tētapi pēnyebaran sēmangat anti-pēnjajahan yang di-rēsapkan mēlalui rasa bēnchi kapada pihak Barat mēmbērikan guna juga untok ra'ayat Malaya, walau pun da'ayah anti-Barat oleh pihak Jēpun itu sangat bēr-lēbeh'an.

Sa-bēnar-nya di-zaman Jēpun-lah amat tērasa dēkat-nya antara daerah Sēmēnanjong dēngan daerah Indonesia, tērutama kēpulauan Sumatēra yang tēlah di-satukan pēmērentahan-nya. Lēbeh dari itu di-zaman Jēpun juga tanah Sēmēnanjong di-diami pula oleh bēbērapa orang pēngarang dari Indonesia yang bēkērja dēngan surat-khabar harian "Bērita

¹Untok lēbeh lanjut sila-lah tatap rēncana yang tēlah di-tulis oleh Ali Har-Atmed yang bertajuk "Pēsajakan Mēlayu di-Malaya Meso Jēpun", yang ada di-muatkan dalam buku ini.

Malai" dan majallah "Fajar Asia" saperti saudara Zainal Abidin Ahmad, Zubir Salam, Taharuddin Ahmad dan lain² lagi. Dan tidak-lah hairan kalau pëngaruh Pujangga Baru yang lahir kira² tahun 1930 itu dëngan sëgëra dan dëngan lëbëa chëpat mënjalar di-kalangan pënulis² Muda Malaya di-zaman Jëpun, di-antara-nya saudara Masuri S. N. dan bëbë-rapa pënulis muda lain-nya. Hal ini di-nyatakan juga oleh saudara Asraf dalam karangan-nya yang tërsëbut :

"Sajak sa-rupa ini memang-lah boleh di-akui sa-bagai suatu pëmbaharuan dalam sëjarah sëni kësusastëraan Mëlayu dalam masa pëmërentahan Jëpun dulu. Tëtapi apabila kita mënjukor ini dëngan mëliah dari sudut sëjarah sëni kësusastëraan kita di-Indonesia, maka tërnyata-lah bahawa sajak² Masuri sa-bënar-nya ia-lah sajak² yang mëngalirkan pëngaruh "Pujangga Baru" di-Indonesia.

"Pëngaruh dari aliran "Pujangga Baru" di-Indonesia dapat mënjalar ka-Malaya mëlalui karangan² dari bëbërapa pëngarang muda Mëlayu yang pada masa Jëpun dulu mërupakan tunas³ baru dalam përkëmbangan bahasa dan kësusastëraan Mëlayu....."

Sa-bënar-nya pëngaruh "Pujangga Baru" di-Indonesia ini maseh tëtap këkal hingga pëndudukan Jëpun tamat dan këmali-nya pënjajahan Inggris ka-Malaya. Tëtapi sëmangat chintakan Tanah Ayer, sëmangat pëjuangan mënëntang pënjajahan, sëmangat ra'ayat untok mërdeka tëtap mënyalah, malahan sa-makin bër-kobar².

Di-sa'at² ini-lah pula bahasa Mëlayu ikut bër-këmbang dëngan bër-sëmangat, sësuaï dëngan sëmangat këmërdekaan ra'ayat. Përkëmbangan ini bukan sa-mata³ dëngan pënam-bahan kata² baru dari Indonesia, tëtapi juga dalam pënyusun-

an kalimat, dalam chara mēnumpahkan pērasaan dan fikiran dan dalam pidato².

Waktu ini-lah pula kēsusastēraan Mēlayu, baik prosa mahu pun puisi mēndapat pērhatian yang bēsar dari pēmuda pēmudi Mēlayu. Hampir sēmua majallah² mingguan dan bu-lanan dan surat²-khabar mingguan yang tērbit di-Malaya ada mēmuatkan ruangan sajak dan chērita² pendek. Bēr-sama²-nya pula munchul-lah bakat² baru dalam lapangan kēsusas-tēraan Mēlayu mēmbawa gaya dan aliran masing².

Tētapi sa-bagai suatu pērengkat yang baru di-tingkat dan di-injak, proses pērkebangan bahasa Mēlayu ini tidak tērlēpas dari bērbagai kējadian dan pēristiwa yang mērupa-kan pēnyakit²-nya yang tērsēndiri pula.

Antara pēnyakit²-nya itu ia-lah pēnyakit mabok kata² baru yang kadangkala amat mēmbosankan. Sa-bahagian pēnulis² baru yang munchul itu bērusaha mēnēmpatkan dan mēngisikan kata² yang baru di-pēroleh, baru di-dēngar atau baru di-bacha-nya. Pērkataan² "nan", "bak", "sēmbari", "pēnaka" dan lain² pērkataan di-daerah Indonesia dan kata² Sanskrit lama sa-olah² mēnjadi suatu ungkapan baru dan saperti mēngandong tēnaga yang kalau tidak di-masokkan dalam karangan-nya akan kurang-lah indah dan kurang-lah kēkuatan karangan itu.

Bētapa pun, harus juga di-katakan bahawa pēnyakit² ini tēlah di-timbulkan oleh pēnulis² yang tidak bērtanggung-jawab tērhadap bahasa dan kēsusastēraan Mēlayu. Kē-simpulan ini juga tēlah di-nyatakan oleh saudara Kēris Mas, salah sa-orang pēlopor pēnulis Angkatan Baru Malayu Ma-laya dalam suatu karangan yang panjang dalam majallah Mastika kēluaran July, 1952.

".....Untuk mengerti sungguh² akan angkatan baru ini sa-saorang hendak-lah mengkaji dan menyelidiki halus² tujuan dan chita² mereka, hendak-lah mengambil faham yang terang tentang aliran yang di-bawa oleh mereka, sebab dan sifat² fikiran yang menyebabkan aliran itu timbul. Tidaklah cukup untuk mengetahui angkatan baru ini hanya dengan membaca sa-buah dua karangan chërita atau sajak² yang kebetulan lintang pukang atoran bahasa-nya dan ganjil² perkataan yang di-pakai-nya. (Dalam bahagian² yang lain dalam tulisan-nya ini Këris Mas membërikan chontoh² perkataan saperti "nan", "dek", "nia", "sëmbari" dan lain²). Chërita² pendek dan sajak² sa-rupa ini sa-bënar-nya di-tulis dengan tidak bertanggung-jawab kapada bahasa apalagi kapada kësusastëran....."

Pënyakit lain yang timbul di-kalangan pënulis² muda Mëlayu di-lapangan sajak ia-lah pëngaruh "Aku ini binatang jaang" Khairil Anwar yang di-sëbutkan sa-bagai pëlopor Angkatan 45 di-Indonesia.

Pëngaruh ini mulai mënjalat kira² dalam tahun 1948 yang dëngan itu juga tëläh mënëkan dan sa-akan² hendak m'ngikis pëngaruh Pujangga Baru yang mënjalat ka-Tanah Sëmënanjong.

Kësëdaran bahawa masharakat Khairil amat asing dëngan masharakat di-Tanah Ayer-nya sëndiri, kësëdaran bahawa masharakat Khairil sudah bebas dari bëlëngu pën-jajaan, dan kësëdaran bahawa politik Bëlenda bërlainan dëngan dasar politik Inggëris tidak dëngan sëgëra di-insafi oleh satëngah² pënulis angkatan muda yang barangkali di-sëbabkan oleh lonjakan dan gëlora sëmangat yang tërdapat dalam sajak² Khairil Anwar dan pënulis² Angkatan 45 lain-nya.

Tetapi pada akhir-nya keinsafan tentang perbedaan masyarakat, kesadaran tentang perbedaan antara bentuk revolusi di-Indonesia dengan undang² dharurat di-Malaya (yang di-ishtiharkan oleh pemerintah Inggris ada pertengahan tahun 1948) datang juga di-hati penulis² angkatan baru.

Masuri S.N. yang kita kenal sa-bagai salah sa-orang pelopor sajak² baru di-Malaya menyatakan dengan terang keadaan masyarakat di-Tanah Ayer-nya sendiri, keadaan dharurat yang banyak melahirkan nasib barok, penderitaan rakyat dan juga kejadian² yang membawa kapada pertumpahan darah. Salah sa-buah sajak-nya "Sa-ribu Harapan" membayangkan pula betapa semangat rakyat yang penuh "sa-ribu harapan" (Mastika March, 1951):

Demi cahaya memancar dari segi harapan
 membawa hati berani, rasa akan menyiapkan
 segala chita sekarang yang nanti mengukir me-
 nang
 bergerak satu barisan gagah di-mana penuh so-
 kongan

Ah, besar membawa nama, dada rela melapang
 menunggu sa-tiap yang mau lalu, yang mau me-
 nerjang
 akan ombak tenaga dari seluruh persatuan
 yang sejak mula bergerak penuh sa-ribu harapan

Siapa rela, siapa nanti pergi mara berbakti
 sedang kawah panas dengan ayer membuas ga-
 nas

siapa berani, siapa nanti sanggup bermain api
yang menyambar, membakar, menjilat apa yang
melintas
lihat semua sikap tidak gentar di-buai godaan
dengan membawa obor sa-ribu sinar harapan

Itu-lah di-antara teriakan² penulis² Angkatan Baru mengenai Perang di-Tanah Ayer-nya sendiri — mengenai undang² dharurat yang di-ishtiharkan oleh pemerintah Inggris yang berikutnya ribuan ra'ayat merengkok di-kemah² tahanan di-kelilingi pagar berdiri di-bawah awasan mun-chong² senapang pengawal².

Dalam tahun 1950 timbul-lah pertukaran fikiran (polemik) di-antara penulis² yang menghendaki kesusasteraan untuk ra'ayat di-satu pihak (seni untuk masyarakat) dan kesusasteraan untuk kesusasteraan (seni untuk seni) di-satu pihak lagi.

Sa-benar-nya pertukaran fikiran itu — yang kebanyakannya di-muat dalam mingguan Utusan Zaman — tidak-lah seimbang, kerana dalam keseluruhan-nya persoalan seni untuk masyarakat tidak mendapat tentangan yang wajar dari penulis yang memakai faham seni untuk seni sa-mata.

Tahun² berikutnya puisi Melayu — sedikit demi sedikit dari minggu ka-bulan dan dari bulan ka-tahun — berkembangan terus bersama dengan kesedaran dan teriakan ra'ayat agar bahasa Melayu di-jadikan bahasa rasmi di-Perserikutan Tanah Melayu.

Pubahan² dan kemajuan politik ikut memberikan kesan baik kepada perkembangan bahasa Melayu yang dalamnya termasuk-lah puisi baru.

Majlis mēshuarat undangan Pērsēkutuan Tanah Mēlayu yang bērsidang pada tanggal 30hb. March, 1955 tēlah mēngambil kēputusan mēngakui dēngan rasmi bahawa *Bahasa Mēlayu mēnjadi Bahasa Kēbangsaan di-Pērsēkutuan Tanah Mēlayu*. Usul ini tēlah di-kēmukakan oleh tuan Abdul Rashid Ahmad, sa-orang wakil parti Nēgara (di-bawah pimpinan Dato' Onn bin Ja'afar yang pada waktu itu "mēntēri" hal ahwal dalam nēgēri Pērsēkutuan Tanah Mēlayu yang bukan di-pilih oleh ra'ayat dalam pilehan raya tētapi dilantek oleh pēmērentah kolonial Inggris).

Mēski pun kēsān' bērikut-nya banyak tērdēngar bahawa usul ini hanya sa-mata' untok mēmanching undi (dalam pilehan raya Federal yang bakal di-adakan dalam bulan July, 1955), namun tērlēpas dari prasangka politik, kita tēntu sa-kali mērasa bērtērimakasih kapada mēreka yang mēmpērujuangkan bahasa Mēlayu mēnjadi bahasa kēbangsaan di-Pērsēkutuan Tanah Mēlayu.



Kētēranan' yang sa-layang pandang ini saya rasa tidaklah lari dari maksud sa-mula untok mēnyatakan "Sa-jauh mana-kah pērkēmbangan bahasa Mēlayu dalam lapangan puisi baru" sapērti yang di-kēhēndaki oleh panitia Kongres* ini.

*Sa bagaimana yang telah di nyatakan, rēncana ini telah di-tulis khas buat Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu III, dalam tahun 1956 yang lalu, sa-bagai salah satu dari "Kurva Kerja"-nya.

Suatu hal yang patut juga di-jelaskan di-dalam kertas kerja ini ia-lah pengaruh perkembangan bahasa Indonesia yang lebih maju dari bahasa Melayu di-Malaya ini ka-dalam kesusasteraan Melayu, khusus-nya dalam lapangan puisi baru. Dalam keseluruhan-nya pengaruh ini memberikan arti yang tidak kecil untuk kemajuan bahasa Melayu di-Malaya. Malahan dalam setengah chiptaan sajak ternyata terdapat persamaan gaya dan chara, baik dalam penggunaan perkataan baik dalam penyusunan kalimat mahu pun dalam chara menumpahkan perasaan dan fikiran sa-hingga kalau di-tutup atau di-hilangkan nama penggubah-nya mungkin sa-kali orang akan ragu apa-kah sajak ini di-gubah oleh penyajak di-Indonesia atau pun oleh penyajak di-Malaya.

Jika di-izinkan dan dengan tidak di-maksudkan untuk menyinggong sa-suatu pihak, boleh-lah di-sebutkan bahawa hal ini pernah berlaku di-University Malaya sendiri. Sa-orang pnsarah bahasa dan kesusasteraan Melayu di-University telah menunjokkan beberapa buah sajak yang di-gubah oleh penyajak muda di-Malaya kepada mahasiswa-nya dengan chara menyalin sajak itu menurut ejaan di-Indonesia dan menghilangkan nama penggubah sajak itu. Sa-waktu di-tanya kepada siswa itu: apa-kah sajak ini sajak Indonesia atau Malaya?

Banyak di-antara mahasiswa itu menjawab bahawa sajak ini ia-lah sajak Indonesia.

Chara penumpahan perasaan oleh penyajak angkatan muda sekarang ini dengan bahasa yang sama, dengan lenggang yang sa-akan sa-iring, dengan rentak yang sa-akan sa-hunyi dengan chara penyajak di-Indonesia bukan saja kerana pengaruh pembacaan sajak khas-nya dan buku dari Indonesia umum-nya tetapi lebih dari itu ia-lah kerana per-

tumbuhan bahasa Melayu di-Malaya sekarang mendekati kemajuan bahasa Indonesia yang pada pokok-nya ada-lah juga bahasa Melayu — bahasa Melayu yang sudah maju. Dan yang lebih besar-nya ia-lah oleh chara bẽrtikir yang sudah maju, yang melihat hidup dengan fikiran yang maju dan bukan dengan perasaan melulu sa-mata².

Dengan demikian, kemajuan bahasa Melayu, baik dalam lapangan puisi mahu pun dalam lapangan prosa sama sa-kali bukan kemajuan tiruan yang melulu, tetapi suatu proses perkembangan yang di-laksanakan dengan sedar dan bẽrasa.

Bahasa Melayu yang menjulani pertumbuhan ini telah di-jadikan alat oleh penyajak² muda untuk menyatakan hasrat ra'ayat untuk kemerdekaan, telah di-jadikan alat untuk menyatakan fikiran-nya tentang kepinchangan masharakat, tentang undang² dharurat, tentang chita² perdamaian yang semua-nya ada-lah keadaan² yang sa-bẽnar-nya dan nyata yang di-alami dan di-hidapi oleh ra'ayat Malaya seluroh-nya.

Undang² dharurat ada-lah salah satu soal yang amat rapat perkenalan-nya dengan puisi baru Malaya. Perkenalan dengan undang² dharurat ada-lah perkenalan dengan masharakat Malaya sendiri. Dan sa-bagai anggota masharakat itu penyajak² angkatan muda Melayu merasakan kesan²-nya, sa-bagaimana seluroh ra'ayat merasakan kesan-nya, baik dari segi ekonomi mahu pun dalam hal politik dan sosial.

Sampai pada sa'at ini soal dharurat tetap menjadi isi yang besar dan pokok dalam puisi² angkatan muda.

Apabila perundingan "Damai" antara Tengku Abdul Rahman Putra, sifat-nya sa-bagai Ketua Menteri Pẽrsẽkutuan Tanah Melayu dengan Chia Peng, setiausaha agong Parti Komunis Malaya yang di-adakan di-pẽkan Baling, Kẽdah

pada tanggal 28 dan 29 haribulan December, 1955 untuk menamatkan peperangan yang berlaku di-Malaya, maka penyajak² angkatan muda ikut menyatakan hasrat-nya yang juga dapat di-anggap sa-bagai wakil hasrat ra'ayat yang sudah jemu dengan undang² dharurat, yang rindu kepada perdamaian.

Dan chita² untuk perdamaian ini sa-benar-nya sudahlah menjadi selogan sa-bahagian besar penyajak² angkatan muda yang sejak tahun 1948 — sa-waktu undang² dharurat di-ishtiharkan kepada ra'ayat Malaya — mereka telah melihat betapa buruk-nya nasib ra'ayat oleh tekanan undang² dharurat, betapa ia mengekang fikiran ra'ayat, betapa kesengsaraan ra'ayat yang di-pindah-kan, yang di-kurong dalam suatu kawasan, yang di-tahan tiada pembicaraan di-muka umum.

Kegagalan perundingan perdamaian antara Tengku Abdul Rahman Putra dengan Chin Peng tidak-lah menjadi kegagalan penyajak² angkatan baru dalam chita² perdamaian-nya untuk nanti melihat keamanan dan kema'amanan ra'ayat. Malah sa-balek-nya tambah mendorong penyajak² angkatan muda untuk memperjuangkan chita²-nya yang di-dalam-nya termasuk-lah chita² ra'ayat yang chintakan damai itu.



Akan menyatakan bagaimana melaksanakan usaha² supaya bahasa Melayu dalam lapangan puisi ini dapat mengambil peranan yang sa-penoh-nya sa-bagai bahasa kebangsaan yang berdaulat, maka saya anjorkan beberapa fasal dari beberapa segi:

I. DARI SEGI SALORAN PENDIDIKAN DAN PENGAJARAN (PERSEKOLAHAN)

Apa yang saya bicarakan di-atas tadi ada-lah sa-mata² p^{er}k^{em}bangan bahasa Melayu dalam lapangan puisi yang k^{el}ihtan dalam masharakat yang b^{er}k^{em}bang m^{el}alui surat²-khabar dan majallah² p^{en}erbitan ra'ayat.

K^{er}ana lapangan p^{en}didikan dan p^{en}gajaran (p^{er}-s^{ek}olahan) m^{er}upakan t^{em}pat dan saloran yang p^{en}t^{ing} untok m^{em}p^{er}k^{em}bangkan bahasa dan k^{eb}udayaan, sa-bagai t^{em}pat untok m^{en}anam rasa kaseh dan *chinta* kapada bahasa dan k^{eb}udayaan dan sa-bagai suatu t^{em}pat yang s^{es}uai untok m^{em}p^{el}ajari dan m^{en}dalami-nya, maka saya anjorkan *bohawa puisi baru harus m^{en}dapat t^{em}pat yang wajar di-antara mata² p^{el}ajaran di-s^{ek}olah².*

Sa-lama ini, sa-tahu saya, puisi baru Melayu tidak m^{en}-dapat t^{em}pat di-s^{ek}olah² Melayu. Malah p^{el}ajaran k^{es}usast^{er}aan pada umum-nya tidak di-ajarkan. (Dalam bahagi-an prosa p^{et}ekan² k^{es}usast^{er}aan Melayu dari Hikayat Abdul-lah bin Abdul Kadir Munshi, S^{ej}arah Melayu Tun S^{er}i Lanang dan b^{eb}erapa p^{et}ekan² dari k^{es}usast^{er}aan Hindu sap^{er}ti Hikayat S^{er}i Rama (Ramayana) dan b^{eb}erapa lagi itu hanya di-ajarkan sa-bagai bacaan saja). S^{ek}olah² Melayu sa-olah² m^{en}utup pintu-nya untok puisi baru oleh angkatan muda s^{ek}arang.

Para p^{el}ajar yang m^{en}aroh p^{er}hatian t^{er}hadap k^{es}usast^{er}aan baru — prosa dan puisi — hanya m^{en}gikuti b^{er}s^{en}-dirian m^{el}alui surat²-khabar dan majallah² yang di-t^{er}bitkan oleh ra'ayat.

Dan suatu soal besar lagi mengapa kesusasteraan baru, prosa dan puisi tidak mendapat tempat di-sekolah² Melayu ia-lah sekolah² Melayu masih sa-takat sekolah rendah lagi, meski pun sekolah Melayu telah di-dirikan sejak tahun 1832 (di-Singapura) dan sa-hingga sekarang sudah lebih 132 tahun lama-nya. (Soal ini telah menjadi perbincangan di-kalangan orang² Melayu dan sa-telah parti² politik perikatan UMNO-MCA-MIC memenangi pilihan raya Persatuan Tanah Melayu, menteri pelajaran-nya Yang Berhormat Dato' Abdul Razak telah mengusahakan untuk mengadakan sekolah menengah Melayu).

Dengan demikian puisi baru dan lama haruslah :

- (a) di-jadikan suatu mata pelajaran di-sekolah rendah (mulai darjah pertengahan) sa-bagai perkara penghafalan.
- (b) di-jadikan suatu mata pelajaran di-sekolah² Menengah (mulai darjah permulaan) sa-bagai perkara yang di-bachakan dan di-ajarkan pengertian-nya — isi dan bentuk-nya.
- (c) di-jadikan suatu mata pelajaran di-sekolah² Tinggi dan di-Maktab² Perguruan sa-bagai perkara yang harus di-perdalam, dan di-tafsirkan sa-chara mendalam hubungan² puisi dengan masyarakat dan sa-bagai hasil seni.
- (d) di-jadikan suatu perkara yang penting untuk pelajar² yang ingin lulus dalam ujian bahasa.

II. DARI SEGI UMUM (MASHARAKAT)

- (a) Pēmērentah, mēlalui saloran²-nya yang tērtēntu, Balai Pustaka* umpama-nya, harus-lah mēngusahakan:
- (i) Mēngumpulkan puisi² yang bērnilai yang ditulis oleh pēnyajak² Mēlayu untok di-bukukan bagi kēgunaan (bacaan) umum.
 - (ii) Mēngadakan kupasan sa-chara mēndalam, isi dan bēntok, pada puisi² baru yang di-bukukan itu agar pēngertian² sajak dari sudut sēni di-fahamkan dēngan baik oleh umum.
 - (iii) Mēngēluarkan majallah yang khusus mēngēnai kēsusastēraan, yang dalam-nya puisi sa-bagai soal yang di-titek-bēratkan.
 - (iv) Mēnggalakkan pēnyajak² mēnelipta hasil² puisi yang bērnilai sastēra dēngan chara mēngadakan pēraduan² mēngarang dan dēngan hadiah² yang wajar.
 - (v) Mēlantek suatu panitia yang khusus mēntilih sajak² yang tērtarik (yang di-siarkan mēlalui majallah² dan surat²-khabar) pada sa-tiap tahun dēngan pēngarang-nya mēndapat sa-suatu pēnghargaan yang wajar.

*Ketika rencana ini di-tulis oleh Saudara Osman Awang untuk menjadi sa-bagai salah satu "Kērtas Kēerja" Kongres Bahasa dan Pēsuratan Mēlayu III itu, Dewan Bahasa dan Pustaka, belum ada lagi. Wujud-nya Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada sēkarang ini ada-lah sa-bagai salah satu hasil dan Kongres tērsēbut.

- (vi) Menganjorkan atau menggalakkan atau membērikan bantuan kepada usaha² ra'ayat — baik badan² atau pērumpulan² — untok mēmajukan dan mēmpēr-kēmbangkan puisi baru dan lama.
 - (vii) Mēmbantu pēnyajak² yang ingin mēmpēr-dalamkan pēngētahuan-nya.
- (b) Badan² bahasa dan sastēra harus-lah mēmbērikan galakkan kepada umum untok mēngēnal dan mēng-hargai puisi² (baru dan lama) dēngan chara:
- (i) Mēngadakan Simposium / sēminar / chēramah / kēsusastēraan.
 - (ii) Mēngadakan pēmbachaan sajak dalam suatu pērtunjokan kēsēnian atau dalam sa-suatu pērtēmuan mēngēnai kēsēnian.

Rancangan ini telah di-tulis oleh Saudara Ombin Awang di-Singapura pada tanggal 15 August, 1956.

BAHASA MELAYU DALAM NYANYIAN^o

(Oleh: Zubir Said)

Dalam menghuraikan soal pemakaian "Bahasa Melayu Dalam Musik" akan lebih tepat lagi kalau kita namakan "Pemakaian Bahasa Melayu Dalam Nyanyian" kerana sebenarnya dalam musik umum-nya tidak memakai bahasa sa-lain dari dalam nyanyian.

Untuk mendalami soal pemakaian bahasa Melayu dalam nyanyian, terpaksa juga kita tinjau perihal musik Melayu dalam bentuk, pēchahan, susunan dan pemakaian-nya dalam masyarakat kita sendiri, kerana unsur musik ini ada-lah bērhubungan rapat dēngan perihal sastera atau pun bahasa yang di-paksi dalam nyanyian, yang akan kita namakan dalam huraian ini sa-bagai "sajak".

Pendapat mengatakan: "Suatu tekanan suara dalam musik atau suku-kata yang di-ucapkan dēngan suara yang bērlagu ada mēngandongi daya yang lēbih mēnarek dari ucapan suku-kata yang hanya di-sebutkan sahaja", mungkin mēnjadi sēbab maka di-zaman dahulu orang mēmbacha hikayat dan chērita dēngan suara bērlagu (bērnyanyi).

^oRencana "Bahasa Melayu Dalam Nyanyian" ini telah di-tulis oleh Tuan Zubir Said mēnjadi sa-bagai salah satu "Kertas Kerja" bagi Kongres Bahasa dan Pērsuratan Melayu III yang telah di-adakan dalam bulan September, 1956.

Turun naik-nya suara dalam suatu nyanyian ada-lah berasal dari turun naik-nya tekanan suara dalam ber-kata² ucapan yang memakai daya dalam mengeluarkan perasaan.

Di-zaman yang telah berlalu suara berlagu yang di-pakai orang dalam membaca hikayat² dan chërita² ada-lah mempunyai chara yang bebas. Maksud-nya: Si-pembaca men-chari ilham lagu waktu dia membaca dengan sa-bebas hatinya dan di-susun-nya pada sa'at itu juga rangkaian lagu menurut tabiat chërita atau hikayat yang di-bacha-nya.

Hal yang seperti ini terjadi di-négèri² Barat dalam abad pertengahan, mithal-nya dalam istana raja² di-mana sa-orang pengasoh raja (*court-juster*), memuja raja atau menghiborkan permaisuri dengan menyanyikan suatu chërita atau rangkaian sha'er.

Juga dalam gèreja² selalu di-pakai lagu yang sederhana untuk membacakan ayat² dalam upacara ugama-nya yang mana hal ini masih di-pakai sampai sekarang dalam gèreja Roman Catholic.

Késimpulan-nya: Sudah ada-nya hikayat, baharu-lah di-usahkan untuk menterjemahkan. Perkataan "chara" erti-nya "lagu", "Lagu" erti-nya "chara".



Manakala telah lahir pula gubahan² sha'er dan seloka, baharu-lah orang mengadakan lagu yang mempunyai bentuk yang tertentu untuk mendendangkan sha'er dan seloka itu, kerana sha'er dan seloka telah mempunyai bentuk yang tertentu pula. Masa dahulu umum-nya hanya satu lagu sahaja di-pakai untuk menterjemahkan satu rangkaian sha'er.

Mithal-nya, lagu yang di-pakai untuk mēndengarkan sha'er Sēlendang Dēlima. Juga lagu yang di-pakai untuk sha'er² ugama, nasihat dan tamthil ibarat. Kēsimpulan-nya: Sa-sudah ada-nya sha'er, maka di-chari-lah ilham lagu yang sēsuai.



Bēbērapa zaman yang lalu dan juga sēkarang di-kam-pong², soal mēmbacha sha'er dēngan bērlagu ada-lah sangat mēnjadi pērhatian orang-ramai, kērana daya pēnarek-nya dalam mēnumpahkan pērasaan lēbih kuat daripada sha'er² itu di-bachakan sahaja.

Pērhatian ramai itu mēnyēbabkan timbul-nya sha'er² baru dan pantun² dan lahir-lah pula bēr-macham² lagu-nya. Umum-nya, pantun mēmpunyai ēmpat kalimat dan lagu-nya mēmpunyai dua kalimat melodi-nya.

Lazim-nya dua kalimat yang pērtama dari pantun itu mēngēsahkan soal alam, di-sakitar kesah dari dua kalimat yang akhir. Sa-dapat mungkin pērbandingan atau sindiran dari dua kalimat yang pērtama itu bēndak-nya sa-jajar sindiran-nya dēngan kalimat² yang akhir. Mithal-nya:

“Harum sa-merbak si-bunga tanjong,
tinggi mēlambai di-hujung dahan.
Ranting yang rētak tēmpat bērgantong,
bunga ta² sampai di-hujung dahan.”

“Baik² bēlayar malam,
arus dēras, karangan tajam.
Kalau tidak malim yang faham,
di-situ banyak kapal tēnggēlam.”

“Pénat-lah saya mēnanam padi,
nēnas juga di-tanam orang,
pénat saya mēnanam budi,
ēmas juga di-kēnang orang.”

Ada pula pantun² yang di-pakai dalam nyanyian di-mana dua kalimat yang pērtama sēntiasa mēmbayangkan soal alam dan kalimat² yang akhir mēngardong tujuan yang sa-bēnar-nya dari pantun itu. Mithal-nya :

“Orang mēngail di-Luhok Batu,
dapat sa-ekor ikan gēlama,
Hilang satu bērganti satu,
manakan sama orang lama.”

Kēhidupan orang Mēlayu ada-lah sangat bērdēkatan dēngan alam di-sakēliling-nya. Sēgala kējadian alam di-sakitar-nya : gunong, bukit, laut dan sungai, bunga dan kumbang, bulan dan bintang, dan sa-bagai-nya ada-lah mēnjadi suatu pērbandingan hidup untok mēngēluarkan dalam sha'er², pantun² dan pēribahasa-nya.

Alam di-sakitar-nya sangat di-hargai-nya, kērana alam itu ada-lah chiptaan Tuhan dan orang Mēlayu ada-lah suatu bangsa yang chinta kapada Tuhan.

Ibarat², nasihat², sēloka², sha'er², pantun², pēribahasa², pēpatah², dan sa-bagai-nya, sēmua-nya di-bandingkan atau di-sindirkan dēngan kējadian alam sa-kitar-nya.

Hal ini tēlah mēnjadi tradisi dan darah daging bagi orang Mēlayu, sa-hingga dalam chara² mēreka bēruchap dan bēr-kata² dalam pērgaulan-nya, sēlalu mēreka mēmakai sindiran yang di-bandingkan kapada alam.

Mithal-nya :

“Pipit tuli makan bĕrhujan, di-halau kain basah,
tidak di-halau padi habis.”

“Kalau bĕneh yang baik jatuh ka-laut mĕnjadi
pulau.”

“Harapkan hujan di-langit ayer di-tĕmpayan di-
tumpahkan.”

“Bidok lalu kiambang bĕrtaut.”

Barang siapa yang bĕrkata tĕpat dan langsung dan ta' mampu mĕngĕluarkan pĕrasaan dĕngan sindiran yang halus maka orang itu di-anggap kurang pĕndidikan dalam budi bahasa.

Tradisi ini tĕrbayang tĕrang dalam bahasa yang di-pakai dalam gubahan pantun² Mĕlayu. Di-sini-lah lĕtak-nya kĕ-indahan dan kĕistimewaan pantun² nyanyian Mĕlayu yang mĕngandung isi yang dalam ĕrti-nya dĕngan sindiran yang halus.

Mithal-nya,

“Ambil kĕris pĕmbĕlah manggis,
buah rambutan lĕkang sĕndiri.
Lautan kĕring pulau mĕnangis,
ikan di-pantai mĕnghĕmpas diri.”

“Anak pĕlandok di-luar pagar,
suyang patah sa-bĕlah kaki-nya.
Tujoh tahun gunong tĕrbakar,
baharu sĕkarang nampak api-nya.”

mati-nya. Di-masa beliau meninggal ramai-lah sahabat-nya menghantarkan ka-kubor di-Bukit Brown Cemetery, termasuk juga penyanyi lagu Melayu.

Di-waktu mayat-nya hendak di-turunkan ka-bumi, maka sa-orang sahabat-nya menyanyikan lagu Dondang Sayang dengan pantun :

"Sungguh minyak menerangkan pelita,
hendak-lah juga panjang sumbu-nya.
Sungguh banyak kawan kita,
hilang satu pilu rasa-nya!"

Para hadirin semua berchuchoran ayer mata-nya kemudian menyanyi-lah pula sa-orang penyanyi Melayu perempuan bernama Mak Dara dengan memakai pantun :

"Pokok sendudok baharu berbunga,
daun-nya habis di-makan api.
Sa-lama-nya hidup di-dalam dunia,
sa-ribu tahun lawan-nya mati."

Bagi Mr. Koh yang meninggal itu, bahawa pantun Melayu itu sa-olah talqin-nya di-masa dia di-kubumikan.



Jikalau di-masa dulu di-Eropah musik dan puisi pernah di-pengarohi oleh pendita, maka di-Tanah Melayu dulu-nya raja-lah yang mengambil berat dalam kemajuan seni pantun dan lagu-nya.

Maka demikian-lah seni nyanyi Melayu mulai berkembang di-perlindungi dan di-peelihara oleh raja Melayu, kaumnya dan orang besar.

Sa-sudah luas perkembangan seni sha'er dan pantun, maka timbul-lah pula hasrat menchiptakan lagu yang tertentu untuk pantun yang mempunyai maksud yang tertentu pula seperti nyanyian:

"Anak raja turun beradu"
"Laksamana mati di-bunuh"
"Damak"
"Mas Merah"
"Burong Putih", dan sebagainya.

Di-masa itu memuncak-lah kebesaran lagu dan nyanyian Melayu di-alirkan dan di-peelihara oleh raja Melayu dan kaum puak-nya. Oleh kerana kesenian itu terhad untuk hiburan dalam istana sahaja, maka di-antara pantun itu me-muji raja, seperti dalam pantun nyanyian "Anak Raja Turun Beradu".

"Buah duku gugor tergolek,
gugor dengan ranting daun-nya,
Tuanku beradu patek mengolek,
mengolek lagu serta nyanyian-nya."

"Jika nak gugor, gugor-lah nangka,
jangan di-timpa si-ranting pauh,
Kalau nak tidor, tidor-lah mata,
jangan di-ingat orang yang jauh."

Dan juga terdapat pantun nyanyian yang merendah diri, biasa-nya di-nyanyikan oleh sa-orang penyanyi orang kebanyakan yang di-jemput ka-dalam istana.

Mithal-nya :

"Pukul gēndang pētek kēchapi,
anak Kēling bērmandi minyak,
Patek umpama rumput di-bumi,
rēndah sa-kali pada yang banyak."

Bila mana kaum raja tēlah ikut sērta pula mēnyanyi, maka sēni gubahan pantun tambah mēndalam sa-hingga dapat di-bahagikan dalam bēbērapa bahagian pembahagian-nya, saperti: pantun budi, pantun kaseh, pantun sindiran, pantun nasihat, tamthil ibarat, ugama dan lain'.

Di-masa ini-lah zaman gēmilang bagi nyanyian Mēlayu di-mana banyak di-chiptakan lagu' Mēlayu dan nyanyian'-nya masih hidup sampai sēkarang. Kaum raja' bērusaha kēras mēngumpulkan ahli sēni 'sajak' dan ahli 'sēni lagu' dari kalangan ra'ayat ka-dalam istana untok mēngarang, bērlateh mēnyanyi, bērlateh tari'an dan sa-bagai-nya. Usaha raja' itu sa-olah' mēnyērumpai mēngadakan sēkolah sēni (*School of Dramatic Arts*).

Yang mējadi ukoran pēnting dalam sēni sajak atau sēni pantun di-masa itu, ia-lah nilai isi-nya dan kēhalusan sindiran-nya, dan juga lenggang-lenggok putah lagu dēngan ukiran' suara yang bērbunga.



DUNIA BEREDAR ZAMAN BERTUKAR

Bila mana kuasa nēgēri asing tēlah mulai mēnjajah Tanah Mēlayu dan kaum saudagar-nya tēlah pula datang sileh bērganti, yang mēnukar rēsam dagangan pērtukaran dēngan dagangan yang mēnggunakan mata-wang, maka mulai-lah chachat dunia kēsēnian Mēlayu yang tadi-nya di-

pimpin dan di-pelihara oleh raja'-nya. Kaum raja' tidak lagi mengambil berat sangat, kecuali hanya untuk hiburan sekali'. Mereka telah mulai pula sibuk dengan urusan perhubungan luar negeri dan perdagangan. Godaan matawang dan barang' luar negeri terlampaui keras sa-hingga perhatian sudah kurang tertarek untuk mengalirkan perkembangan kesenian.

Maka kesenian istana mula-lah menjalar ka-dalam masyarakat sa-chara liar sahaja tanpa pimpinan.

Ahli' seni, penyanyi', pemusik', penggubah' pantun bergelendang-lah ka-dalam masyarakat dengan membawa nasib masing'. Sha'er' dan pantun' tidak lagi terpelihara baik kerana tidak ada yang memimpin kegunaan-nya dan pemakaian-nya. Gubahan' pantun yang baharu itu di-sarong'kan dengan lagu' lama. Nilai dan isi dari gubahan sajak mulai merosot, orang yang bukan ahli pula menggubah pantun dengan sa-chara meraba tanpa memikirkan seni-nya. Dan pantun ini di-sesuaikan sahaja dengan suatu lagu yang telah di-kenal orang.

Kehalusan sirdiran dan nilai isi sajak sudah mulai kurang di-perhatikan, sa-hingga melahirkan pantun' yang tepat dan langsung seperti :


"Tinggi' si-mata hari,
anak kerbau mati tertambat.
Sudah lama saya menchari,
baru sekarang saya mendapat."

"Jika tidak kerana bintang,
bulan tidak meninggi hari.
Jikalau tidak kerana ahang,
saya tidak datang ka-mari."

dan banyak lagi yang lain'.

Dalam dunia lagu-nya sudah pula mulai korupsi di-pengaruh oleh unsur² asing yang di-bawa bangsa² asing ka-negeri ini. Unsur² dari negeri China, Portugis, Arab, Jawa, Siam dan Hindu mulai berkembang biak masuk ka-dunia lagu Melayu. Untuk menyesuaikan melodi² asing itu dengan lenggang-lenggok yang biasa di-pakai dalam menyanyikan pantun² Melayu, maka di-Melayu-kan chara menyanyi-nya seperti terdapat dalam lagu "Mas Merah" yang mempunyai unsur China.

Juga terdapat dalam unsur China dalam lagu "Tudong Periok", unsur Arab dalam lagu "Lela Manja" dan "Seri Mersing", unsur Jawa dalam lagu "Anak Tiong" dan "Siti Payong" dan banyak lagi contoh² yang lain.



PENGAROH MATA-WANG BERTAMBAH HERAT

Nyanyian² menjadi barang dagangan dengan memakai unsur chinta berahi sa-bagai daya penurek. Ahli² seni yang tadi-nya menjunjung tinggi akan nilai seni, mulai menjadi saudagar² seni.

Sa-telah mata-wang bertambah men-jadi² pengaruh-nya, masharakat pun menjual dan membeli seni untuk hiburan. Nyanyian² dengan pantun yang bernilai sudah tidak menjadi perhatian. Masharakat mulai ashek dengan hiburan lagu² yang banyak terpengaruh dengan unsur² asing yang memakai pantun yang mengemukakan chinta berahi seperti kejadian dengan lagu² "extra" yang di-pakai dalam opera bangsawan, di-mana terdapat kalimat² bahasa yang kasar dan tepat seperti :

“Oleleh di-Kota Raja,
kalau boleh di-bawa saja.”

“Yang hitam manis mana rumah-nya,
yang puteh kuning siapa yang punya.”

“Apa guna pasang pëlita,
kalau tidak dëngan sumbu-nya.
Apa guna bërmain mata,
kalau tidak dëngan sunggoht-nya.”

Sëni bahasa yang di-pakai dalam nyanyian tëläh mërosot sa-rëndah²-nya. Nyanyian tëläh masok mënjadi barang da-gangan oleh kërana tëkanan suasana dan pëngaruh mata-wang. Maka timbul-lah saudagar² lagu yang pantun yang bukan ahli. Pantun² di-buat chara kodian dan lagu²-nya pun bagitu juga.

Dulu suatu nyanyian itu di-buat sa-chara gubahan sëni yang di-fikirkan masak². Pënyanyi-nya, pënya²er dan pë-musik bëkërjasama. Tëtapi sëmënjak wang tëläh mëngambil përanan yang pënting dalam këhidupan masharakat, ia-itu suatu masharakat yang bëlum dapat më-misah²kan: yang mana half yang patut di-nilai dëngan wang dan yang mana harus di-nilai dëngan pënghormatan yang suchi murni.

Sa-orang pënyanyi lagu “extra” di-atas pëntas wayang bangsawan yang mënnyanyikan:

“Wahai Che’ Mamat si-parang tajam!
saya nak ikut abang yang songkok hitam.”

Mungkin akan mëndapat hadiah wang dari si-pënuntun yang bërsongkok hitam itu, tëtapi dëngan chara wang itu di-lemparkan dari bawah ka-atas pëntas.

Juga dalam gelanggang tarian joget penonton memberi umpan wang supaya lagu "Anak Kambing" di-mainkan dengan melemparkan wang ka-dalam sa-buah pasu yang tersedia.

Akhlak dan peribadi masyarakat kian hari kian merosot. Orang² yang sa-patut-nya mesti mengalirkan kesenian, ikut pula memperkosa suasana dengan menunjukkan kemegahan wang. Se-gala²-nya telah di-pengaruh oleh wang. Masyarakat telah di-telanjangi dalam rohani dan jasmani-nya! Kesenian, adat istiadat, budi-bahasa, sifat tolong menolong sudah tidak lagi berkembang dengan subur.

Keloh kesah orang² tua yang sedar akan penyakit akhlak yang sedang tumbuh dalam masyarakat pernah di-churahkan dalam suatu pantun:

"Sementak kentang yang jadi gulai,
ubi tidak bersama lagi.
Sementak wang jadi pemakai,
budi tidak berguna lagi."

Pantun ini pernah mereka nyanyi²kan. Tetapi sindiran ini tidak memberi bekas, ta' ubah-nya seperti raungan anjing menyalak bukit sahaja. Masyarakat tidak lagi merasakan sindiran yang halus². Seni bahasa tidak lagi menjadi perhatian!

Orang-ramai mulai ashek dengan lagu² sahaja, tidak lagi menilai isi-nya. Lagu² yang mengandong unsur asing bertambah banyak, kerana penggubah² lagu kodian itu tidak mengetahui dan tidak mengalami bagaimana nenek moyang-nya telah dapat menciptakan seni lagu yang halus.

Penggëmar² nyanyi tidak pula mênghiraukan akan kasar halus isi sajak-nya, kebanyakan hanya mēmëntingkan rëntak lagu dan melodi-nya sahaja, yang mana jikalau mēnyërumpai atau mêngandung unsur asing akan di-anggap sa-bagai suatu këmajuan pula.

Maka timbul-lah salah pëngërtian yang mana di-katakan lagu dan yang mana di-katakan nyanyian, yang mana isi dan yang mana bungkus!

Salah pëngërtian yang bagini mënimbulkan sifat turu'an yang bërtaambah hari bërtaambah tër-pëngaruh oleh lagu² asing, përasaan bangga kapada irama asing dan përasaan rëndah kapada seni sëndiri tëläh bër-sarang.

Bagitu-lah maka banyak rëntak² dan irama asing dan juga melodi² asing di-pesong di-pasangkan dëngan sajak Mëlayu yang sëlalu ta² sësuaï dëngan tradisi dan bunyi ba-hasa orang Mëlayu. Tërkadang sajak dari nyanyi itu di-sulami pula dëngan përkataan² asing. Boleh di-katakan banyak nyanyian² tëläh mënjadi nyanyian hiburan yang rëndah nilai dan jarang sa-kali tër-dapat yang boleh jadi pëna-war rohani.

Sakali² ada juga kédëngaran lagu² yang sama di-nya-nyikan, tëtapi hanya di-bajukan kapada pantun yang ta² sësuaï.

Namun bagitu nyanyian lama itu masih bër-sarang dalam darah daging masharakat di-kampong², di-mana pëngaruh asing tidak dapat mënëmbusi-nya.

Tëtapi di-bandar² yang bësar, përusahaan piring hitam bër-tungkus-lumus mënëhetak lagu² Barat yang mëmakai ba-hasa Mëlayu kachokan dalam sajak²-nya, hanya untok mën-

dapat ka-untungān sa-mata². Masharakat yang tēlah tērlēpas daripada pēngētahuan nilai sēni Mēlayu yang sa-bēnar-nya itu, ikut pula bēr-duyun² mēmbēli piring² hitam itu.

Apalagi sa-tēlah filem bērsuara dari nēgēri asing masok ka-nēgēri ini, lagu² filem itu di-rakamkan ka-piring hitam dēngan sajak Mēlayu-nya, dan ini pula mējadi kēsukaan ramai di-bandar² nēgēri ini. Mithal-nya sa-buah lagu dari sa-buah filem Amerika tēlah di-rakamkan dēngan sajak yang di-bawah ini:

"Nona bērkain batek,
pinggang ramping dan lēntek,
chukup chantek.

Sēnyum manis kētawa,
gigi puteh sēmua,
chukup lawa.

Siapa yang tengok dia,
dēngan cukup gaya.

tēntu hati goyang,
jadi chinta sayang,
rindu malam siang.

Lotion evening in Paris,
bunga merah di-kiri,
jēmpol sa-kali.

Tengok wayang matinee!
on Saturday dan Sunday,
panggong Cathay.

You bērani taroh apa,
you tēntu tidak lupa,
itu nona."

Sēni nyanyian Mēlayu tēlah di-chabul dēngan hebat-nya, dalam sajak dan lagu-nya, dalam rēntak melodi-nya, dalam isi dan bungkus-nya!

“Bahasa Mēlayu di-pērkosa,
irama Mēlayu di-pērkosa,
di-pērjual bèlikan, dan orang Mēlayu sa-bagai
pēmbēli-nya dēngan mēmbērikan kēuntongan
kapada pērusahaan² asing.”

Hal ini ada-lah suatu pēnchabulan yang bērbahaya kapada bangsa Mēlayu, kapada musik Mēlayu dan umum-nya kapada masharakat Mēlayu.



SA-HABIS PÉRANG DUNIA KEDUA

Pērasaan kēbangsaan bērtambah subur chinta kaseh kapada bangsa bahasa dan kēbudayaan sēndiri sa-makin mērēsap. Rindu kapada nyanyian² lama dēngan pantun-nya yang halus dan lagu²-nya yang sēronok mulai tērasa lagi. Masharakat mulai mēnchari bēntok² baharu dalam sajak dan lagu.

Kēlahiran sajak² yang bērnafas dan bērbēntok baru dēngan sēni bahasa yang baik tēlah banyak timbul, tētapi sajak² Mēlayu maseh banyak juga yang di-sarong²kan dēngan lagu² yang bērunsor asing.

Sa-bahagian dari masharakat t lah b roleh k s daran untok m nghargakan sa-mula s ni bangsa-nya.

Siaran  radio bahagian s kolahr  t lah m mulai d ngan nyanyian  untok kanak , ini ada-lah sangat b sar guna-nya bagi m ngalirkan bahasa dalam p ndidekan kanak .

P nggubah  sajak nyanyian t lah munchul dalam parti  musik amatuer, parti p ngakap, lapangan filem, piring hitam dan lain .

P ng luaran buku  nyanyian, buku  sajak nyanyian, p ng luaran lagu  nyanyian dalam majallah t lah pula ada.

T tapi saudagar  s ni k budayaan maseh banyak, k rana k majuan  itu k banyakan-nya b rsifat dagang, tanpa aliran, didekan dan pimpinan yang t rt tu.

Bahagian masharakat yang maseh t rl pas dari p ng tahuan nilai s ni bangsa maseh b lum m ndapat p nerangan dan p ndidekan yang t pat.

P ngaruh  asing t rutama dalam lagu  dan r ntak-nya, b ntok melodi-nya s rta irama-nya, maseh b rsarang.

T tapi, s mangat k bangsaan dan hasrat k m rdekaan t lah m mb riimbangan dan saingan.

B b rapa anggota masharakat t lah m mb rikan k ritik  yang m mbangun di-dalam surat-khabar dan majallah.

Sa-moga, mulai dari hari esok bakat  p nggubah nyanyi M layu (sajak dan lagu) akan dapat di-pimpin dan di-alirkan kapada tujuan yang b rguna untok masharakat s ndiri.

Dengan menanamkan sifat kebangsaan dan memakai unsur bangsa sendiri ka-dalam seni gubahan nyanyian Melayu, baharu-lah jalan bahasa Melayu yang di-pakai dalam nyanyian Melayu itu akan jadi sempurna sa-hingga memberikan guna kepada masyarakat bangsa-nya!

Rincian yang asal-nya sa-bagai salah satu "Kertas Kerja" Kongres Bahasa dan Pénulatan Melayu III ini, telah di-pindahkan dari majalah "Mastika" keluaran bulan October, 1956.

SADIKIT TENTANG PERKEMBANGAN SAJAK² DI-MALAYA

(Oleh: Ahmad Badri Farid)

Suatu perkembangan yang berlaku bersama aliran proses di-Tanah Melayu ini ia-lah proses perkembangan dalam aliran kesusasteraan. Melihat perkembangan itu maka terasa-lah kepada kita bahawa itu ada-lah suatu kemungkinan yang kesusasteraan kita akan berkembang dan terus menchapai punchak kebésaran-nya. Ini akan berlaku selama mana para sasterawan — sasterawani kita maseh sanggup menimba segala sa-suatu yang bergolak dalam dunianya sendiri dan dunia masyarakat-nya untuk di-jadikan bëntok dalam sa-buah karangan atau sajak.

Memparkata soal² perkembangan sajak di-Tanah Melayu, maka kita akan bertemu dengan satu kenyataan bahawa sajak ada-lah satu perkembangan yang baru menjelma di-chelah² rangkaian bëntok² karangan yang lain. Mungkin penjelmaan ini berlaku sa-sudah perang dunia kedua. Sa-belum itu sajak ada-lah merupa perkara yang asing dan tidak mendapat perhatian minat bagi para penulis. Zaman yang boleh di-banggakan dengan sajak ia-lah ketika mana lahir Masuri S. N. dan angkatan sa-baya-nya yang kemudian timbul pula kumpulan Angkatan 50. Ini sa-sudah menjelang tahun 1950.

Sa-belum Masori dan orang sa-angkutan dengan-nya¹ mēmpēlori sajak² baru di-Malaya ini, sajak² tidak-lah mēndapat pērhatian umum saperti pērhatian yang di-bēri kapada pantun³. Hal ini ada-lah mēngikut kēadaan pērkembangan hidup dan fikiran bangsa kita. Dari kēsān⁴ baru yang di-tērima oleh bangsa kita mēmbawa pula kapada anasir yang mēmbēsar chara bērfikir mēreka. Walau pun ini ada-lah satu proses yang mēmbēri harapan baik, tētapi sēgala sa-suatu yang dapat di-hasil sēkarang masēh jauh lagi dari kata: sudah chukup dan sēmpurna.

Bila saya mēmbicharakan tēntang hasil⁵ sajak tidak-lah pula saya hēndak mēmpērkata tēntang kēpēribadian pēnya'er itu sēndiri sēbab mungkin sa-buah sajak yang lahir dalam sa-buah hēntok indah bēlum boleh di-jadikan ukoran tēntang murni jiwa halus pēnya'er itu.

Saya tidak hēndak mēmbēri ukoran yang tērlalu tinggi kapada pēnya'er⁶ yang tēlah bērjaya mēmpērlihat hasil⁵-nya, tētapi apa yang di-lihat sēkarang sajak² yang ada lēbih mēngisi suara⁷ yang bēlum boleh dapat mēnggētar jiwa masharakat. Ini bukan-lah bērerti saya chuba hēndak mēnidakkan ada-nya sajak² yang hērnilai yang dapat mēmbēri bimbingan kapada masharakat atau dapat mēndorong jiwa mēreka ka-arrah mēnyēdari — mēnginsafi sēgala tujuan hidup yang murni dan mēnchapai nilai hidup yang tinggi. Mung-kin pula kēadaan yang tidak mēnyēgar itu oleh aliran yang di-bawa si-pēnya'er ada-lah aliran sēni untok sēni — ayer mēngalir harus ka-sungai — maka dia mēnchipta sa-suatu bukan untok masharakat, tētapi untok diri-nya dan orang⁸ yang sa-aliran dēngan-nya. Kalau bagini wujud-nya sajak² itu, sudah tēntu maksud sajak untok mēmbēri kēsān baik kapada masharakat dēngan sēndiri-nya sudah tidak bērerti lagi.

Sa-belum Tanah Melayu mēnchapai kēmērdakaan-nya boleh di-kata banyak pēnya'er² yang bērmāin di-sakitar soal pērjuangan. Para pēnya'er kita mēmpērlihatkan sajak² pērjuangan dimē-rata² majallah² dan akhbar. Ini ada-lah satu kēadaan yang dapat mēmbēri gambaran akan suasana alam Tanah Ayer kita kētika itu, kētika nēgēri kita masēh di-jajah, kētika anak² jajahan sēdang bērsuara mēminta kēadilan dan kēsēlarasan hidup.

Di-sini saya chuba mēmpērkenalkan pēnya'er yang sudah pun mēningkat — mungkin pula sudah lama tērkenal — orang itu ia-lah Tuan Masuri S. N. Masuri memang sangat prodaktib dalam mēnghasilkan sajak² baru. Ia mula mēnu-lis pada tahun 1944 dan tēlah dapat mēnghasilkan lēbeh dari dua ratus buah sajak². Ia ada-lah pēnya'er yang sēlalu mēnyuarakan mēngēnai kēgēlisahan ra'ayat dan mēmbichara sa-kitar tugas kēwajipan manusia dalam soal² yang lēbeh jauh, tērmasok soal² pērjuangan. Sa-buah buku "Awan Puteh" hasil kumpulan sajak²-nya tēlah di-tērbitkan baru² ini⁴. Buat mēngikuti sajak² Masuri mari kita mēngēnali sa-buah sajak pērjuangan-nya :

Dēmi chahaya mēmanchar dari sēgi harapan
mēmbawa hati bērani rasa akan mēnyiapkan
sēgala chita sēkarang nanti mēngukir mēnang
bērgērak satu barisan gagah di-mana pēnoh
sokongan.

⁴Kumpulan sajak "Awan Puteh" tēlah di-tērbitkan oleh Penerbitan Gēng, Singapore, pada tahun 1958.

Ah, bésar mēmbawa nama dada rela mēlapang
mēnunggu sa-tiap yang mau lalu, yang mau mē-
nērjang
akan ombak tēnaga dari sēluroh pērsatuan
yang sējak mula bērgērak pēnoh sa-ribu harapan.

(dalam: Sa-ribu Harapan)

Dēmikian dua bait dari sajak "Sa-ribu Harapan". Mēm-
bacha sajak ini jēlas mēngērti-lah kita akan diri pēnya'er.
Masuri tēlah mēmpērguna sēni untok tujuan pējuangan —
untok kēmērdakaan Tanah Ayer yang tērchinta. Sa-bagai
manusia, Masuri tidak pula tērasing dari turut mērasa apa
yang di-rasa oleh manusia lain. Kalau di-masa rēnaja sa-
orang pēnya'er mēnchipta sajak yang mēngkesah rasa muda-
nya, maka Masuri pun dēmikian pula. Ikut-lah sajak-nya:

Lēmbut manis dalam kēnangan
di-kēlubong mega puspa ragam
sa-kējap ada dalam rēnongan
di-ulang hilang di-tēlan kēlam.

Mēnanti bila kēsuma hati
sudi kēmbali mēmanchar rupa
dari lindongan tabir bērdiri
tērlukis gambaran mungil kētawa.

Bila mēlihat burong sa-kawan
tērhang tinggi di-langit biru
tērkēnang-lah diri tiada bērtēman
hanya dinda tēmpat mērayu.

(dalam: Kēsuma Hati)

membaca beberapa bait dari sajak "Kesuma Hati" kenal-lah kita bagaimana Masuri di-masa muda-nya. Masa muda-nya mula bergelora seperti juga manusia² lain dengan alam muda-nya. Dan ini ada-lah suatu yang pernah di-lalui oleh panya'er ini.

Di-sini saya memperkenalkan pula sa-orang panya'er yang selalu membawa suara perjuangan, suara meminta para pejuang di-Tanah Ayer agar tampil menyembah bakti. Tuan Afrini Adham boleh di-kata sa-orang panya'er yang selalu membawa suara perjuangan. Afrini telah lama lahir dan hidup di-dalam persajakan. Beliau boleh di-kata orang sama sa-angkatan dengan Masuri dan Halim Anwar. Mari kita mengikut sajak perjuangan-nya:

Debu dan pasir di-persada terbang bersama meninggalkan togo² sejarah.
menjadi tanda diri dan jiwa ta' kenal kewan-
laman! tiada menyerah kalah!
perjuangan kita terus terator — sa-langkah demi
sa-langkah.
Sudah lebih empat ratus tahun Tanah Ayer kita
di-jajah
maka kita akan terus berjuang! berbaris! dan
berdiri dengan tabah dan gagah.

(dalam: Ka-hadapan Dengan Tetap Hati)

Afrini telah berjaya mencipta lebih dari 80 buah sajak yang telah di-siar dalam majallah². Sajak-nya kadang² terlalu panjang hingga ber-belas² bait, seperti sajak "Lanteranya" yang mempunyai lebih dari lima puluh baris. Agak di-sayang panya'er kita ini yang mempunyai harapan baik

di-masa akhir² ini jarang sa-kali kita dapat mengikuti buah pena-nya. Walau pun sēkarang kita tahu bēliau bērgiat dalam gēlanggang politik bēndak-nya tidak pula ia mēning-galkan gēlanggang sastēra. Dēmikian harapan kita.

Pēnya'er yang dapat di-katēngahkan lagi ia-lah saudara Tongkat Warrant. Tongkat Warrant lama di-kēnal dan sajak²-nya sēlalu di-bacha orang dalam pēraduan² mēmbacha sajak. Kēbanyakan sajak²-nya tidak-lah sukar untok kita dapat mēnyēlami isi²-nya. Tidak banyak kata² sulit yang kita bērjumpa yang di-bawa oleh bēliau. Tongkat boleh di-katakan tēlah bērjaya mēnghasilkan sajak² yang indah baik dalam hēntok dan isi. Sajak²-nya sēlalu bērirama lēmbut. Mēmbacha sajak² Tongkat yang lēmbut² itu tidak-lah salah jika kita mēngatakan bahawa Tongkat ada-lah sa-orang yang bērjiwa lēmbut dan halus. Aliran-nya memang adialistis. Di-sini mari kita mērasa satu pērasaan dēngan mēmbacha sajak-nya :

Kami mēngunjongi pusara bonda
sunyi pagi di-sinari suria
wangi bērsēri puspa kēmboja
mēnyambut kami mēwakili bonda.

Tēgak kami di-makam sēpi
lalang² tinggi bērdiri
dua nisan tērkapar mati
hanya papan di-makan bumi.

Dalam kēnangan kami mēlihat
mēsra kasēh bonda mēnatap
sēdang lena dēngan tēlap
dua tangan kaku bērdakap.

(dalam : Ka-Makam Bonda)

Membaca tiga bait dari sajak Tongkat ini maka timbul sendiri satu perasaan dalam jiwa kita — perasaan kaseh sayang dan cinta mesra. Jiwa kita lebih tunduk dengan rasa tawadzok. Ta' ada jiwa ingin membentak. Walaupun irama Tongkat lembut ada juga sajak²-nya yang berisi dorongan dalam menghembus jiwa ka-arah perjuangan. Tongkat selalu membawa suara perdamaian dan keadilan. Dia menggambar kegelisahan ra'ayat dan hasrat ra'ayat. Ini memang sesuai dengan perlambang-nya yang selalu digunakan ia-itu merpati putih. Chuba kita menatap sajak :

Kembali terasa diri untuk mula bertindak
kesegaran merayap mencari darah dan bergerak
memberikan segala yang ada dengan rela
berdiri dengan berani menegah segala bisa.

Akan tunduk menanti janji yang tiada
hanya penyerahan kepada seksa³ neraka
berani berdiri merabut segala benihana
dengan sedar, dengan keinsafan yang sama.

(dalam : Buroh)

Sajak² yang di-bawa oleh Tongkat ini boleh di-kata tidak jauh aliran-nya dengan sajak² Masuri. Mungkin mereka sama mempunyai faham tentang ka-arah mana sajak harus mengalir. Tetapi perbedzaan kecil yang terdapat ia-lah oleh sajak² Masuri lebih keras isi-nya dari Tongkat. Perbedzaan ini tidak-lah pula menjadi satu perbicharaan kita⁴.

²Sajak² buku kumpulan sajak² sautera Tongkat Warrant.

Orang yang keempat (bukan ukoran tinggi darjah mereka dalam sajak, hanya bilangan yang mendapat tempat dalam letakkan saya dalam karangan ini sahaja, sa-benar-nya saya tidak pandai membuat ukoran tentang yang pertama, kedua dan sa-terus-nya dari penyajak² itu) yang harus diingat kembali ia-lah Tuan Halim Anwar. Sajak Halim telah banyak tersiar dalam Utusan Zaman. Beliau ada-lah orang sa-angkatan dengan Masuri dan Tongkat, termasuk juga golongan Angkatan 50. Agak di-sayang di-masa akhir² ini Halim tidak muncul² lagi. Mungkin p'nya'er² muda sekarang yang tidak sempat mengikuti sajak²-nya tidak akan kenal dengan Halim. Halim banyak membentok sajak² perjuangan dan membawa aliran yang tidak banyak simbolik. Dengar-lah sajak-nya:

Biar semangat di-uji
di-hujung besi menyala api
besi dan api ta' menghairankan lagi
janji dan budi saja yang di-hormati.

Kami juga manusia biasa
tau membalas — sanggup berjasa
rela mati di-dalam bara.

(dalam: Sa-Tapak Lagi)

Suara sajak ini jelas membawa pengertian. Dan memang-lah ini satu gambaran yang benar dari keadaan jiwa bangsa kita di-waktu itu. Halim sudah berjaya membawa kenyataan hidup dalam sajak-nya. Barangkali Halim membawa faham seni untuk masyarakat, maka dengan sebab itu sa-suatu yang akan di-lempar kepada masyarakat, di-rasa masyarakat akan dapat mengetahui dan menerima dengan tidak ter-tanya² lagi — harus tidak meraba lagi di-sabalek kata² sulit yang tersembunyi pengertian.

Harapan kita sa-moga Halim tidak akan terus lenyap dari alam persajakan. Kalau ada sa-suatu yang menjadi sèkatan dalam usaha-nya, maka sèkatan itu tidak akan berpanjangan. Mudah'an Halim dapat memurut jejak teman sa-angkatan-nya seperti Masuri dan Tongkat Warrant yang masih meneruskan usaha mereka dalam alam persajakan.

Sa-kian empat orang penya'er kita yang saya kira mereka telah banyak menchipta sajak dan telah matang dalam alam persajakan. Kenyataan ini dapat kita terima bila mana kita telah mengikuti dan memahami detik perkembangan sajak di-dalam Tanah Ayer kita sejak beberapa tahun yang telah berlalu. Mereka ini boleh-lah di-katakan pelopor dari angkatan yang telah terdahulu. Hasil mereka yang banyak chukup-lah untuk menjadi kenyataan dalam kita menghargakan usaha yang di-tumpahkan oleh mereka. Ini pun tidak pula saya menyangkal ada lagi beberapa orang dari penya'er yang turut juga memberi sumbangan dalam lapangan sastra. Sa-kadar mereka tidak sa-banyak mana hasil-nya.

Sa-sudah perkembangan sajak baru di-Tanah Ayer kita. Hari ini dapat pula kita melihat penya'er muda yang ter-lengkong dalam angkatan baru. Penya'er muda ini masing-membawa pula aliran yang tersendiri. Sa-benar-nya saya masih belum dapat membuat satu ukoran yang tepat apakah terdapat perbedzaan antara bentuk sajak yang terdahulu dengan bentuk sajak sekarang dan sa-jauh mana pula-kah terdapat perbedzaan itu?

Sekarang mari pula kita mengenali penya'er muda kita yang turut bersama hari ini memberi bakti dalam mengembangkan hasil sastra bangsa. Kegiatan mereka dalam menghasilkan sajak sekarang ada-lah sungguh membanggakan kita. Hanya di-luar pengetahuan kita ada-kah mereka mem-

punya satu tujuan atau ka-arrah mana mengalir-nya sajak¹ mereka? Ada-kah sajak² mereka sudah benar² membawa pernyataan dari keadaan masyarakat atau ada-kah pula sudah benar² dapat memberi tapak tempat berpijak kepada masyarakat. Agak payah bila mana soal ini akan saya bicarakan. Tetapi dengan sa-chara yang ringan saya chuba memberi beberapa garis kasar tentang penya'er² muda kita sekarang.

Di-antara penya'er² muda sekarang saya chuma memperkenalkan saudara Noor S. L. — saudara Noor membawa sajak yang banyak kata² simbolik. Sajak-nya jarang benar dapat di-fahami dengan begitu mudah, dan sukar pula dapat di-hurai dalam mendapat maksud yang hakiki. Dengarlah sajak-nya :

Di-bawah pelangi dunia
anak pertama berdiri. Berchanda
sa-buah nada tertikam belati tua
mengalir rachun ka-dada membasahi otak dan
kepala.

Di-bawah kenangan menjelma
dunia hijau mengalir kertakan kedua
kembali manusia di-perhitungan terlunta
menchapai tujuan. Menuju hidup bernoda

(dalam: Sa-Pasang Bunga Merah)

Saudara Noor selalu membawa kata² yang tinggi dan kadang² susah untuk di-jadikan pengucapan. Walau bagaimana pun kita tetap mengakui tentang keindahan penyusunan bahasa yang di-bawa oleh saudara Noor itu. Sa-benar-nya saya tidak pandai menudoh, tetapi pada pan-

dangan saya tidak-lah salah kalau saya katakan Noor bër-faham seni untok seni dalam mēmbawa sajak. Mungkin pula di-sini-lah tērlētak pērbedzaan antara saudara Noor dan angkatan yang tēlah tērdahulu dari-nya. Saya tidak hēndak mēnyalahkan aliran yang di-bawa ini, kērana saya tētap akui: bahwa tiap manusia ada-lah bērhak mēmilih apa juga faham.

Pēnya'er muda lain tērdapat pula saudara A. Samad Said. Sajak² A. Samad kērap juga bēraliran romantis. Di-masa² lampau pērchintaan ada-lah mēnjadi objek dalam sajak-nya, hanya kēmudian baharu kita mēlihat sajak² yang bērchorak mēmbēri sēmangat ra'ayat dan baharu dia mēnyēntoh soal² kēmānusiaan. Mari kita mēndēngar isi sajak dari A. Samad Said :

Langit dalam daerah kēmarau ini
mati pēnjaga hēlang bawa bērita jauh
dan dinda yang tērtundok di-antara lingkaran
dahan mati
maseh mēnunggu pēsān tiada pērnah bērlaboh.

Langit dalam daerah kēmarau ini
mati pēnjaga hēlang bawa bērita jauh
dan dinda yang rēmok kēmpunan kabar dari
kēkaseh
dalam kēsēpian kēmbali tiada bērtēdoh.

(dalam : Kēmarau Di-Lingkaran Dahan)

Walau bagaimana pun A. Samad ada juga mēmbawa kēnyataan hidup kita. Sajak-nya kadang² samar² dapat kita mēnyēlami pēngērtian. Dan ada kafa-nya lahir dēngan nyata maksud-nya. Mari pula kita mēngikuti sa-buah sajak-nya :

Moyang kami yang papa mēstra bērbudi bahasa
mati tērantai kaki-nya, tērchēlek hampa mata-nya
tanah pusaka indah subur mērata
untuk kita waris-nya — pēnyambong chērta
dērta.

(dalam: Titisan Darah Di-Tanah Indah)

A. Samad Said ada-lah orang yang boleh di-harap dapat berjaya mēnghasilkan sajak² yang lēbeh banyak lagi. Sajak A. Samad akan lēbeh mēmbēri kēsān kapada masharakat. Ini kalau dia tidak tērlalu mēmbawa sajak² yang bērsimbolik. Di-samping A. Samad mēmbicharakan soal diri sēndiri maka bērani pula ia mēmbicharakan soal masharakat dan soal bangsa tērus kapada soal dunia. Sa-buah sajak-nya yang bērnama "Runtoh" (lihat Bahasa kēluara pērtama¹) ada-lah sajak yang sudah mēnyēntoh soal dunia dēngan sēgala pēristiwa di-dalam-nya. Mēmbacha "Bahasa" kita akan bērtēmu dēngan kupasan sajak itu².

Di-antara pēnya'er³ di-Tanah Ayer kita jarang bēnar kita bērtēmu dēngan pēnya'er³ wanita yang boleh di-kata bēnar³ tēlah mēningkat. Kalau kita akan bērtēmu barangkali tidak ada orang lain hari ini sa-lain dari Salmi Manja³.

1) Majalan "Bahasa" ini di-tēbitkan oleh Persatuan Bahasa Melayu University Malaya Singapura. Keluaran pērtama-nya itu tēbit pada bulan Januari — April, 1957.

2) Kupasan sajak ini tēlah di-buat oleh saudara Kas-

3) "...tidak ada orang lain hari ini sa-lain dari Salmi Manja" seperti yang di-maksudkan oleh penulis rēchana ini, sudah tepat lagi jika kita mēngikuti pērkembangan pērsajakan kita hari ini. Kita akan bērtēmu dēngan banyak lagi pēnya'er³ wanita yang tēlah muncul dēngan sajak-nya, seperti Maimunah H. Omar, Anis Sabirin, Bekiah Aku Bakar, Aida, Salman Mahsun dan bēbarupa orang lagi. Dalam hal ini kita tidak pula menyalahkan penulis rēchana ini, kērana pānfangen-nya ini di-bikān-nya kētika dia menulis rēchana-nya ini. Kētika itu nama³ seperti yang di-sebutkan itu masih belum muncul atau belum bagitu mēndapat tempat di-hati pēmbacha dan masharakat.

Salmi boleh di-kata satu²-nya pēnya^{er} wanita yang mēndapat tēmpat utama dalam pērsajakan hari ini. Irama yang di-bawa oleh Salmi di-dalam sajak²-nya tidak-lah tērlalu mēngkaborkan sangat. Hanya tēr-kadang² kita bērtēmu juga dēngan sajak² yang mēngisi kata² yang bērat di-faham. Walau pun begitu Salmi tēlah bērhasil mēmbawa sajak-nya. Salmi sēlalu pula mēmbawa hasrat ka-dalam sajak-nya. Ini mēmbēri satu kēnyataan kapada kita bahawa Salmi ada-lah hidup bērsama masharakat dan turut mēnyata akan hasrat masharakat. Mari dēngar sa-buah sajak-nya :

Mata ibu mulai mandong
ada ayer-nya jērneh bērtakong
bērkaseh juga di-tēngah duka
“pērgi-lah manja, anak bonda!”

Sinandong mēsra tērlupa sudah
dalam rangkuman sumpah yang indah
pērduli pada jalan yang rētak
sēkarang hasrat sudah di-punchak.

(dalam : Yang Agong)

Aliran yang di-hawa oleh Salmi kadang² sama pula dēngan A. Samad Said. Apa-kah itu mērupa kēbētulan saja atau sa-balek-nya ada-lah di-luar pērkiraan saya. Salmi boleh di-kira tērmasok dalam golongan orang yang tēlah banyak mēnchipta sajak² dan mēndapat pērhatian baik pula dari pēmbacha. Sa-buah sajak-nya yang boleh di-kira baik mari kita bacha :

Tēringat huluran dērma yang mēsra
di-iringi pēnguchapan mēkar tērsusun
hari chēmērlang limpahan chahaya
mēmēstai bunga sa-kuntum di-dusun.

“Damak” kēsayangan kami.

Bēr-kalong² pēngakuan mēmbēnarkan
mēmēlok pēngorbanan bērbalas
dari dērma bērpanjangan
tērsujud di-gambaran luas.

“Damak” pēngangan kami.

(dalam : Damak)

Di-chelah² barisan pēnya'er muda sēkarang agak tidak-
lah dapat kita mēninggal sa-orang dari tokoh-nya yang sē-
ring mēnjelma dalam sajak²-nya. Bēliau ia-lah saudara M.
Ghazali. Saudara ini lēbeh suka mēngguna kata² yang
tinggi² di-dalam sajak-nya. Kērana itu sajak-nya jarang sa-
kali dapat di-fahami dēngan bagitu mudah. Chuba kita
bacha sajak-nya :

Di-pēndalaman hati gērimis sēlalu mēng-ajak²
gēntal madu di-rachuni darah
mērata titek² jiwa yang kēring
antara kēdataran tanah dan awan
dinihari aku tērsēdu bērchērita.

Bila di-suboh hari mega bēr-bisek²
aku ta' mēngerti kēkuningan warna-nya
mēlewati jalan² ku tērpēnchil ka-sudut suram
mēnangis — mēnanggong rindu ta' sampai.

(dalam : Di-Luar Diri)

Sa-benar-nya saya sēndiri amat sukar dapat mēmbēri pēngērtian tēntang sajak ini. Apa-kah sajak ini sudah bērhasil mēnjadi sēni untok masharakat? Boleh jadi M. Ghazali bērpēgang: walau pun sa-sabuah sajak itu tidak dapat di-faham oleh masharakat, maka sajak itu maseh bērupa sēni untok masharakat juga. Boleh jadi pula fahaman-nya: sēni ada-lah untok orang yang mēngērti. Sajak-nya di-pēr-sēmbah kapada orang yang mēngērti, bukan kapada masharakat umum. Kalau bagini fahaman-nya sudah-kah ia dapat bērhasil mēmbawa: sēni untok masharakat? Bērapa banyak-kah masharakat yang dapat mēngērti sajak²-nya itu? Saya mēnyangkal kata M. Ghazali dalam Utusan Zaman 20 July, 1958. Kata-nya: Yang pada sēluroh sajak itu amat-lah sukar di-faham, dan kalau sēnang dan mudah tidak-lah mēliputi sēluroh. Dan sajak yang sēnang di-faham boleh juga tērwujud sa-bagai cabang sastēra. Chuba lihat sajak² Tongkat Warrant yang tidak banyak mēngguna kata² bērbēlit, apa-kah sajak "Ka-Makam Bonda" tidak tērwujud sa-bagai cabang sastēra?

Apa yang di-katakan oleh saudara Kasim Ahmad si-orang mahasiswa dari University Malaya ada-lah suatu pēndapat yang baik (lihat Dewan Bahasa kēluaran July, 1958). Kata-nya: Sastēra bukan sa-orang dewi yang di-tugas Brahma untok mēnghibor manusia tērkutok di-dunia ini, tētapi sa-buah kandil yang mēnērangi fikiran, hati, dan jiwa makhluk yang bērbahagia³. Oleh mēnghadapi kēnyataan ini-lah maka saya bērsēpēndapat dēngan saudara Kassim bahawa sajak yang sukar di-faham tidak akan dapat mēnērangi jiwa manusia — bēlum dapat bērhasil untok mēmbimbing masharakat mēnuju ka-jufan murni. Dēmikian pēndapat saya.

²Rincian yang di-tulis oleh saudara Kasim Ahmad itu ada di-muatkan di-dalam buku ini, bērtajuk "Aliran" Yang Terbaharu Di-Dalam Pērwajakan Melayu".

Walau bagaimana pun M. Ghazali boleh-lah di-ketengahkan sa-bagai pēnya'er muda angkatan sēkarang. Dan apa juga pēndapat dan faham-nya yang di-bawa itu ada-lah soal-nya sēndiri. Dia bebas mēndukong faham-nya.

Mēnyinar hidup-nya baru
dari kawan
di-medan pahlawan.

Hujan tajam di-bumi
di-bawah chērpu Tuhan.

(dalam: Dari Kawan)

Sajak A. S. Amin boleh-lah di-ketengahkan dalam angkatan sēkarang. Kērap pula sajak²-nya bērnafas kēras. Ia mēnyēntoh soal kēmērdakaan. Chuba dēngar:

Pērasaan tertēkan di-dalam dada
pēnjajahan mēnchēngkam sēgala daya
ra'ayat miskin dari desa ka-desa
dan dēndam mēnyala mēmbakar jiwa.

Tunas muda tērkulai patah
tumbuh lagi bēneh di-tanah
api di-sēkam tiada kēlihatan
kēlak mēnyala mēmbakar hutan.

(dalam: Jiwa Mērdaka)

Kata² yang sukar dan susah di-faham di-bawa juga oleh saudara A. S. Amin. Kita tidak hēndak mēnyalah kalau aliran itu di-bawa kērana soal-nya sēndiri (*soal individu*). Lihat sajak-nya:

Ketinggalan sa-minggu di-rasa
kau yang penuh harapan
bersinar antara cahaya senja.

Malam resapan di-tangan sendiri
suara menggegar dan menyatu
menjalar kenikmatan hati.

(dalam : Tahun Pertama)

Dua orang lagi penya'er yang saya suka kenalkan di-sini ia-lah saudara Jihati Abadi dan Nahmar Jamil. Dari apa yang dapat di-ikut dalam karangan yang telah berlalu mereka berdua ini berani saya katakan ada-lah berfahaman seni untuk seni. Faham ini mungkin di-bawa sa-sudah mereka berjaya menchipta sajak² yang lebih tinggi dan lebih meningkat dari mula mereka mengenal alam sastera. (Tak tahu-lah kalau di-masa ini sikap dan fahaman itu telah berubah). Jihati lebih suka membawa sajak yang bahasa-nya ber-belit² — ber-lingkar². Mungkin dia berfahaman: pernyataan hati harus di-keluarkan dengan bebas. Rasa-nya tidak mesti menjadi rasa masyarakat pula. Walau pun begitu di-zaman mula muncul-nya sajak² yang di-bawa masih nyata². Hanya sekarang dia lebih suka irama sajak²-nya ber-lingkar². Perhatikan sajak-nya :

Dalam penekanan jantung hidup menikmati budi
sujud berdui mengharap "rahmat dan abadi".

Tidak terdampar di-bumi melara dalam menanti
rahmat-nya

ténang mēnghadapi tērmata — di-gapura nēr-
ubahan!!!
sēpi khabar di-rantau-mu dalam mēnghorong
hidup
sa-sama-lah bērdendang di-irama "ténang dan
térang".

(dalam: Chèrita Di-Rantau Pēnya'er)

Saudara Jihati akan dapat lēbeh bērjaya dalam mēng-
hasil chiptaan sajak, ini kalau dia lēbeh bērgiat. Sa-bajai
sa-orang yang sudah tēntu sajak²-nya tidak dapat mēngatasi
sajak² orang yang tēlah tērlēbeh dahulu lagi dari-nya. Hal
ini tidak mēngēchewakan kērana harapan ia akan mēningkat
masih baik.

Saudara Nahmar pula ada-lah orang pēmuja kata² indah.
Kalau sajak-nya tidak bērisi kata² indah tinggī dia bēlum
mērasa puas. Dan dia lēbeh suka mēnggunakan kēindahan
alam saperti: bintang, bulan, langit, awan dan lain² dari kē-
indahan chiptaan Tuhan di-dalam sajak-nya. Nahmar mung-
kin sa-jalan dēngan Jihati, tētapi Nahmar kadang² lēbeh suka
mēmbēntok sajak² yang pendek². Pērhatikan sajak-nya:

Bētapa indah mimpi di-banding tēmasha sēnja
Bētapa mērdu nada di-banding musik piano
di-bawah puchat langit di-atas kēpinchangan
sēgala kēhidupan
adek-ku manis kita sa-makin jauh dari jalan ka-
bulan.

(dalam: Sa-makin Jauh)

Demikian hanya empat baris itu sahaja sajak-nya. Sajak Nahmar sering pula tidak merupa sa-suatu yang membicarakan soal masyarakat — soal kehidupan ra'ayat, yang di-bawa selalu ia-lah soal individu — soal antara dia dengan keka-seh-nya atau dia dengan sa-orang manusia lain. Lihat sahaja-lah sajak²-nya yang selalu di-tuju khas kepada manusia² pujaan-nya. Dengar sa-buah sajak-nya lagi:

Hendak ka-mana kami dengan gitar yang ta' ber-
erti ini

kata mereka lagu² kami ta' bernilai budi
sedangkan nyala cahaya sa-boah lampu setia
menerangi

kepingan lambaran sajak² terus lahir ta' berkaki.

Oh, sa-belum maut mengintai dengan mata ke-
jam-nya

sa-belum kuntum chita gugor bertaboran
chinta kami tinggal sa-potong bulan sabit
dan penghabisan ayer mata yang akan menitis
di-kuboran!

(dalam: Harapan)

Sajak ini di-tujukan kepada Masuri S. N. Walau bagaimana pun saya tidak hendak menapi ada-nya sajak² Nahmar yang menyuarakan perjuangan dan dalam bahasa yang mudah di-faham.

Sa-kian-lah saya bawa mengenali ahli² panya'er kita yang telah pun meningkat dan yang sedang meningkat. Dan tentu sekarang ini ada banyak lagi tunas² muda yang baru

muncul belum-lah dapat di-katakan telah berjaya menghasilkan sa-suatu ciptaan dalam erti meninggi nilai sastera — dan belum juga bererti dalam kata: mendekati masyarakat ka-araf satu pengertian hidup yang murni. Ini dalam jumlah yang banyak. Yang mengkehewakan mereka dalam menchapai suatu bentuk yang baik dalam aliran persajakan ia-lah oleh panya'er muda selalu membawa bentuk khayal — soal perhintaan yang saya rasa ini ada-lah soal lapok untuk di-bawa dalam bentuk sa-buah sajak. Soal ini ada-lah soal lama dan tersangat banyak di-bawa oleh panya'er yang terdahulu. Membawa lagi soal ini, maka lapangan sastera kita ada-lah sudah merupa lapangan yang membiharakan soal diri dengan diri atau soal individu. Dan ketika itu sastera yang hakikat-nya itu mempunyai perhubungan dan pertalian rapat dengan masyarakat sudah-lah menemui jalan pengertian yang lain.

Saya tetap berkata bahawa sa-lama sajak tidak dapat memberi bimbingan kepada masyarakat — sa-lama panya'er tidak dapat menyatu diri dengan segala sa-suatu yang bergolak di-dalam masyarakat-nya — sa-lama sastera tidak dapat menimbulkan kesedaran dalam diri dan hati ra'ayat dalam menchapai garis hidup yang murni, maka sa-lama itu-lah hasil sastera tidak boleh di-kata penting lagi. Sajak ini pun harus pula di-sesuaikan dengan keadaan dan suasana zaman — zaman penjajahan dan zaman kemerdekaan atau di-antara zaman kejahilan dan zaman kesedaran.

Apa yang menjadi satu tanda-tanya kepada kita sekarang ia-lah tentang: apa-kah masyarakat kita yang jahil dalam memahami sajak atau para panya'er sendiri sudah menyimpang jauh dalam membawa sajak-nya? Kita bertemu dua kenyataan ini. Untuk memechah-nya saya chuba memberi dua pernyataan:

- (i) Masyarakat memang masih buta dalam mengetahui hakikat sa-sabua sajak. Ini di-hitung panjang. Masyarakat seperti ini ada-lah orang² yang me-lembar jauh soal² sastra bangsa-nya. Mungkin pula karena sastra satu soal yang baru ber-kem-bang jadi sudah tentu mereka tidak mempersoal lagi karena dia sudah jauh di-tinggal oleh zaman, zaman aliran baru dalam dunia persajakan — ba-gitu pun tidak pula mengechewakan kita karena ada sa-golongan yang menchintai sajak².

Golongan ini terbagi pula kepada dua: golong-an mereka yang menchinta sajak, sedang mereka masih belum dapat menchapai maksud di-bawa oleh sajak itu. Mereka masih me-raba² dan samar² di-dalam memahami sa-buah sajak, terutama sajak² yang tinggi dan bersimbolik. Ini ada-lah golong-an umum yang menchintai sastra. Dan satu golong-an lagi ia-lah mereka yang telah berhasil men-chipta sajak dan tahu pula membuat tafsiran sa-clara subjektif terhadap sajak² lain dari sajak-nya sendiri. Golongan ini-lah yang paling sedikit.

- (ii) Para panya'er kita sekarang sudah menuju ka-arrah satu aliran baru. Saya tidak hendak mengata ba-hawa aliran² itu salah atau tidak termasuk sastra yang indah. Apa yang saya biclra yang menjadi objek ia-lah tentang penerimaan masyarakat ter-hadap hasil sajak² itu. Dengan keadaan masha-rakat sekarang para panya'er membawa sajak²-nya dalam bentuk yang susah di-faham ada-lah mengechewakan. Kalau ada orang yang mengatakan: sa-benar-nya bukan panya'er itu yang bersalah,

tetapi masyarakat-lah yang ta' mahu mempelajari dan mendalami sajak itu. Alasan ini tidak dapat di-terima dengan baik, kerana hari ini ia-lah zaman membangun. Masyarakat masih buta dalam soal sastra. Kebutaan ini di-sebab sajak² ada-lah benda baru yang menjelma ka-dalam masyarakat kita. Pun ini ada-lah bertali dari kesan penjajahan yang dulu tidak mencherdaskan ra'ayat untuk mempelajari soal² sastra umpama-nya. Kalau hari ini masyarakat kita semua-nya telah benar² memahami sastra maka tidak-lah mengechewakan kita membawa sajak² yang tinggi² itu untuk di-jadikan alat dalam menyempurnakan kata: sastra alat pembimbing masyarakat. Ini saya tidak hendak menyalahkan orang yang membawa bentuk yang tinggi² dalam sajak-nya kalau sajak itu membiharakan soal antara dua — antara si-pencipta dengan sa-orang, orang lain — soal yang bukan menyentoh keadaan masyarakat atau soal memberi penunjuk jalan, seperti mengajak kembali ka-jalan suchi orang² yang telah menyimpang ka-jalan lain.

Sa-benar-nya kita di-Malaya ini tidak dapat menurut jejak di-Indonesia yang mana di-sana soal sajak atau puisi sudah mendapat tempat yang baik bagi para angkatan muda dan masyarakat. Di-Indonesia banyak di-adakan tempat pelajar berlatah dan ber-lumba² dalam lapangan puisi. Perhatian umum dari masyarakat sudah lebih jauh, tidak seperti di-Tanah Ayer kita ini. Jadi soal sajak di-sana bukan lagi soal asing bagi masyarakat. Maka dengan demikian tidak-lah mengechewakan bila mana sajak² di-sana lahir dalam apa juga bentuk. Dari seluruh kepulauan di-Indonesia muncul banyak penya'er² mengisi hasil sastra. Lapangan puisi di-sana sudah meluas dan mendalam.

Bila saya chuba membawa pandangan ini, tidak-lah saya chuba pula hendak mengēnēpikan hasil² yang di-bēri oleh pēnya'er di-Tanah Ayer kita sēkarang. Saya tētap mēn-junjong dan bērbangga dēngan ada-nya banyak pēnya'er² kita yang malu mēndukong sastēra bangsa-nya dan mēmbawa pula sastēra itu ka-arrah satu jalan yang murni. Apa yang saya bichara yang mēnjadi titek bērat ia-lah tēntang pēnērimaan masharakat tērhadap sajak² yang tidak mēngalir mēlalui aliran sēni untok masharakat. Sa-moga saya bērharap ada lagi dari para bijak pandai kita — tērutama para pēndukong sastēra, akan mēmbicharakan soal² sastēra — soal puisi atau sajak itu dēngan sa-chara yang lēbeh mēluas dan lēbeh mēmbēri pēngērtian. Akhir-nya sa-kali saya bērkata bahawa: *bila mana sastēra sudah tidak dapat di-jadikan alat pēmbimbing — pēnyuluh — pēnyēdur dan pēngasoh masharakat, maka dēngan sēndiri-nya nilai sastēra itu sudah tidak ada lagi.*

Dalam rēchana ini, studera Ahmad Badri Faris telah mēngulas sa-mara sambil lalu hasil karya sa bilas orang pēnya'er Melayu di-Malaya. Dalam pērkembangan sajak di-negeri kita sēkarang ini, bebberapa orang lagi pēnya'er muda telah muncul lagi dēngan hasil karya masing. Dimaklun juga dēngan bebberapa orang pēnya'er warita.

Rēchana ini telah di-pinujukkan dari majallah "Guru" kēluaran istimewa mēnyambut gēlap umor-nya 33 tahun pēnyērtian-nya pada tahun 1955. Majallah "Guru" di-terbitkan oleh Jabatan Pēnērangan Kēsahuan Pēmekutaan Guru Melayu Sēmēnanjōng (KPGMS).

ALIRAN YANG TERBAHARU DI-DALAM PERSAJAKAN MELAYU^o

(Oleh: Kassim Ahmad)

Mengikuti dan memahami perkembangan^o di-dalam sastra kita tidak kurang penting-nya dari mengikuti dan memahami lain^o hal yang bersangkutan paut dengan negeri kita. Malahan terlëbeh dari itu yang hendak di-katakan di-sini: ia-itu perkara tersëbut ada-lah satu^o-nya tanggung-jawab lapisan terpelajar kita (dengan "terpelajar" di-sini di-maksudkan "mereka yang boleh membacah dan menulis"). Ada bukti^o bahawa masyarakat kita sedang menaruh minat yang tinggi terhadap hal ini. Ini ada-lah satu tanda yang sehat. Tetapi dalam pada itu pun sudah pula terlihat isyarat^o merbahaya. Sudah dapat kita merasai haba^o pengaruh yang mungkin akan mengancam pertumbuhan dan perkembangan sastra kita khusus-nya dan masyarakat kita umum-nya jika kita kurang waspada.

Sajak sa-bagai seni sastra perlu mendapat perhatian umum sa-bagaimana pantun pada masa-nya telah mendapat perhatian itu. Sayang kita tidak boleh menyatakan bahawa kedudukan sajak di-sisi masyarakat kita sekarang sa-baik

^oSa-bagai lanjutan kepada rencana "Sajak Tentang Perkembangan Sajak Di-Melayu" oleh saudara Ahmad Bahi Fard di dalam bab yang lalu. Maka di-tuliskan pula rencana "Aliran Yang Terbaharu Di-Dalam Persajakan Melayu" oleh saudara Kassim Ahmad ini.

kedudukan pantun pada waktu-nya. Pantun memang lebih mudah di-faham — itu satu kemestian kerana ia adalah hasil satu masyarakat yang masih lurus dalam segala hal pengurusan-nya, satu masyarakat yang tidak mengenal kilang dan jentera dan segala alat kelengkapan yang menjamin kehidupan sa-suatu negara keindustèrian. Masyarakat sekarang lebih meragam dan bentuk puisi yang di-lahirkan-nya tidak dapat tidak lebih meragam pula — lantas sajak. Justeru kerana ini maka kita tidak harus membenci sajak jika ia sukar di-faham. Dan itu tidak pula bermakna bahawa sajak itu harus selalu-nya sukar atau kesukaran itu satu-nya sifat sajak. Andaikata masyarakat tidak dapat menikmati sajak² yang di-tulis oleh para penyajak-nya, maka ada dua kemungkinan: boleh jadi masyarakat itu belum terlatih di-dalam hal memahami sajak, atau para penyajak-nya sudah tidak mengetahui tugas mereka. Kemungkinan yang pertama ada pada masyarakat kita, tetapi itu lebih² kerana sa-bahagian besar daripada masyarakat kita buta huruf (dengan itu buta-sastèra) dan bukan kerana mereka dari asal tidak mempunyai bakat untuk meminati sajak!

Kebetulan-nya kemungkinan-nya yang kedua itu-lah yang harus kita pertimbangkan dengan sa-chara tidak olok² lagi.

Terlebih dahulu biar-lah kami bertèrus-tèrang bahawa kami menolak sama sa-kali pendapat yang mengatakan seni itu wujud di-dalam sa-buah dunia-nya yang tersendiri ia-itu asing daripada masyarakat (dengan segala keburokan-nya). Ini, agak-nya, dapat di-tèrima oleh semua orang kerana hakikat-nya (ia-itu seni tidak boleh di-pisahkan dari masyarakat) sangat jelas, tetapi bila timbul sa-suatu bentuk seni yang sa-olah² menyangkal hakikat tersebut maka masa'alalah menjadi lebih sulit. Dan sa-sungguh-nya masa'alalah ini — masa'alalah

pērlu-nya sēni mēmbayangkan aliran² yang pēnting di-dalam masharakat -- tidak-lah sa-bagitu gampang.

Justēru di-sini-lah tērlētak-nya ērti kita mēmahami aliran² di-dalam pēr-kembangan sajak² kita. Jika pēnyajak² kita bētul² bērbakat, maka aliran² yang kita pērhatikan di-dalam sajak² mēreka ta² dapat tidak akan mēnunjokkan jurusan² yang mungkin di-ikuti oleh masharakat kita.

Bēbērapa tahun dahulu sa-bēlum mērdēka, Masuri S. N., Tongkat Warrant, S. Ahmad Said dan satu dua lagi pēnyajak² kita turut mēnggambarkan pēndēritaan hidup bangsa kita, kēgēlisahan mēreka dan pērjuangan mēreka mēnuntut kēbebasan. Sēgala ini — pēndēritaan, kēgēlisahan, pērjuangan — ada-lah kēnyataan hidup bangsa kita yang tē-pēnting waktu itu. Dēngar-lah Masuri:

Pandang-lah kami
yang sēngaja mēnjēmor diri
dalam sawah lumpor bērbau
punya kawan dēngan kērbau lēmbu
kērana kēwajipan bukan untok sēndiri
kami tidak minta jadi dewa-dewa
pandang-lah kami dēngan apa kami bēri.

— *Pandang-lah Kami.*

Tanya-lah — siapa mahu
sa-ribu tahun mundar-māndir jadi abdi
mē-ngisut² bērgērak mē-ngēloh² bērtēriak
lēpaskan aku dari gua gēlap mati
lēpaskan — lēpaskan aku kēadaan ini
tiada bērbintang dan pēnoh mimpi.

— *Mēlangkah Sēkarang.*
(Mastika, June, 1953)

Ah, bésar mēmbawa nama, dada rela mēlapang
mēnunggu sa-tiap yang mahu lalu, yang mahu
mēnērang
akan ombak tēnaga dari sēluroh pērsatuan
yang sējak mula bērgērak pēnoh sa-ribu harapan.

— *Sa-ribu Harapan.*

Sapērti mana Masuri, bagitu juga Tongkat¹⁾ dan
Samad²⁾ (untok mēnyēbut dua nama sahaja) masing² mēm-
bērikan bēntok kapada aliran² yang tērpēnting di-dalam ma-
sharakat bangsa kita dēngan gaya³-nya sēndiri. Dēngar-lah
Tongkat:

Bumi kita tēmpat mēlētakkan sēgala nēraka
bumi kita tēmpat mēngambil sēgala harta
dan kita hanya mēnērima sisa
pēnyambong hidup hari esok dan lusa.

— *Pertemuan Sējēnak (1955)*

Biar pēnikaman mēnikam tulang
dēngar-lah jēritan tani di-ladang
dēngar-lah tēriakan buroh di-kilang
sama bērsatu bērjuang mēnēntang.

— *Malayan (1955)*

Dan dēngar pula A. Samad Said:

Moyang kami yang papa mēstra bērbudi-bahasa
mati tērantai kaki-nya, tērchēlek hampa mata-nya
tanah pēsaka indah subur mērata
untok kita warith-nya — pēnyambong chērita
dērita.

— *Titisan Darah Di-Tanah Indah (1955)*

1) Osman Awang

2) A. Samad Said

Langit chërah di-daerah ini ada këmësraan-nya
di-malam hari
përahu² layar bërsaingan di-kacha ombak pëchah-
an bulan
dan gadis manis yang këmajaan mënunggukan
këpulangan këkaseh sayang
ah, di-mata-nya këmarau चाहया, di-hati-nya
këmarau चिन्ता.

— *Këpulangan Përahu Layar-nya* (1956)

Di-dalam sajak² di-atas kita mëndëngar dëngan jëlasya suara² yang sayu dan sëdeh, yang gëlisah dan yang bëngis. Dan sa-bënar-nya itu-lah këadaan jiwa bangsa kita waktu itu: Sëlalu-nya mëndërita, sëring-kali gëlisah sa-kali sa-kala bëngis. Tëtapi bagi kita ada satu përkara lagi yang mënarek përhatian: ia-itu këjëlasan suara itu. Sabiji² këluar-nya, dëntam-dëntum; tiada siapa yang tidak mungkin mëndëngar-nya.

Bagitu-lah këadaan sajak² kita di-tahun² sa-bëlum mërdeka. Apabila kita mëngkaji përkëmbangan-nya di-tahun² yang di-bëlakangan ini, maka satu suara lain pula yang kita dëngar. Bëlum lagi tëpat, bëlum lagi jëlasya, sa-akan² tër-kulum përkataan²-nya, tëtapi suara itu suara yang lain. Apakah satu pënyakit sudah mënghinggapi pënyajak² kita, atau apa-kuh mërëka bëtul² mënyuarakan batin bangsa kita yang tëlal hilang këtëgasya-nya?

Ini satu soal yang paling pënting tëtapi tidak mudah hëndak di-jawab. Apabila kita mëmëreksa barisan para pënyajak kita dari Masuri hingga sëkarang kita akan mëlihat banyak wajah² yang baharu. Masuri masëh mënulis lagi. Tongkat hanya sakali² munchul dan Samad juga giat. Tëtapi antara mërëka dëngan angkatan yang tërbaru ini sudah

térlihat satu pèrbatasan. Mèreka maseh jélas (sungguh pun kejélasan Masuri nampak-nya sudah mènchapai chorak lain akhir² ini). Dan rakan² muda mèreka — antara-nya Noor S. I. (walau pun ia satu masa tèmrasok di-dalam golongan yang pèrtama). M. Ghazali, A. S. Amin dan bèbèrapa orang lagi — kabor di-dalam pènguchapan-nya dan mèreka bëlum lagi mèmponyai satu pandangan hidup yang tèrang. Mèreka ashek bèrmain dèngan kata² yang indah. Apa-kah di-sabalek kata² yang indah itu ada isi atau kènyataan yang indah pula ada-lah satu tanda-tanya.

Baik-lah kita dèngarkan apa² juga yang hèndak di-uchapkan oleh pènya'er² muda kita. Ini Noor S. I. :

Di-laut. Ada chèrmin di-muka ayer bèrwarna
usia bèrlalu di-bawah nèracha. Tua

Bulan mènghambang sèdang wajah di-kamar.
Mèngalir
sa-ribu kèpala mènghitong ranchangan bèrachun
ombak mènèrpa di-pantai. Dan hati-nya di-pasir
tèrbènam sa-bilah hèlati di-dada bèrdarah-lah
sa-tahun.

Di-bumi. Tinggal pètualang di-pintu chinta buta
hidup bèrhias rasa manusia. Bèrsama.

— *Sènja* (Mastika, February, 1958)

Ini M. Ghazali :

Di-tèpi jurang
tèlaga dua bèrtèntang
tumpahan harapan anak² desu

Pëtualang di-daerah bulan
rindu ka-amanan hati-nya
sa-kali bulan bērlaga
manusia pada-nya bērgugoran

Angin dingin di-sudut jëndela
aku lambaikan tangan
sēlamat jalan!

Mata bērkacha tēlaga
chērah fajar dingin ayer-nya
hati mēsra.

Dua Tēlaga (Mastik May, 1958).

Ini A. S. Amin:

Kētinggalan sa-minggu di-rasa
kau yang pēnoh harapan
bērsinar antara cahaya sēnja.

Malam rēsapan di-tangan sēndiri
suara mēnggēgar dan mēnyatu
mēnjalar kēnikmatan hati.

Khayalan dan bimbang.

Tērsentuh pada intan dan kacha
kēlipan di-chērpu angkasa
hidup mēnēmpoh kēmunchak.

Hijau mēnyusun indah
malam mēnyambong sējarah
yang mērimpat di-jalan payah.
Hiba dan sunyi.

— *Tahun Pērtama (Utusan Zaman 16.2.58)*

Itu-lah tiga buah sajak, bekas tangan tiga daripada penyajak² muda kita, di-perturunkan dengan sa-penoh-nya. Bandingkan mereka dengan sajak² yang terbaharu oleh Masuri, Samad dan Tongkat, maka kita akan melihat perbedzaan-nya.

Ini nasi yang ku-suap
pernah sa-kali menjadi padi harap
melentok di-puput angin pokok-nya kerap
tenang berisi tundok menatap.

— *Masuri, Nasi Yang Ku Harap*
(Dewan Bahasa, April 1958)

Satu ketika neraka kita punya
di-dalam-nya api dan kita bara
kau entah ka-mana, aku tetap ada
aku entah ka-mana, kau tetap ada
kita berjuang sampai ka-pusat neraka!

— *Samad, Gëgar* (Mastika, April, 1958)

Berat langkah pengawal jalan bertapak
hati penjual pisang sesak berkochak
"he, — lu lesen ta' ta'
lu tutup jalan ha?"

— *Rustam (Tongkat), Penjual Pisang Di-Kaki Lima*
(Utusan Zaman, 25.5.1958)

Ini-lah satu²-nya pèrkembangan yang dapat di-lihat di-dalam sajak² Mélayu sèkarang. Pènyajak² kita (yang muda pada umum-nya) sèdang mènghanyut ka-satu alam yang pè-noh dèngan kata² yang hebat ('pètualang', 'dèdèmbaan', 'puingan', dan sa-bagai-nya) tètapi yang sangat di-ragukan tèntang kèjituhan isi-nya. Bukan tèrbatas kapada yang muda dan yang bèlum matang barangkali, tètapi Masuri sèndiri tèlah biasa mèmbuat sajak sapèrti itu. Dèngar-lah ini:

Dalam hirok pikok dunia gila bèrharap
kami ada satu dunia asing bèsèndiri
bebas dari kèributan yang mènggigat sarap
lèpas bèrfikir mèngegèmbara ka-sana sini.

— *Dunia Puisi* (Mastika, January, 1956)

Jalan ini — jalan ka-dunia khayal, ka-dunia 'sèni untok sèni' — yang nampak-nya sèdang di-ambil oleh pènyajak² kita bukan-lah tidak ada bandingan-nya. Puisi Barat sudah mènuruti jalan ini sa-ratus tahun lèbeh, sajak Keats dèngan angkatan romantik-nya sampai sèkarang ka-Ezra Pound, Baudelaire, Verlaine, Eliot dèngan pèlbagai isme mèreka.

Sèbab²-nya ada, mèngepa puisi mèngeambil belok ini bila ia sampai ka-satu pèrsimpangan jalan. Dèngan kèmèrdekaan, kita sudah sampai ka-pèrsimpangan jalan itu. Dahulu tiap² anggota masharakat kita ada-lah jèlas: mèlawan pèn-jajah. Pènjajah itu sa-memang-nya satu sasaran yang sè-nang kèrana ia di-luar batang tuboh masharakat kita. Sèlu-roh masharakat dèngan sègala kèlèngkapan-nya (tèrmasok sastèra) di-gèrakkan untok mènèntang musuh itu. Tètapi sa-sudah kèmèrdekaan, musuh ini tiada lagi, dan apa-kah dèngan itu masharakat kita sudah sèmpurna, sudah tidak

ada keburokan (kemiskinan, kejahilan, penindasan dan lain?), sudah tidak ada musuh lagi? Justeru kerana musuh kita sekarang (kemiskinan, kejahilan dan lain?) ada-lah musuh yang bertakhta di-dalam batang tubuh masyarakat kita sendiri, maka sukar hendak kita tentang. Apabila para penyajak kita berhadapan dengan keadaan ini, maka mereka pun (kecuali mereka yang mengetahui hakikat keadaan tersebut) surut-lah ka-alam lain untuk memuja petualang¹ yang menjadi penghuni-nya!

Ini-lah satu kemungkinan yang harus di-fikirkan oleh para penyajak kita dan juga oleh para pengkritik kita (bilakah mereka akan muncul?) dengan sungguh². Kerana apabila kemungkinan ini menjadi kenyataan, maka bukan sahaja perkembangan sastra kita akan menghadapi zaman yang gelap, tetapi juga kita sa-bagai satu bangsa akan menerima akibat³-nya yang pedih. Sastra bukan sa-orang dewi yang di-tugaskan Brahma untuk menghibor manusia terkutok di-dunia ini, tetapi sa-buah kandil yang menerangi fikiran, hati dan jiwa makhluk yang berbahagia.

(Dari Majalah Dewan Bahasa, July, 1958).

KESUSASTERAAN ASING DALAM PERTUMBOHAN KESUSASTERAAN KEBANGSAAN

(Oleh: Mustapha Kamil Yassin)

Soal pokok yang harus kita kaji di-sini ia-lah apa-kah jenis sastera asing yang turut sama di-dalam perkembangan sastera kita dan dari mana datang-nya. Sa-sudah itu apa pula-kah pëngaruh-nya pada sastera kita, apa-kah pëngaruh-nya bagitu mëndalam hingga mêngochar-kachirkan këindah-an bahasa kita, atau pun apa-kah pëngaruh-nya hanya sa-takat teknik pënciptaan-nya sahaja — dalam mëmpermainkan hëntok ayat, mëmpermainkan tata-bahasa, mëmpermainkan suku-kata, mëmpermainkan rëntak irama. Ada-kah pëngaruh-nya pada sëgi intelek, këchërdasan otak, mëm-bëntok sastera yang subjektif atau objektif, atau sastera yang bërshifat 'abstruse' — fikiran yang bërchampor adok atau 'recondite' — mënunjokkan pëngëtaahuan yang tidak boleh di-fahami oleh orang lain. Ada-kah pëngaruh² sastera asing yang turut sama bër-këmbang mênguntongkan atau mërugikan kësusasteraan bangsa kita?

Untuk dapat mënganalisa dan mëngkaji soal ini dëngan agak mëndalam tidak-lah mëmadaai hanya dëngan mëngupas soal pokok sahaja, kita mësti mëm bongkar urat umbi-nya

sa-kali. Kita mesti surut kembali ka-zaman yang silam di-kala mula terjadi-nya pertembongan antara sastera kita dengan sastera asing. Kita mesti mem-balek'kan lembaran sejarah, undor kembali dari satu zaman ka-satu zaman yang di-belakang-nya dari zaman penguasaan Barat, tegas-nya zaman penjajahan Inggeris yang baharu sahaja kita singkirkan, ka-zaman kesuebian Islam yang membawa kita ka-abad yang kelima belas, lebih kurang lima ratus tahun dahulu. Dan sa-belum-nya lagi ka-zaman Hindu, zaman kesemarakan upacara² dan tata-tertib hidup sa-chara Hindu, sa-terus-nya sastera³ Brahma dan Buddha, kesusasteraan Hindu. Untuk meninjau ini kita mesti berpalek ka-belakang sejak abad yang kedua, ketiga, keempat sa-sudah masehi, lebih kurang dua ribu tahun dahulu, dua ribu tahun nan silam.

Jadi sa-kira-nya di-tinjau dari pengajian sejarah yang tertulis nyata-lah sastera kita sudah mulai memupok titek persesuaian dengan sastera asing semenjak dua ribu tahun yang lalu, semenjak weda² Hindu — Antharwa weda, Sama weda, Yajur weda dan Reg weda — mengembangkan sayap-nya ka-Tanah Ayer kita ini. Oleh kerana sastera ada-lah hanya satu bahagian daripada kebudayaan maka sudah samesti-nya-lah chorak sastera itu sa-bahagian besar-nya ada-lah menurut aliran kebudayaan-nya. Kebudayaan negara kita di-zaman Hindu penuh dengan fahaman² Brahma dengan falsafah² hidup-nya yang berdasarkan sengsara dan moksha, dengan upacara² kebésaran-nya yang gilang gemilang, dengan Dewa derma Dewa dan Dewi derma Dewi-nya, dengan tulisan²-nya yang tinggi — Shastera²-nya Dharma-shastera, Arthashastera, Karmashastera, Manawudarmashastera dan ber-puluh² bahkan beratus buah yang lain² lagi. Segala-nya telah meresap dan mendalam serta mendapat perimbangan dalam alam fikiran orang² kita di-zaman nan

silam, zaman yang lebih di-kenal dengan zaman Hindu itu. Oleh itu sa-bagaimana kebudayaan mereka, chara hidup mereka, banyak menelan unsur² Hindu maka sa-banyak itu pula-lah kesusasteraan mereka mendapat bentuk dan badan daripada tulisan² angkatan Brahma Hindu, mahu pun yang bersifat suchi sa-bagai Brahmana Satapatha, yang bersifat takhyul sa-bagai Mahabharata dan Ramayana, dan yang bersifat akademik, ilmu pengetahuan sa-bagai Upanishad.

Tegas-lah dengan ada-nya sastera² asing, sastera Hindu ini, maka tambah kembang bersemarak-lah sastera kita di-zaman itu. Chara pengambilan sastera Hindu itu pelbagai rupa. Ada dengan jalan di-salin terus kepada bahasa kita, di-terjemahkan, sa-bagai chet²era :

Ramayana	m ² enjadi	Hikayat S ² eri Rama
Mahabharata	..	Hikaayat P ² endawa Jaya.
Shri Bhauma	..	Hikayat Maharaja Boma atau Hikayat Sang Samba
Bharattayuddha	..	Hikayat P ² erang P ² endawa Jaya dan lain ² lagi.

Ada yang di-sador kepada bahasa kita dengan mengambil motif atau plot²-nya sahaja, watak² yang mengambil bahagian dalam ch²erita²-nya, 'characters'-nya, atau hanya dengan meminjam nama² n²egeri dan dewa² dan dewi²-nya sahaja. Dengan mengambil bahan² daripada kitab² Jataka, Hitopadesha, sastera Buddha, ch²et²era² dari Katha Sarit Sagar, Panchatantra, Sukasaptati sastera² Brahma maka b²er-tambah²-lah j²enis ch²erita² binatang kita. Sang K²echil sa-makin banyak mempunyai p²eranan dan p²eristiwa sa-bagai-mana sa-makin banyak-nya pula ch²erita² margastua sa-bagai

Hikayat Bayan Budiman dan lain²-nya. Di-antara chërita² lama kita yang mēngambil motif Hindu tērmasuk-lah Hikayat Indēraputra, Hikayat Jaya Lēngkara, Hikayat Maharaja Puspa Wiraja, Hikayat Langlang Buana, Hikayat Parang Puting, Hikayat Pēkar Madi, Hikayat Raja Kērang, Hikayat Laksana, Hikayat Kayangan, Hikayat Indēra Bangsawan dan lain² lagi. Pērlu juga di-ingatkan pēngaruh sastēra Hindu bukan sahaja tērbatas kapada sastēra tulisan kita, sastēra yang bērtulis, tētapi juga kapada sastēra lisan, sastēra kita yang di-uchapkan dēngan mulut. Pendek-nya apa yang dahulu di-kēnal sērapoh dan jampi kini tēlah mēngambil sifat² 'mēntēra' — lēbeh tēgas, lēbeh mēndalam dan lēbeh angkoh kēdudukan-nya.

Sēgala kētēranan saya yang di-atas bukan-lah bērerti bahawa hanya ada-nya sastēra asing itu, tēgas-nya sastēra Hindu maka baharu-lah bērtunas dan tumbuh kēsusastēraan bangsa kita, tidak, tidak dan sa-ratus kali lagi tidak! Sastēra Mēlayu sudah hidup dan bērjiwa sējak sa-bēlum zaman Hindu lagi, di-zaman purba, zaman anamisma, dēngan chorak dan bēntok-nya yang tērsēndiri. Kita sudah mēmpunyai bidalan, pērumpamaan dan pērbilangan. Kita sudah mēmpunyai tēromba dan riwayat. Kita sudah mēmpunyai hikayat² asli, hikayat kēindahan alam, hikayat² binatang, hikayat² asal-usul, hikayat² jēnaka dan pēnglipor lara dan sa-tērus-nya. Kēbudayaan kita sudah chukup mēmpunyai nilai sa-bagai yang di-pēroleh daripada kētēranan² yang di-bēri oleh pēngēmbara² China di-zaman sa-bēlum Maschi lagi, saudagar² India sa-bēlum mēreka mēnētap di-sini, oleh Ptolemy, pakar pēnyiasat alam bangsa Yunani di-abad yang pērtama, juga sa-bēlum kēdatangan Hindu. Tidak-lah lojik sakali² bagi suatu bangsa yang tēlah mēmpunyai chara yang tērtentu, kēbudayaan yang bērmutu, tidak

ada lansong mēmpunyai kēsusastēraan. Saya tidak akan mēmpērpanjang lagi soal ini kērana bukan-lah tugas tulisan saya untok mēngkaji kēdudukan kēsusastēraan lama Mēlayu sa-bēlum kēdatangan Hindu. Saya kēmukakan soal ini kērana mungkin ada di-antara kita yang tēlah mēmbacha tulisan² pēntadbir atau pun pēnulis² Inggēris lama yang mēnyatakan bahawa bangsa Mēlayu hanya ada mēmpunyai kēsusastēraan sa-tēlah datang-nya Hindu ka-Tanah Ayer kita ini. Sa-bēlum itu tidak ada. Kēnyataan ini ada-lah sa-mata¹ kētēraan faham kolonial, faham pēnjajah yang sēntiasa mahu mēnindeh dan mēmijak kaum yang di-kuasainya supaya tērputus dan tidak kēnal pada kēmurnian dan kēagongan bangsa dan nēgara mēreka di-zaman yang silam.

Sa-ribu lima ratus tahun lama-nya zaman Hindu ini bērpēngaroh di-Tanah Ayer kita, dari lēbeh kurang pērmulaan abad Masehi hingga-lah ka-abad yang kēlima bēlas. Dan tidak-lah dapat di-nafikan bahawa di-dalam masa yang sa-panjang ini bukan-lah sadikit lagi pēngaroh kēbudayaan dan kēsusastēraan Hindu yang tēlah mēndalam ka-dalam tata-kēhidupan bangsa kita. Tētapi tidak-lah dapat juga di-nafikan bahawa walau pun tēlah sa-ribu lima ratus tahun lama-nya Hindu bērpēngaroh namun kaum dan bangsa kita tidak mēnganut ugama Hindu sa-lain daripada mungkin kaum² atasan dan raja². Tētapi bukan-lah bagini kēadaan-nya lagi sa-tēlah kēdatangan Islam. Islam harus tidak begitu bērjaya dalam mēmbawa pērubahan bēsar pada sēgi adat isti-¹adat, chara² hidup kaum bangsa kita, tētapi ia tēlah mēmbawa falsafah baharu, faham yang sungguh bērgolak, revolutioner, pada kala itu. Islam bērpēndapat bahawa di-sisi Tuhan manusia itu sama sahaja tidak kira raja, dato¹ atau hamba. Manusia tidak lagi bēr-kata¹ — Brahmana, Kēshatrya, Vaishya atau Paria — tētapi tiap² sa-orang mēm-

punyai hak¹ yang sa-timbal dan sa-rupa. Falsafah² ini begitu mendalam dan begitu di-kagumi oleh para sastërawan kita di-zaman itu hingga mëreka bërsifat hampir² fanatik di-dalam tiap² pënchipta kësusastëraan mëreka. Ini-lah pula sa-buah lagi pëngaruh asing yang tëläh mëmberì chorak kapada përtumbuhan kësusastëraan Mëlayu — pëngaruh Arab, pëngaruh Islam.

Sastëra² yang bërchorak Islam yang tëläh turut tumbuh di-kalangan sastëra² kita boleh-lah di-bahagikan kapada:—

- i. Chërita dan riwayat tokoh² Islam sa-bëlum zahirnya Nabi Bësar Muhammad s.a.w. sa-bagai Hikayat Iskandar Dzul'l karnaian, Hikayat Nabi Yusof, Hikayat Nabi Isa, Hikayat Amir Hamzah dan juga Hikayat Saif Dhul-Yazan.
- ii. Hikayat² Nabi Bësar s. a. w., sa-bagai Hikayat Nabi Bërchukor, Hikayat Nabi Wafat juga chëtëra² pëmimpin² yang di-puja oleh kaum Shi'ah sa-bagai Hassan dan Hussein dan Muhammad Hanafiah.
- iii. Chërita orang² yang juga bërkaitan dëngan këhidupan Nabi, këbanyakan-nya yang bërbëntok tahyul sa-bagai Hikayat Tamin ad-Dari.
- iv. Chëtëra² baharu yang hanya mëmëtek nama atau motif Arab sa-bagai Hikayat Raja Handak atau Raja Lahad.

Di-zaman ini pula-lah maka baharu dapat kita mëngënal tokoh² sastërawan kita sa-bagai:

Hamzah Fansuri — pënya'er agong dan pëngarang *Sharab al-Ashikin*.

- Shamsuddin Pasai* — pēnulis Miratal Mu'min, juga tēr-kēnal sa-bagai pēngupas sajak² Hamzah.
- Shaikh Nuruddin ibni Ali* — pēngarang Bustanis Salatin, dan lain² prosa dan puisi.
- Abdul Rauf Singket* — dēngan "Umdat al-Muhtajin", dan lain².
- Abdul Samad Palembang* — yang tēlah bērusaha mēntērjēmahkan "Ihya Ulumuddin" karangan Imam Ghazali yang mashhor itu.
- Muhammad ibni Ahmad* — pēnulis Hikayat Samman.
- Kemas Fakhruddin* — pēnyusun Mukhtasar Shaikh Al-Wali Damsheq.
- Daud ibni Abdullah ibni Idris* — pēnyusun kitab² Shafi'e.

Sa-kali lagi pērlu di-tēgaskan bahawa usaha² pēngarang yang tērsēbut tadi dan juga yang lain² yang nama² mēreka tēlah hilang di-tēlan zaman bukan-lah sa-mata² tērbatas pada mēntērjēmahkan chētēra² dan kitab² Arab sahaja tētapi juga tēlah mēnghasilkan sastēra² Mēlayu tērsēndiri yang lain².

Apa-kah pula pēngaruh sastēra Arab atau Islam — juga sastēra asing ini — tērhadap pērkembangan sastēra Mēlayu? Di-atas tadi tēlah saya tērangkan bahawa falsafah yang di-bawa Islam ini sangat *revolutioner*, mēmbēri kēdudukan baharu pada pēngarang² bangsa, hingga mēnjadikan mēreka fanatik kapada faham dan sa-tērus-nya ugama yang mēreka anut. Mēreka begitu kagum kapada Islam hingga apa sahaja yang bērbēntok Islam yang kadang² sa-bēnar-nya Arab mēreka anggap itu-lah yang matlamat dan punchak dari sēgala kētinggian. Ini kēlihatan dēngan jēlas-nya pada sēgala chiptaan sastēra-nya. Tiap² pēngarang yang tēlah tērtulis nama-nya tadi pada tiap² buah chiptaan-nya

yang berbentuk prosa bukan sahaja memberi nama¹ buku mereka dalam bahasa Arab, memakai dengan banyak-nya perkataan² Arab tetapi yang paling menarik perhatian ialah mereka sanggup meninggalkan tata-bahasa dan ikatan ayat Melayu asli dan sa-dapat mungkin menulis segala ciptaan sastrera Melayu-nya dalam bentuk tata-bahasa dan ikatan ayat Arab! Dan proses ini memang sudah mendalam, hingga hari ini masih boleh di-dapati di-satengah³ tempat di-kampung ranchana⁴ khutbah Juma'at dan Hari Raya yang dalam segala⁵-nya masih tetap berchorak Arab — tata-bahasa-nya, ikatan ayat-nya, tamthil⁶-nya hinggakan lagu bahasa-nya, ketika tulisan⁷ ini di-bachakan oleh Khatib, mempunyai sa-ratus peratus rentak irama pembacaan Arabhanya kata⁸-nya sahaja yang Melayu! Ini-lah apa yang saya maksudkan pada mula-nya tadi dengan aliran *fanaticisma* — fanatik kepada apa sahaja yang berchorak Islam atau Arab. Kesimpulan-nya banyak daripada golongan lama kita yang mempunyai pendapat bahawa Arab itu bukan sahaja Islam tetapi Islam itu Arab!

Jika pengaruh sastra asing di-zaman Hindu membuai-kan dan mendendangkan para sastrawan kita di-alam khayal, alam impian, maka pengaruh asing pula di-zaman Islam kembali melatakkan pujangga⁹ kita menjajak bumi nyata, alam hidup mereka. Tetapi malang-nya dalam proses ini, dalam pengendalian ini, teknik mereka telah terombak, terkochar-kachir hingga melupakan sama sa-kali yang asal.

Kemudian datang-lah Barat dengan hebat-nya — Barat yang berbentuk Belanda dan Inggeris. Sampai-nya Barat di-sini ia-lah sa-telah mereka sendiri mengalami beberapa perubahan, pergolakan yang berserjarah di-negeri¹⁰ mereka sendiri. Juga sa-telah bertempur dengan negara¹¹ tetangga-

nya, di-antara sa-sama mereka. Daripada pengalaman yang pahit getir itu, beserta keadaan alam mereka yang sempit dan buas, mereka telah meningkat maju dengan pesat-nya. Mereka berjaya mengechap kemajuan dari segala segi, kesusilaan dan material — autocrasi kapada demokrasi, kemajuan pengetahuan sains yang tidak mengenal batas. Kerana sastra ada-lah intisari masyarakat dan penggambaran peribadi masyarakat yang seni tetapi bernas, maka segala corak hidup mereka ini terlihat dengan nyata-nya pada sastra mereka. Sastra mereka tidak lagi mengutamakan kata² yang lemak melenakan, yang ber-pusing² dan berselindung tetapi pesat kapada tujuan, tepat dan jitu. Sajak² mereka tidak lagi terikat dan terkongkong menurut kehendak usang tetapi lepas dan bebas tidak bimbang dan ragu menarikan inspirasi persaorangan, menggayakan suratan persendirian. Apa-kah akibat-nya kapada bangsa kita sa-telah terjadi-nya kontak, pertembongan — material kontak dan kultur kontak — pertembongan kebendaan dan pertembongan kebudayaan di-antara bangsa mereka dan kita sendiri? Dari segi tata-hidup, budaya, banyak juga — pakaian kita, antara² makanan kita, pekerjaan, chara pendidekan dan sedikit sabanyak-nya hidup kesusilaan. Dari segi pengetahuan kesenian — *academic arts* — tipis sa-kali, hampir tidak ada langsung. Kita memang sudah mempunyai kesenian, kesenian yang halus, tetapi pengajian tentang penganalisaan, penghargaan dan penilaian seni² kita — seni lukis, seni suara, seni drama, seni tari dan sa-terus-nya seni tulis, kesusasteraan, ada-lah kurang benar. Segala²-nya telah meningkat dengan tinggi-nya di-negeri² Barat, kenapa-kah kita tidak berjaya mendapat walau pun telah sa-kian lama mempunyai perhubungan? Apa-kah sastra mereka, sa-buah lagi sastra asing, tidak mempunyai pengaruh pada sastra kita?

Apa-kah sastera kita sudah statik, beku, tidak bergerak menurut maju meningkat waktu?

Sastera kita sudah menerima perubahan. Sastera kita turut mengikut rentak kaki, mahu sa-jalan dan sa-pergi, mengikut irama zaman. Pengaruh apa pula-kah yang telah meresap kepada sastera kita hingga merakamkan perubahan ini, pengaruh Barat? Pengaruh Inggeris tuan lama kita? Pengaruh Barat, ya, banyak unsur² yang menunjukkan-nya, pengaruh Inggerisya dan tidak!

Kita tahu bahawa permulaan datang perubahan baharu dalam pembentokan sastera kita ada-lah di-ulukan oleh pu-jangga agong kita Munshi Abdullah sa-bagai hasil daripada perhubungan-nya dan perchamporan-nya yang meluas dengan Inggeris. Sadikit demi sadikit aliran persuratan dan kesu-sasteraan Melayu sa-lepas itu menurut Abdullah. Tetapi sa-benar-nya peralehan yang pesat dan jelas dalam penciptaan aliran baharu ini hanya berbekas pasti sa-telah kita mempunyai perhubungan rapat dengan Indonesia, sa-telah kita di-berkas oleh Jepun! Dari mana pula-kah negara tetangga kita Indonesia menyedut madu perubahan-nyasa-bahagian besar-nya ada-lah dari Inggeris dan tidak dari Belanda, tuan mulia mereka. Di-pandang sa-kali imbas tentu-lah sangat aneh keadaan ini. Kita, Tanah Melayu, yang di-bawah Inggeris tidak mendapat perubahan apa² dalam pertumbuhan sastera kita dari Inggeris yang menguasai kita. Indonesia yang di-bawah pemerintahan Belanda juga tidak mendapat apa² pula dari Belanda. Sa-benar-nya perkara ini tidak ganjil dan bukan aneh. Kedudukan Belanda dan Inggeris di-negeri Timor ini ada-lah sa-bagai lambang kuasa penjajah dan sa-memang-nya-lah *tidak ada* di-dalam kamus penjajahan kata² yang di-tujukan untuk meninggikan ke-

halusan jiwa, përibaditëgas-nya kësusastëraan bangsa yang di-tindeh-nya!

Apabila saya mënuliskan "tidak ada" di-atas tadi bukanlah maksud saya mëngekatakan "tidak ada" dëngan sa-chara gramatika, nahu, yang bërma'ana nihil, tidak ada langsung — tëtëpi "tidak ada" dëngan sa-chara linguistik, ragam bahasa yang mëmponyai pëngërtian 'kalau ada pun sadikit bënar!' Inggëris ada mëngekalkan sastëra-nya pada bangsa kita. Ia tëläh mëndirikan "*The Malay Translation Bureau*" sëjak tahun 1924 lagi yang pada awal-nya tërlëtak di-Tanjong Malim dan këmudian-nya bëralih ka-Kuala Lumpur. Apakah hasil-nya kërja pëjabat ini?

Di-antara sënarai pëngëluaran pëjabat ini ada-lah:—

Sang Maharaja Singa, Hikayat Taman Ajaib, Chërita² Shakespeare, Pëlayaran Gulliver, Sang Lamri, Pulau Émas, Chërita Alauddin, Chëndëra Lela, Chërita Robin Hood, Pulau Karang, Sang Kuching Bërkasut, Tuan Putëri Tidor, Anak Raja Mënjadi Undan, Anak Itek Burok, Ali Baba, Mëngëlilingi Dunia 80 Hari, Chërita² Sexton Blake, Panglima Hercules, Hantu Samaran, Për-mata Kali, Hikayat Taman Përi, Chërita Alhambra, Topeng Hitam dan ëmpat lima buah yang baharu² lagi.

Tërjëmahan²-nya ada-lah sa-chara bebas sa-kali dëngan sadikit pun tidak mërësapkan këmamanan dan këindahan gaya dan bahasa yang ada pada buku² asli-nya sa-bagaimana yang tërdapat pada usaha² pëntërjëmah² kita di-zaman yang silap di-kala mëntërjëmahkan buku² këlasiik sa-bagai Maha-

bharata dan Ramayana. Sa-bēnar-nya dan sudah sa-mēsti-nya-lah usaha¹ itu sēmuanya di-tujukan pada pēmbachakanak² untok pēnghiboran sahaja. Apa yang tēlah di-usahakan sa-kian lama bukan sastēra³ pēnting yang mēwakili kēsusastēraan agong bangsa Inggēris supaya dapat pula kita mēngēchap dan mēnikmati-nya. Tidak, ini tēntu-lah tidak mungkin kapada siapa yang ingin mēmpērkayakan pērbēndaharaan bangsa-nya. Kēadaan-nya bērubah sa-kali jika sa-saorang itu mahu dan akor mēmpēlajari-nya dalam bahasa Inggēris dēngan chara Inggēris, Inggēris pēndidekan-nya dan Inggēris aliran fikiran-nya. Orang yang sanggup mēmpēlajari-nya dēngan chara ini boleh dan dapat mēmpēlajari-nya dēngan chara yang sa-dalam⁴-nya malah ka-tingkatan university. Tidak boleh tidak sa-bahagian bēsar daripada hasil pēndidekan yang bagini bēntok-nya tēntu-lah mēngēluarkan pēlajar⁵ yang aliran fikiran mēreka sēndiri sudah mēnjadi kēingggērisan. Mēreka bandingkan sastēra mēreka dan sastēra Inggēris. Mēreka lihat sastēra sa-bagai sa-suatu yang rēndah, jauh mundor di-bēlakang. Oleh itu mēreka tidak mahu mēlumori tangan mēreka untok mēnunda dia kahadapan apa lagi untok mēngangkat, mēnjunjong ia tinggi. Mērasa puas hanya bērgēlumang dēngan akhbar, majallah, buku⁶ sastēra Inggēris. Sē-gala⁷-nya *Inggēris*. Ah, alang-kah bērjaya-nya pēndidekan pēnjajahan! Alang-kah pēdech dan tērsiat-nya pērasaan bila di-libat kēliling bahawa faham ini masēh bērmaharajalela hari ini, di-kala nēgēri kita sudah *Mērdēka!*!

Bagaimana-kah kēadaan-nya di-Indonesia, nēgara saudara kita yang hērbahasa Mēlayu itu juga? Kēadaan di-sana lēbih tērator dan tērsusun. Para intēlek mēreka mēnyaring dan mēmilih sastēra⁸ agong sēgala bangsa di-Eropah dan juga di-nēgara⁹ Timor ini dan mēnuliskan-nya ka-dalam

bahasa-nya. Maka bertambah luas-lah pembacaan mereka. Hasil-nya para sastrawan di-sana mendapat bahan² yang lebih banyak, falsafah² yang aneka ragam. Mereka dapat menyelam lebih dalam ka-dasar lautan dan mereka dapat mendaki lebih tinggi ka-puncak gunung.

Di-antara usaha mereka:—

DARI AMERIKA

- Saadah Alim: *Angin Timor Angin Barat*
karangan Pearl S. Buck.
- Mokhtar Lubis: *Orang Kaya*
karangan Scott Fitzgerald.
- Makmur Rashid: *Salju Kilimanjaro*
karangan Earnest Hemingway.
- Barus Seregar: *Tahun 1984*.
karangan George Orwell.
- Chairul Anwar: *Kena Gempur*
karangan John Steinbeck.
- Abdul Muis: *Tom Sawyer*
karangan Mark Twain.
-dan lain² lagi.

DARI INGGERIS

- Marah Rusli: *Gadis Yang Malang*
karangan Charles Dicken.
- K. St. Pamunchak: *Anak Perawan Di-Jalan Sunyi*
karangan Conan Doyle.
- H. A. Salim: *Cherita Mowgli Anak Rimba*
karangan Rudyard Kipling.
- Trisno Sumarjo: *Drama² William Shakespeare berben-
tok sajak bebas sa-bagai asal-nya.*

Hamlet, Pangeran Denmark, Saudagar Venezia
karangan Prachara (Tempest).
Impian di-Tengah Musim, Romeo dan Juliet.
karangan Mana Suka.
.....dan lain².

DARI PERANCIS

St. Iskandar: *Tiga Panglima Perang*
karangan Alexander Dumas.
H. B. Yassin: *Terbang Malam*
karangan Antoine de St-Exupery.
Chairul Anwar: *Pulang-lah Si Anak Hilang.*
karangan Andre Dide.
S. Takdir Alishahbana: *Nelayan di-Laut Utara*
karangan Pierre Dide
Arsul Sani: *Laut Membisu*
karangan Vercors.
.....dan yang lain².

DARI RUSSIA

M. Réjab: *Si Lēmbut Hati dan lain²*
karangan F. M. Dostoyewsky.
Hassan Amin: *Batu Mantel*
karangan Nicolai Gogol.
Pramudya Anantatur: *Ibu dan lain²*
karangan Maxim Gorki.
Shahbudin Latif: *Chërita Iwan Pandir*
karangan Tolstoy.
Idrus: *Kèreta Api Badja*
karangan Vsevolod Ivanov.
.....sërta yang lain² lagi.

DARI INDIA

Buah-tangan Rabindranath Tagore sa-bagai: "*Mémantikan Surat Dari Raja*", "*Bunga Seroja dari Gangga*", "*Di-dalam dan Di-luar Lengkongan Rumah-tangga*", "*Tamu dan beberapa Kisah Lain*", "*Gintanyadi*", "*Chitra*". Usaha² Md. Yamin, Darmawijaya, Amal Hamzah dan Anas Ma'aruf.

Juga karangan² tokoh² bésar dari nĕgara² lain sa-bagai:

Andreas, Latzko, (Italy); H. Seinkiewicz, (Poland); Sved Hedin, (Sweden); Cervantes dan Lope, (Sĕpanyol); Ellschot, (Bĕlanda); Karaosmanoglu, (Turki); Jardi Zaidan, (Masir); Andetson, (Denmark); Felix Dahn, (Jĕrman); Mohd. Iqbal, (Pakistan); Chen Chuen dari nĕgĕri China.

Mĕmadai-lah dĕngan sĕnarai di-atas itu sahaja untok mĕnggambarkan bagaimana giat-nya usaha pĕngarang² ulong Indonesia untok mĕmpĕrkĕnalkan sastĕra asing kapada bangsa-nya.

Suatu pĕrkara yang pĕnting dalam pĕnglaksanaan sastĕra asing kapada bangsa kita ini ada-lah, kita bukan mahu mĕreka untok mĕngubah chorak sastĕra kita supaya bĕrbau dan bĕrjiwa asing, supaya pĕngaruh-nya mĕnjadi jiwa sastĕra kita, tidak! Kita mahu sastĕra itu sa-bagai bahan untok mĕmpĕrkĕmas dan mĕmpĕrpadat isi sastĕra kita, jika ia kĕcil kita lĕtakkan di-bawah dan jadikan ia sa-bagai batu lonjakan dan jika ia bĕsar kita susun dan kita ator supaya ia mĕnjadi batu benteng. Pada hari ini, di-zaman kĕmĕrdekaan, sa-patut-nya sudah tidak ada lagi tĕkanan jiwa dari Inggĕris untok mĕn-dewa²kan sastĕra-nya. Kita

mahu sastera Inggeris untuk di-jadikan hamba sastera kita, kita mahu sari sastera Inggeris dan segala rupa bentuk pengetahuan dan pelajaran yang boleh di-petek daripadanya untuk mengangkat ka-atas dan menjulang tinggi nilai dan mutu sastera bangsa kita, nilai dan mutu kesusasteraan Melayu!

Harapan yang paling tinggi pada masa ini ada-lah bagi kaum intelek kita yang telah berpeluang mendapat pelajaran dalam bahasa asing apa lagi pula di-negara asing untuk sama menyumbangkan tenaga-nya menjunjong dan mendukung bahasa ibunda-nya, memperkaya sastera bangsa..... menuju kedaulatan bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu.

Rencana yang tepat dan tegas hendaklah di-tumpukan ka-araf ini yang nanti bukan sahaja dapat menyelami keindahan sastera Barat juga mengechap kemurnian sastera Timor.

Di-samping itu tentu-lah usaha, pengajian dan penyelidikan tentang sastera lama kita, sastera daerah, akan berjalan terus supaya ada sa-pimbangan jalan, sa-pemergian dengan sastera asing yang kita kutip. Kita mahu apa yang kita kutip dan masukkan ka-dalam kepok atau rumah padi kita itu sa-bagai pengisi yang terluang dan penyama yang tidak rata. Kita tidak-lah sekali mahu apa yang kita kutip menjadi begitu berat sa-hingga meruntuhkan kepok atau rumah padi kita sendiri. Yang kita mahu ambil hanya butir yang begitu bernas dan bersesuaian dengan keadaan padi kita hingga mereka dapat di-satukan supaya menimbulkan satu jenis padi yang akan terbit berlipat ganda lagi lebat-nya.

Buat penutup saya ulangi sa-kali lagi, sastrera asing yang ada pada kita di-masa ini ada-lah terlalu sedikit dan bukan mewakili apa yang terpenting dan tertinggi daripada sastrera² mereka. Oleh itu tidak-lah dapat kita katakan sedikit sa-banyak-nya pengaruh yang telah ada pada kita itu baik atau burok dalam pertumbuhan sastrera kita. Kita mahu lagi dalam bahasa kita intisari dari sastrera² asing Timor dan Barat untok di-jadikan perbandingan dan bahan supaya kita dapat menyelam lebih dalam dan mendaki lebih tinggi dalam usaha kita memupok, mempertinggi dan memperkaya sastrera bangsa, kesusasteraan Melayu.

Hidup kekal abadi-lah Bahasa Melayu!

Tajuk asal rencana ini ialah "Sastrera Asing Dalam Pertumbuhan Kesusasteraan Kebangsaan Dan Pengaruh-nya", dan telah di-tulis oleh Sdra. Mustapha Kamil Yassin dalam majalah Dewan Bahasa, jilid III, bilangan 181 keluaran bulan August, 1955.

BAHAN PEMBACHAAN DAN PENGAMBILAN

Majallah' Dewan Bahasa, penerbitan D. B. P.

Sjjarah Kesusasteraan Melayu I, karangan A. Samad Ahmad.

Printis Sastera, oleh Dr. C. Hooykaas.

Majallah' Mastika, penerbitan Utusan Melayu.

Kertas Kerja K. B. & P. M. III.

Taman Bahasa, bilangan (2), 1957, di-keluarkan oleh I. P. M.,
Melaka.

Chindera Mata Merdeka, di-keluarkan oleh P. B. M.,
M. P. S. I., Tanjong Malim, Perak.

Guru, keluaran istimewa, tahun 1958, di-keluarkan oleh Ja-
batan Penerangan, KPGMS.